

***Himpunan Risalah***

***Dalam Beberapa***

***Persoalan Ummah***

**(Buku 2)**

**Operasi Berani Mati, Mandi Bunga, Isra' dan Mi'raj,  
Wanita Bekerjaya, dan Fiqh Lintas Agama.**

Penyusun

Hafiz Firdaus Abdullah

**Judul:**

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 2)

**Penyusun:**

Hafiz Firdaus Abdullah  
www.al-firdaus.com  
hafizfirdaus@yahoo.com  
SMS: 019-384 8467

**© Hafiz Firdaus Abdullah.**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2005

**Penerbit:**

Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.  
Fax: 07-235 1603  
<http://www.jahabersa.com.my>  
jahabers@tm.net.my  
jahabers@starhub.net.sg

## Kandungan

<b>Kata Pengantar</b>	<b>4</b>
1. <b>Operasi Berani Mati Menurut Neraca Islam</b> Mohd. Fikri Che Hussain & Hafiz Firdaus Abdullah	<b>6</b>
2. <b>Petunjuk Jalan yang Panjang</b> Tok Janggut	<b>48</b>
3. <b>Wahhabi Mengharamkan Zikir Sesudah Sembahyang?</b> Mohd Yaakub bin Mohd Yunus	<b>61</b>
4. <b>Mandi Bunga: Suatu Analisis</b> Hazman Hassan	<b>77</b>
5. <b>Working For The Ideal: The True Invaluable Nature of Women's Work in Islam</b> Umm Ziyaad.	<b>87</b>
6. <b>Kecerdasan Emosi: Satu Pengenalan</b> Azromihana binti Azmi	<b>101</b>
7. <b>Principle references of Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah</b> Muhammad Khairul bin Mohamed	<b>135</b>
8. <b>Isra' dan Mi'raj: Mukjizat Rasulullah Yang Kedua Terbesar</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>148</b>
9. <b>Teringat Zaman Italian Football.</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>178</b>
10. <b>Kerukunan Antara Agama, Bukan Kesamaan Antara Agama</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>183</b>
11. <b>Memintas Fiqh Lintas Agama</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>200</b>

*Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Salam dan Selawat kepada Rasulullah, ahli keluarga baginda, para sahabat baginda dan semua generasi umat Islam yang bersungguh-sungguh dalam mengikuti mereka.*

*Alhamdulillah*, ini adalah Buku 2 daripada siri *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah*. Sebelum ini telah terbit Buku 1 dan ia mendapat sambutan yang amat baik daripada kalangan pecinta ilmu. Buku-buku dalam siri ini sengaja saya usahakan untuk memenuhi citarasa para pecinta ilmu dalam beberapa isu dan persoalan umat Islam terkini.

Subjek yang dibincangkan dalam Buku 2 ini antara lain berkenaan hukum para pejuang Palestin yang meletupkan bom pada dirinya (Operasi Berani Mati), penilaian sebenar antara wanita bekerjaya dan suri rumah yang menjaga anak, isu Isra' dan Mi'raj yang menurut Astora Jabat hanya berlaku ke atas ruh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan aliran *Fiqh Lintas Agama* yang mendakwa semua agama adalah sama.

Para penyumbang risalah dalam buku terdiri daripada rakan-rakan penulis. Sebahagian besar daripada mereka, termasuk diri penulis sendiri, tidak memiliki latar belakang pendidikan agama yang formal. Namun atas sikap kepekaan terhadap agama dan keprihatinan terhadap isu-isu umat, mereka mengusahakan sesuatu agar dapat menepati firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara***

***yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).*** [Ali Imran 3:110]

Sesungguhnya umat Islam hanya akan menjadi umat yang terbaik dengan berusaha menegakkan apa yang baik dan membasmi apa yang buruk (*amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*) berdasarkan ukuran al-Qur'an dan al-Sunnah yang sah.

Semua penyumbang risalah dalam Buku 1 dan Buku 2 ini menulis tanpa meminta apa-apa bayaran dan demikian juga, buku ini diterbitkan tanpa apa-apa ikatan royalti. Para pembaca sekalian dialu-alukan menyebarkan risalah-risalah yang terkandung di dalamnya kepada orang ramai. *Insyah-Allah* dalam masa terdekat buku ini akan juga disediakan dalam bentuk *e-book* dan boleh dibaca dan disebarluaskan secara percuma di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

*Wassalamua'alaikum warahmatullah*

Hafiz Firdaus Abdullah

10 November 2004

## **Operasi Berani Mati Menurut Neraca Islam**

Oleh

Mohd. Fikri Che Hussain (alamghiri@yahoo.com)

Hafiz Firdaus Abdullah (hafizfirdaus@yahoo.com)

### **Pendahuluan**

*Alhamdulillah*, segala pujian bagi Allah *Ta'ala*. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan besar Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Begitu juga kepada ahli keluarga Baginda, para sahabat yang diredhai Allah serta para ulama dan syuhada yang telah bersama-sama berjuang demi meninggikan kalimah Allah di muka bumi ini.

Firman Allah *Ta'ala*:

***"Oleh itu, orang-orang (beriman) yang mengutamakan kebahagiaan akhirat daripada (kesenangan) kehidupan dunia, hendaklah mereka berperang pada jalan Allah (untuk membela Islam). Dan sesiapa yang berperang pada jalan Allah lalu ia mati (gugur Syahid) atau beroleh kemenangan, maka Kami akan memberi kepadanya pahala yang besar."***<sup>1</sup>

Seringkali kita mendengar di media tentang belia-belia Palestin, tak kira lelaki atau wanita, yang meletupkan diri mereka dalam rangka memberi

---

<sup>1</sup> Surah al-Nisa (4), ayat 74.

kemusnahan kepada musuh, yakni orang-orang Yahudi - Israel yang telah menjajah negara mereka sejak tahun 1948. Tindakan ini, yang diistilahkan sebagai *Operasi Berani Mati*, mengundang perselisihan pendapat di kalangan umat Islam, adakah ia dibolehkan dalam syari'at Islam atau ianya dilarang?

Kajian serta analisa terhadap beberapa ayat al-Qur'an, hadis Rasulullah, kisah sahabat dan pendapat para ahli fiqh menunjukkan bahawa tindakan ini termasuk sebagai satu cara berjihad di jalan Allah, justeru ia dibolehkan. Berikut dikemukakan hasil kajian tersebut, diikuti dengan analisa ke atas hujah-hujah pihak yang berpendapat Operasi Berani Mati adalah terlarang.

### **Operasi Berani Mati dalam pandangan al-Qur'an dan al-Sunnah.**

Operasi Berani Mati, atau istilah arabnya: *al-Istisyhadi*, amat jauh berbeza dengan operasi bunuh diri yang dikenali dalam bahasa arab sebagai *al-Intihariyah*. *al-Istisyhadi* secara umum boleh didefinisikan sebagai: "Tindakan jihad yang ditunjukkan oleh si pelakunya dengan mengharapkan syahid pada keadaan tersebut".

Mengharapkan syahid adalah satu perbuatan yang disyari'atkan oleh Islam sebagaimana yang diterangkan oleh banyak hadis yang bertaraf sahih sehingga al-Imam al-Bukhari (w.256H) sendiri telah meletakkan satu tajuk khas di dalam kitabnya, iaitu bab '*Tamanni al- Syahadah*' yang boleh diertikan sebagai "Bab Mengharapkan Syahid." Hadis tersebut berbunyi:







hujah akan keutamaan mengharapkan mati syahid dalam rangka berjihad di jalan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.<sup>5</sup>

Adapun Operasi Berani Mati yang akan kita bincang dalam risalah ini, ia adalah satu tindakan **pilihan terakhir** (*last option*) dalam memerangi musuh. Ia adalah satu cara yang dapat memusnahkan musuh atau setidaknya-tidaknya dapat menggerunkan mereka sehingga tersemat perasaan takut di dalam jiwa mereka. Sememangnya tujuan asas jihad ialah memerangi musuh. Namun jika ini tidak mampu dicapai maka umat Islam dituntut melakukan apa sahaja untuk menggerunkan mereka sementara mencari kekuatan yang secukupnya untuk memerangi mereka. Firman Allah:

***Dia-lah yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di antara Ahli Kitab - dari kampung halaman mereka ketika mula-mula mereka berhimpun (hendak memerangi Rasulullah).***

***Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar (disebabkan bilangannya yang ramai dan pertahanannya yang kuat), dan mereka pula menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat menahan serta memberi perlindungan kepada mereka (dari azab) Allah.***

---

<sup>5</sup> Terdapat pelbagai ayat al-Qur'an dan hadis-hadis lain yang menerangkan keutamaan jihad dan kemuliaan para mujahid. Para pembaca boleh rujuk kepada buku Hafiz Firdaus Abdullah yang berjudul *Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2004.

***Maka Allah menimpakan (azab-Nya) kepada mereka dari arah yang tidak terlintas dalam pikiran mereka, serta dilemparkan-Nya perasaan cemas takut ke dalam hati mereka, (lalu) mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri (dari dalam) sambil tangan orang-orang yang beriman (yang mengepung mereka dari luar). Maka insafilah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal pikiran serta celik mata hatinya.<sup>6</sup>***

Firman-Nya lagi:

***Kami akan isikan hati orang-orang kafir itu dengan perasaan gerun, disebabkan mereka mempersekutukan Allah dengan benda-benda (yang mereka sembah) yang Allah tidak menurunkan sebarang keterangan yang membenarkannya. Dan (dengan yang demikian) tempat kembali mereka ialah neraka, dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal bagi orang-orang zalim.<sup>7</sup>***

Oleh itu diharuskan memerangi musuh dan menggerunkan mereka dengan apa jua cara dan kekuatan. Ini berdasarkan keumuman firman Allah:

***Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan***

---

<sup>6</sup> Surah al-Hasyr (59), ayat 2.

<sup>7</sup> Surah Ali-Imran (3), ayat 151.

**dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.**<sup>8</sup>

Termasuk **kekuatan yang dapat disediakan** oleh umat Islam ialah para pejuang yang sanggup mengorbankan dirinya jika sudah jelas **tiada pilihan lain** dalam memerangi dan menggerunkan musuh. Mengorbankan diri sendiri atau Operasi Berani Mati memiliki dalil daripada firman Allah Ta'ala:

***Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredhaan Allah semata-mata dan Allah pula amat belas-kasihan akan hamba-hamba-Nya.***<sup>9</sup>

Selain itu hadis berikut menjadi rujukan, daripada Shu'aib *radhiallahu 'anh*, beliau menerangkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!! !!! !! !!! !!! !! ***y*** !! !!! !! !!! !!! !! !!! !!! !!! !!! !! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!  
 !! !!! !!! !! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! !!! ***f*** !!! !!!

---

<sup>8</sup> Surah al-Anfal (8), ayat 60.

<sup>9</sup> Surah al-Baqarah (2), ayat 207.







*mendapati orang-orang ketakutan kerana seekor binatang besar yang menghalangi jalan mereka. Anak muda itu berkata: "Hari ini akan aku ketahui siapa yang sebenarnya lebih baik, tukang sihir atau rahib itu." Lalu anak muda itu mengambil sebongkah batu dan berkata: "Ya Allah, jika si-rahib lebih Engkau cintai daripada si-tukang sihir, maka bunuhlah binatang ini dan orang-orang pun dapat bebas kembali." Kemudian dia melemparkan batu yang digenggamnya. Binatang itu mati dan orang-orang pun bebas seperti sedia kala.*

*Sesudah itu dia pun menceritakan kejadian itu kepada rahib. Mendengarnya, rahib berkata: "Wahai anakku, hari ini kamu lebih baik dariku. Kamu sudah sampai kepada keadaan seperti yang aku lihat sekarang ini. Satu masa nanti kamu akan dizalimi. Jika itu terjadi janganlah kamu bercerita tentang diriku." Sejak itu anak muda tersebut mula mengubati orang sakit kusta, orang yang matanya nyaris buta, dan pelbagai penyakit lain.*

*Salah seorang penasihat raja yang telah buta mendengar tentang hal ini dan dia datang kepada anak muda tersebut sambil membawa banyak hadiah dan berkata: "Semua yang ada ini akan aku berikan kepadamu jika kamu sembuhkan diriku." Anak muda menjawab: "Sesungguhnya aku tidak dapat menyembuhkan siapa pun. Hanya Allah yang menyembuhkan. Jika Anda beriman kepada Allah, aku akan memohon kepada Allah supaya Dia menyembuhkan anda."*



*Lalu penasihat itu beriman kepada Allah dan Allah menyembuhkannya. Kemudian dia pergi menghadap raja seperti biasa. Raja bertanya: "Siapakah yang mengembalikan penglihatanmu?" Dia menjawab: "Tuhan-ku." Rajanya bertanya: "Kamu mempunyai tuhan selain aku?" Penasihat menjawab: "Tuhan aku dan tuhan kamu adalah Allah." Maka raja mula menyiksanya sehinggalah penasihat itu menceritakan berkenaan anak muda tersebut.*

*Lalu raja memanggil anak muda tersebut dan bertanya kepadanya: "Wahai anakku, ilmu sihirmu sudah dapat menyembuhkan penyakit kusta, buta dan sebagainya." Anak muda menjawab: "Sungguh aku tidak menyembuhkan siapa pun. Hanyasanya Allah jualah yang menyembuhkan." Mendengar jawapan tersebut anak muda itu terus disiksa sampai dia menceritakan perihal rahib (yang mengajarnya tempoh hari). Lalu raja memanggil rahib dan diperintahkan: "Kembalilah dari agamamu (kepada agama aku)!" Rahib menolak perintah tersebut. Maka raja memerintah supaya diambil gergaji lalu digergaji di pangkal kepalanya sehingga putus. Kemudian raja memanggil penasihat dan diperintahkan kepadanya: "Kembalilah dari agamamu (kepada agama aku)!" Penasihat itu juga enggan, lalu digergaji pangkal kepalanya sehingga putus.*

*Akhirnya dipanggil anak muda dan diperintahkan kepadanya: "Kembalilah dari agamamu (kepada agama aku)!" Anak muda itu turut*

***enggan. Maka raja memerintahkan para pengawalnya: "Bawa anak muda ini ke sebuah bukit, apabila sampai ke puncaknya tawarkan kepada dia untuk kembali dari agamanya (kepada agama aku). Jika dia tetap enggan, maka lemparkanlah ke bawah." Maka para pengawal membawa anak muda ke bukit. Ketika mendaki, anak muda itu berdoa: "Ya Allah! Dengan cara yang Engkau hendaki, selamatlah aku daripada mereka." Maka bergoyanglah bukit tersebut sehingga para pengawal tersebut jatuh ke bawah. Anak muda berjalan kembali menemui raja. Raja bertanya: "Apa yang dilakukan oleh orang-orang yang membawa kamu?" Anak muda menjawab: "Allah menyelamatkan aku daripada mereka."***

***Maka raja memerintahkan para pengawalnya yang lain: "Bawa dia ke tengah lautan, tawarkan kepadanya untuk kembali dari agamanya (kepada agama aku). Jika dia enggan maka tenggelamkanlah dia." Ketika di bawa ke lautan, anak muda berdoa: "Ya Allah! Dengan cara yang Engkau hendaki selamatkanlah aku daripada mereka." Maka kapal yang membawa mereka pecah sehingga tenggelam para pengawal (kecuali anak muda). Anak muda kembali menemui raja. Raja bertanya: "Apa yang dilakukan oleh orang-orang yang membawa kamu?" Anak muda menjawab: "Allah menyelamatkan aku daripada mereka."***

***Kemudian anak muda menambah: "Sungguh, kamu tidak akan dapat membunuh aku kecuali jika kamu melakukan apa yang aku suruh." Raja bertanya: "Apakah itu?" Anak muda menjawab: "Kumpulkan semua***

*orang di satu tanah lapang. Salibkan aku pada sebatang pokok dan ambillah sebilah anak panah dari kantungku. Letakkan ia di tengah-tengah busur dan katakan: "Dengan nama Allah tuhan anak muda ini" lalu kemudian panahlah aku. Nescaya kamu akan dapat membunuhku."*

*Maka raja mengumpul semua orang di satu tanah lapang. Dia salibkan anak muda pada sebatang pohon, lalu dia ambil sebilah anak panahnya dan diletakkan pada tengah-tengah busur. Kemudian raja berkata: "Dengan nama Allah, tuhan anak muda ini!" lalu terus memanahnya. Anak panah itu tepat mengenai muka anak muda itu. Dia meletakkan tangannya pada mukanya, tempat terpacaknya anak panah itu, lalu meninggal dunia. Orang-orang yang hadir di situ serentak berkata: "Kami beriman kepada tuhan anak muda. Kami beriman kepada tuhan anak muda. Kami beriman kepada tuhan anak muda."*

*Seorang penasihat berbisik kepada raja: "Lihatlah, apa yang tuan bimbangkan – demi Allah – kini benar-benar terjadi. Orang-orang telah beriman semuanya (kepada Allah, tuhan anak muda)!" Setelah itu raja memerintah agar dibuat parit di sekeliling tanah lapang itu. Setelah parit digali, api dinyalakan. Raja berkata: "Sesiapa yang tidak mahu kembali dari agamanya (kepada agama aku), maka lemparkanlah dia ke dalam (parit yang dinyalakan api)!" Atau dikatakan: "Terjunlah ke dalamnya!"*

*Maka mereka semua (yang beriman kepada Allah) terjun ke dalam parit yang dinyalakan api tersebut. Sehingga ada seorang perempuan*

**yang bersama anaknya dihinggap rasa ragu sama ada untuk memasukinya atau tidak. Lalu anaknya berkata: "Wahai ibu, bersabarlah! Sesungguhnya ibu berada di atas kebenaran (lalu akhirnya mereka terjun)."**<sup>10</sup>

Hadis sahih di atas merupakan penjelasan Rasulullah *shalallahu 'alaihi wassalam* kepada ayat:

***Celakalah kaum yang menggali parit, (parit) api yang penuh dengan bahan bakaran, ketika mereka (Raja dan orang-orangnya) duduk di kelilingnya sambil mereka melihat apa yang mereka lakukan kepada orang-orang yang beriman (yang mereka perintahkan untuk terjun ke dalam parit). Dan mereka tidak marah dan menyeksakan orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji!***<sup>11</sup>

Operasi Berani Mati bukanlah tindakan yang dilarang atau 'membunuh diri' sebagaimana yang disangkakan oleh sebahagian pihak. Sesiapa yang berjihad di jalan Allah bererti telah bersiap sedia untuk mengorbankan dirinya tanpa mengira bagaimana pengorbanan itu berlaku.

Dalam hadis di atas, yang masyhur dikenali sebagai kisah *Ashabul Ukhdud*, kita dapati seorang anak muda yang merelakan dirinya dibunuh oleh raja. Kerelaan anak muda ini pada

<sup>10</sup> *Shahih Muslim*, hadis no: 3005 (*Kitab Zuhud dan Kisah-kisah yang melembutkan hati, Bab Kisah Ashabul Ukhdud*)

<sup>11</sup> Surah al-Buruj (85), ayat 4-8.

zahirnya seperti orang yang sengaja membunuh diri. Akan tetapi yang benar dia bukanlah membunuh dirinya tetapi mengorbankan dirinya demi menegakkan kebenaran. Atas tindakannya itu, maslahat tercapai dengan ramainya orang yang turut beriman kepada Allah. Mereka sanggup terjun ke dalam parit semata-mata demi memelihara keimanan mereka. Tindakan anak muda dan orang-orang yang mengikutinya tidak dicela oleh Allah, malah diberi kedudukan yang istimewa sehingga diabadikan kisah mereka di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

Ayat-ayat al-Qur'an dan hadis *Ashabul Ukhdud* di atas menjadi dalil bahawa Operasi Berani Mati dibolehkan, malah termasuk dalam kategori jihad di jalan Allah. Ia bukanlah tindakan yang dilarang atau 'membunuh diri' sebagaimana yang disangkakan oleh sebahagian pihak. Sesiapa yang berjihad di jalan Allah bererti telah bersiap sedia untuk mengorbankan dirinya tanpa mengira bagaimana pengorbanan itu berlaku. Kisah *Ashabul Ukhdud* riwayat al-Imam Muslim pula menjadi dalil bahawa boleh memilih untuk mengorbankan diri sendiri jika ia akan membawa maslahat kepada agama dan umat. Memang, terdapat perbezaan antara lepasan anak panah dan ledakan bom. Akan tetapi yang diambil kira bukanlah perbezaan sarana tetapi kesamaan matlamat, iaitu demi mencapai kemaslahatan untuk agama dan umat.

**Para imam keempat-empat mazhab membolehkan seorang muslim menjerumuskan dirinya ke dalam barisan pihak musuh, sekalipun dia tahu bahawa dia akan kehilangan nyawanya.**

### **Operasi Berani Mati dalam pandangan mereka yang menolaknya**

Sebagaimana yang disebut di bahagian awal artikel ini, terdapat sebahagian pihak yang menolak kebolehan Operasi Berani Mati. Mereka memiliki beberapa hujah tersendiri. Berikut dikemukakan hujah mereka diikuti dengan analisa sejauh mana kebenaran hujah tersebut.

#### **Hujah Pertama**

Hujah Pertama yang lazim dikemukakan adalah bahawa Operasi Berani Mati termasuk dalam “menjerumuskan diri ke dalam kebinasaan” yang dilarang oleh ayat:

***Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.***<sup>12</sup>

#### **Analisa Ke Atas Hujah Pertama:**

Yang benar ayat di atas perlu difahami secara keseluruhannya, bukan sepatah daripadanya sahaja. Secara lengkap ayat tersebut berbunyi:

***Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja***

---

<sup>12</sup> Surah al-Baqarah (2), ayat 195.

***mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.***<sup>13</sup>

Jelas bahawa maksud ayat adalah, janganlah seseorang itu meninggalkan persiapan-persiapan belanja untuk jihad di jalan Allah kerana ia akan melemahkan kekuatan mereka sehingga akhirnya mudah diserang musuh. Apabila musuh menyerang, pasti kebinasaan yang akan menimpa. Kebinasaan ini tidak lain adalah disebabkan oleh sikap mereka yang enggan menyedekahkan harta kekayaan sebagai persiapan jihad. Oleh itu hendaklah setiap orang sentiasa memperbaiki amalannya dengan memperbanyakkan sedekah dalam rangka menjamin kekuatan umat Islam seluruhnya.

Syaikh al-Maraghi dalam kitab tafsirnya merumuskan maksud ayat di atas sebagai:<sup>14</sup>

Kesimpulannya, orang-orang musyrik sentiasa mengintip kelemahan orang-orang Mukmin, Mereka itu jumlahnya banyak di sana sini dan ditakuti keburukan tindakan mereka. Jika orang-orang Mukmin meninggalkan persiapan berjihad untuk memerangi mereka kepada kesibukan membanyakkan harta benda, maka menjadilah di ketika itu, disebabkan perbuatan tersebut, kebinasaan kepada diri

---

<sup>13</sup> Surah al-Baqarah (2), ayat 195.

<sup>14</sup> *Tafsir al-Maraghi* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1998), jld. 1, ms. 265.

mereka sendiri (umat Islam).

Untuk menguatkan lagi penjelasan di atas, berikut dikemukakan penjelasannya oleh seorang ahli fiqh yang terkenal, Al-Imam Ibn al-'Arabi *rahimahullah* (w.543H).<sup>15</sup> Beliau menerangkan bahawa ada lima tafsiran terhadap "kebinasaan" yang dimaksudkan dalam ayat di atas, iaitu:

1. Tidak meninggalkan nafkah (sedekah perbelanjaan untuk jihad di jalan Allah).
2. Keluar (dalam rangka ekspedisi jihad) tanpa bekalan yang mencukupi.
3. Meninggalkan urusan jihad di jalan Allah.
4. Memasuki kawasan musuh yang tidak mampu untuk ditewaskan.
5. Berputus asa daripada pengampunan Allah.

Selanjutnya al-Imam Ibn al-'Arabi menerangkan bahawa tafsiran-tafsiran di atas adalah benar melainkan yang keempat iaitu "memasuki kawasan musuh yang tidak mampu untuk ditewaskan." Beliau berkata:

Maka sesungguhnya para ilmuan berselisih pendapat dalam hal ini. Berkata Al-Qasim bin Mukhaimirah, Al-Qasim bin Muhammad dan Abdul Malik daripada mazhab kami (iaitu mazhab Maliki): "Tidak mengapa (tidak salah) untuk seorang lelaki **berseorangan** menggempur musuh yang ramai bilangannya sekiranya

---

<sup>15</sup> *Ahkam al-Qur'an* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut), jld. 1, ms. 165-167.



dia memiliki keberanian dan ikhlas kerana Allah. Sekiranya dia takut maka hal itu merupakan satu kebinasaan terhadap dirinya".

Ada juga yang berpendapat sekiranya dia mengharapkan mati syahid dan ikhlas dalam niatnya, maka bolehlah beliau lakukan kerana tujuannya ialah mahu membunuh musyrikin walaupun seorang. Perkara ini telah dijelaskan dalam firman (Allah) *Ta'ala*:

***"Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredhaan Allah semata-mata dan Allah pula amat belas-kasihan akan hamba-hambaNya".<sup>16</sup>***

Yang sah di sisiku (al-Imam Ibn al-'Arabi) ialah keharusan (menyerang pihak musuh sekalipun tidak mampu menewaskan mereka secara keseluruhan) kerana di sana ada empat matlamat dan tujuan:

1. Mengharapkan syahid.
2. Menghasilkan kerosakan dan kemusnahan bagi alatan pihak musuh.
3. Menaikkan semangat kepada pejuang Islam yang lain.
4. Mencampakkan ketakutan di dalam jiwa pihak musuh dengan anggapan mereka: "Ini hanyalah seorang (mujahid yang bertindak)! Sekiranya

---

<sup>16</sup>

Surah al-Baqarah (2), ayat 207.

mereka lebih ramai lagi berbuat sedemikian apa yang bakal terjadi?.”

Ini bukanlah pendapat Mazhab Maliki sahaja tetapi juga merupakan pendapat mazhab-mazhab yang lain seperti Mazhab al-Syafi'e, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hambali. Hal ini diterangkan oleh Syaikh al-Islam Ibn Taimiyah *rahimahullah* (w.728H):<sup>17</sup>

Dan (al-Imam) Muslim di dalam kitab *Shahihnya*<sup>18</sup> meriwayatkan sebuah hadis daripada Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* mengenai *Ashabul Ukhdud*. Di mana hadis tersebut menceritakan mengenai seorang budak lelaki yang menyuruh agar dibunuh dirinya sebagai masalah meninggikan agama.

Bertitik tolak dari inilah **para imam keempat-empat mazhab** membolehkan seorang muslim menjerumuskan dirinya ke dalam barisan pihak musuh, sekalipun dia tahu bahawa dia akan kehilangan nyawanya, sekiranya hal itu memberi kebaikan kepada seluruh muslimin. Ini kerana seseorang muslim itu amat berkeyakinan bahawa perbuatan sedemikian adalah sebagai satu langkah jihad.

Ini kerana seandainya dirinya turut terbunuh, perkara ini adalah terlebih baik dari pihak musuh membunuh selainnya (iaitu sama ada ahli keluarganya, jirannya dan saudara seIslamnya yang lain) disebabkan perbuatan itu merupakan

---

<sup>17</sup> *Majmu' al-Fatawa* (Dar al-Wafa', Kaherah 2002), jld. 28, ms. 540.

<sup>18</sup> Rujuk *Shahih Muslim*, hadis no: 3005 sebagaimana yang dikemukakan di bahagian awal artikel ini.

sebagai satu kebaikan umum demi menjaga benteng akidah dan agama. Di samping, menjauhkan kemudharatan dari pihak musuh terhadap agama dan mua'malah harian bagi masyarakat muslim di wilayah Islam.

Perbuatan sebegini **terpaksa** dilakukan demi menentang permusuhan dan penjajahan kuffar **sekiranya tiada cara atau strategi lain** lagi untuk menghalang kemaraan mereka. Oleh itu, taktik dan cara sebegini adalah perkara yang lebih utama dan lebih berkesan untuk menghalang kemaraan mereka.

Daripada penjelasan di atas, jelaslah bahawa Operasi Berani Mati tidak bertentangan dengan ayat 195 surah al-Baqarah. Malah jika dikaji maksud ayat dengan cermat, akan didapati bahawa Operasi Berani Mati sebenarnya selari dengan roh tuntutan ayat.

Al-Allamah 'Abd al-'Aziz Bensiddiq, seorang tokoh dari Maghribi menulis:<sup>19</sup>

Ini menunjukkan bahawa melakukan perkara bahaya dalam memerangi musuh dan seolah-olah mencampakkan diri kepada kematian merupakan (salah satu tuntutan) syari'at yang pernah dipaparkan oleh para sahabat di zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Para imam empat mazhab juga membolehkan perbuatan ini sebagaimana kata Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah, bahawa (sebagai pilihan terakhir) pejuang

---

<sup>19</sup> Majalah *Palestin al-Muslimah*, edisi April 1996.

Islam terpaksa menjerumuskan diri ke dalam barisan musuh sekalipun dia percaya bahawa dia akan terbunuh. Ini dibolehkan jika ia memberikan keuntungan (kemaslahatan) kepada kaum muslimin.

Al-Imam Ibn Hazm pula menyebutkan di dalam kitabnya *al-Muhalla* bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada (seorang sahabat Nabi bernama) al-Bara' bin 'Azib *radhiallahu 'anh*: "Apa pandangan anda sekiranya seorang lelaki merempuh masuk ke barisan musuh yang jumlahnya ribuan orang, adakah beliau dikira mencampakkan dirinya kepada kebinasaan?" Al-Bara' menjawab: "Tidak!"<sup>20</sup>

---

<sup>20</sup> Riwayat ini masyhur, dikeluarkan oleh Ibn Jarir dan Ibn Manzur serta disahihkan sanadnya oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dalam *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari (tahqiq: 'Abd al-'Aziz bin Baz; Dar al-Fikr, Beirut 2000)*, jld. 9, ms. 41 (syarah hadis no: 4516).

Selain itu terdapat juga kisah masyhur seorang sahabat bernama al-Bara' bin Malik bin al-Nadhr al-Anshari. Di dalam peperangan al-Yamamah, beliau meminta pasukan Muslimin melemparkan dirinya ke dalam kubu musuh. Di dalamnya beliau melawan musuh seorang diri sehingga terkesan di badannya 80 tikaman pedang, lembing dan sebagainya. Akan tetapi beliau tetap berjaya membuka pintu kubu untuk membolehkan pasukan Muslimin masuk menyerang sehingga akhirnya beroleh kemenangan.

Hal ini berlaku lagi di dalam peperangan Tustar melawan tentera Parsi di mana kedudukan pasukan Muslimin agak lemah. Namun al-Bara' bin Malik memberanikan dirinya terjun ke dalam pasukan musuh yang ramai. Hal ini memberi semangat keberanian kepada pasukan Muslimin untuk turut serta sehingga akhirnya mereka memperoleh kemenangan. al-Bara' bin Malik gugur syahid dalam peperangan ini.

Kisah ini bukan sahaja menunjukkan bolehnya seorang pejuang terjun ke dalam barisan musuh yang ramai, tetapi juga menunjukkan kepentingan dia melakukan sedemikian sebagai penggerak semangat perjuangan kepada pasukannya. Lebih lanjut tentang kisah ini, rujuk *al-Ishabah fi Tamyiz al-Shahabah* oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995), jld. 1, ms. 413-414 (biografi no: 620).

Al-Imam Ibn Hazm menegaskan lagi bahawa Abu Ayub dan Abu Mursi *radhiallahu 'anhuma* turut mengharuskan perbuatan tersebut, iaitu tindakan seorang pejuang yang menyerbu ke tengah barisan pihak musuh dan menetapkan dirinya (di sana untuk memerangi musuh).

Semua ini adalah perbuatan bahaya yang mampu meragut nyawa dan menggerunkan pihak musuh, bahkan tidak syak lagi perbuatan sebegini pasti mendapat ganjaran kebaikan bagi mereka yang berupaya melaksanakannya. Sebagaimana sebuah hadis yang menceritakan seorang lelaki bertanyakan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*: "Apa yang membuatkan Allah tertawa terhadap perbuatan hamba-Nya?" Nabi menjawab: "Mereka yang merempuh ke dalam barisan pihak musuh dengan mengharapkan balasan Allah." Lalu lelaki tersebut menggenggam pedangnya dan menanggalkan baju besinya lantas menyerbu ke arah pihak musuh hingga terbunuh syahid.<sup>21</sup>

### **Hujah Kedua:**

Pihak yang menolak kebolehan Operasi Berani Mati juga berhujah dengan beberapa hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang melarang orang Islam

---

<sup>21</sup> Riwayat ini dikemukakan oleh al-Imam Ibn Hazm *rahimahullah* (w.456H) dalam kitabnya *al-Muhalla (tahqiq: Dr. 'Abd al-Ghafar Sulaiman; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut), jld. 5, ms. 345* (permasalahan no: 922) dan beliau (Ibn Hazm) mensahihkannya.

daripada membunuh diri.

### **Analisa Ke Atas Hujah Kedua:**

Hadis-hadis tersebut memang sahih akan tetapi maksudnya telah disalahertikan oleh pihak yang menolak. Hadis-hadis tersebut melarang bunuh diri oleh orang yang putus asa dalam menghadapi cabaran kehidupannya. Ini

**Pelaku Operasi Berani Mati sangat jauh daripada memiliki mental untuk membunuh diri. Seorang yang bunuh diri, membunuh dirinya sendiri karena sebab yang berasal dari dirinya. Sedangkan pejuang Operasi Berani Mati membunuh dirinya karena sebab agama dan umatnya.**

jauh berbeza dengan Operasi Berani Hati, mereka yang melakukannya bukanlah orang yang berputus asa, malah mereka adalah orang yang tinggi semangat jihad sehingga sanggup mengorbankan nyawanya demi memberi kemaslahatan kepada agama dan umatnya.

Syaikh Yusuf al-Qaradhawi menjelaskan perbezaan ini:<sup>22</sup>

Ketahuiilah bahawa tindakan ini (Operasi Berani Mati) termasuk dari bentuk *Jihad Fi Sabilillah* yang amat agung. Tindakan ini termasuk aksi menggerunkan yang disyariatkan agama sebagaimana ayat:

***Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu***

<sup>22</sup> Majalah *Palestin al-Muslimah*, edisi September 1996.

*musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.*<sup>23</sup>

Menggelar tindakan ini sebagai "bunuh diri" adalah gelaran yang salah lagi menyesatkan. Tindakan ini sebenarnya termasuk tindakan pengorbanan, patriotisme dan *istishadiyah* sehingga tidak mungkin untuk dikatakan sebagai bunuh diri. Pelaku tindakan ini juga sangat jauh daripada memiliki mental untuk membunuh diri. Seorang yang bunuh diri, membunuh dirinya sendiri karena sebab yang berasal dari dirinya. Sedangkan yang lain (pejuang Operasi Berani Mati) membunuh dirinya karena sebab agama dan umatnya. Orang yang bunuh diri adalah orang yang putus asa dari rahmat Allah. Sedangkan seorang mujahid (pejuang Operasi Berani Mati) selalu mengharapkan rahmat Allah. Orang yang bunuh diri ingin melepaskan himpitan hidupnya dengan membunuh diri sedangkan para mujahid (pejuang Operasi Berani Mati) membunuh musuh Allah dan musuhnya.....

Para pemuda-pemuda itu (pejuang Operasi Berani Mati) yang membela tanah air mereka, yaitu bumi Islam, membela agama, kehormatan dan umat mereka tidak termasuk (dalam kategori orang yang) bunuh diri. Bahkan sangat jauh untuk

---

<sup>23</sup> Surah al-Anfal (8), ayat 60.

dikatakan bunuh diri. Yang benar mereka adalah para syuhada yang telah menyerahkan jiwa mereka dengan penuh kerelaan di jalan Allah. Niat mereka ikhlas karena Allah sehingga mereka terpaksa melakukan cara ini (sebagai pilihan akhir) untuk menggerunkan musuh-musuh Allah. Mereka bersikap demikian kerana melawan kekuasaan Yahudi tanpa tertipu (menjadi lemah semangat) dengan kekuatan yang dimiliki oleh Yahudi.

Mereka (pejuang Operasi Berani Mati) tidak termasuk orang-orang yang bunuh diri, bukan pula teroris. Mereka melakukan perlawanan yang selari dengan syari'at terhadap orang yang menjajah bumi mereka, mengusir mereka, memperkosa hak-hak mereka, menghancurkan masa depan mereka dan sentiasa mempraktikkan kezaliman terhadap umat dan agama. Ini semua memaksa mereka (pejuang Operasi Berani Mati) untuk membela diri (kaum, agama dan negara). Mereka (pejuang Operasi Berani Mati) tidak boleh untuk mengundurkan diri dari bumi mereka sendiri dengan kehendak Yahudi kerana bumi mereka merupakan sebahagian daripada *Dar Al-Islam Al-Kubra*.

### **Hujah Ketiga:**

Hujah lain yang digunakan oleh pihak yang menolak kebolehan Operasi Berani Mati adalah kononnya jika seseorang itu memerangi musuh yang ramai



secara bersendirian lalu gugur kerana senjata musuh, dia dikira sebagai seorang mujahid. Akan tetapi jika dia gugur kerana senjatanya sendiri, dia dikira seorang yang membunuh diri sendiri kerana yang membunuhnya bukan musuh tetapi tangannya sendiri. Oleh itu, orang yang melakukan Operasi Berani Mati tidak dianggap sebagai seorang mujahid kerana dia mati disebabkan bom yang diledakkan oleh tangannya sendiri.

**Analisa Ke Atas Hujah Ketiga:**

Hujah Ketiga di atas nampaknya membezakan senjata yang mengakibatkan keguguran seorang pejuang, adakah ia senjata musuh atau senjata sendiri. Pembezaan ini sebenarnya adalah tidak perlu kerana ukuran sebenar bagi membezakan antara membunuh diri atau tidak ialah tujuan seseorang dan bukannya senjata siapa. Berikut dikemukakan tiga poin bagi memperkuat kenyataan di atas:

Pertama:

Dalam kisah *Ashabul Ukhdud*, anak muda tersebut gugur kerana anak panah miliknya sendiri. Malah dia sendiri yang meminta agar raja memanahnya. Di sini jelas bahawa anak muda tersebut gugur kerana permintaan dan senjatanya sendiri.

Di sini adakah kita akan berkata bahawa anak muda tersebut telah melakukan perkara yang dilarang, malah telah membunuh dirinya sendiri? Pasti tidak. Justeru hukum ke atasnya tidak diukur dengan senjata siapa yang

menyebabkan kegugurannya tetapi atas tujuan apa dia merelakan dirinya digugurkan.

Kedua:

Kisah para ahli sihir Fir'aun yang beriman menjadi rujukan:

***(Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya yang terus menelan segala benda sihir mereka), maka keadaan yang demikian menjadikan ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri sujud sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan yang mengutus Nabi Harun dan Nabi Musa."***

***Fir'aun berkata: "Patutkah kamu beriman kepada Musa sebelum aku memberi izin kepada kamu? Sesungguhnya dialah ketua kamu yang mengajar sihir kepada kamu. Oleh itu, demi sesungguhnya aku akan memotong tangan dan kaki kamu dengan bersilang, dan aku akan memalang kamu pada batang-batang pohon tamar; dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui kelak siapakah di antara kita yang lebih keras azab seksanya dan lebih kekal."***

***Mereka (para ahli sihir yang beriman) menjawab: "Kami tidak sekali-kali akan mengutamakanmu daripada apa yang telah datang kepada kami dari mukjizat-mukjizat yang terang nyata, dan (tidak akan mengutamakanmu daripada) Tuhan yang telah menjadikan kita semua. Oleh itu, hukumkanlah apa sahaja yang engkau hendak hukumkan,***

***kerana sesungguhnya engkau hanyalah dapat menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja.”<sup>24</sup>***

Daripada kisah di atas, para ahli sihir Fir'aun tanpa lengah telah beriman kepada Allah setelah melihat mukjizat Nabi Musa *'alaihi al-Salam*. Mereka terus mengumumkan keimanan mereka sehingga menyebabkan Fir'aun menjadi marah, lantas menghukum mereka secara zalim.

Dalam kisah di atas, para ahli sihir tersebut sebenarnya memiliki pilihan lain. Mereka boleh beriman dengan ketetapan hati sahaja tanpa pengumuman secara lisan. Hal ini mudah bagi mereka mengingatkan bahawa dalam sejarah peradaban Mesir, para ahli sihir termasuk kalangan golongan elit yang bijaksana. Namun mereka tetap memilih untuk mengumumkan keimanan mereka serta merta sehingga menyebabkan diri mereka dizalimi oleh Fir'aun.

Dalam kes ini, adakah kita akan mengatakan bahawa kata-kata pengakuan iman para ahli sihir tersebut telah menjadi senjata yang menzalimi diri mereka sendiri? Jawapannya pasti tidak. Sekali lagi yang diambil kira bukan senjata siapa yang menyebabkan mereka ditimpa kezaliman tetapi tujuan apa yang menyebabkan diri mereka rela dizalimi. Sengaja para ahli sihir tersebut menzahirkan keimanan mereka terus menerus agar orang ramai yang memerhatikan kejadian tersebut turut serta menerima pengaruh sehingga akhirnya mereka beriman juga. Maksudnya, sengaja dizahirkan keimanan kerana

---

<sup>24</sup> Surah Ta Ha (20), ayat 70-72.

ingin mencapai maslahat yang besar di sebaliknya sekalipun ia akhirnya mengorbankan diri sendiri.

Ketiga:

Daripada dua poin di atas, terbukti bahawa seandainya seseorang itu tetap berkeras bahawa yang menjadi pembeza ialah senjata siapa dan bukan tujuan apa, izinkan kami mengemukakan perumpamaan sepertimana berikut:

Umpamakan seseorang yang sengaja berdiri di atas landasan sehingga dia akhirnya mati dilanggar kereta api. Jika yang diambil kira ialah senjata siapa, pasti orang yang berdiri di landasan tidak dianggap membunuh diri kerana yang mengakibatkan dirinya terkorban bukanlah senjata sendiri tetapi kepala lokomotif milik orang lain. Sebaliknya, jika yang diambil kira ialah tujuan, maka kesengajaan orang tersebut berdiri di landasan menyebabkan dia dihukum sebagai membunuh diri tanpa mengira kepala lokomotif tersebut milik siapa.

**Yang diambil kira ialah tujuan seseorang itu mengorbankan dirinya dan bukan senjata siapa yang menyebabkan dia terkorban.**

Oleh itu sekali lagi diulangi bahawa yang menentukan boleh atau tidak Operasi Berani Mati bukanlah **senjata siapa** tetapi **tujuan apa** yang menyebabkan seseorang pejuang itu rela mengorbankan dirinya.

### Hujah Keempat:

Hujah terakhir yang lazim diberikan ialah kononnya Operasi Berani Mati merencanakan lagi kezaliman Yahudi – Israel ke atas umat Islam Palestin. Oleh itu Operasi Berani Mati hanya membawa *mafsadah* (keburukan) dan bukannya *maslahat* (kebaikan).

### Analisa Ke Atas Hujah Keempat:

Hujah ini dianggap lemah dari dua sudut:

1. Yang pertama membawa *mafsadah* ialah orang Yahudi – Israel berdasarkan tindakan mereka yang mencerooh masuk bumi Palestin pada tahun 1948. Oleh itu kesan *mafsadah* yang menimpa umat Islam Palestin sekarang ini bukanlah berasal daripada Operasi Berani Mati tetapi daripada tindakan pencerobohan orang Yahudi – Israel itu sendiri.
2. Sama ada Operasi Berani Mati dilaksanakan atau tidak, orang Yahudi – Israel tetap akan memerangi umat Islam Palestin dan mencerooh

**Sama ada Operasi berani Mati dilaksanakan atau tidak, orang Yahudi – Israel tetap akan memerangi umat Islam Palestin dan mencerooh ke dalam wilayah mereka.**

ke dalam wilayah mereka. Maka faktor *mafsadah* bukanlah Operasi Berani Mati tetapi pencerobohan dan peperangan yang dilaksanakan oleh orang Yahudi – Israel.

Demikianlah empat hujah yang lazim

dikemukakan oleh pihak yang berpendapat Operasi Berani Mati adalah dilarang dalam Islam. Terserlah bahawa hujah-hujah mereka adalah tidak tepat, malah ada di antaranya yang sebenarnya membelakangi pendapat mereka sendiri. Dengan itu tanpa ragu dapat dikatakan bahawa Operasi Berani Mati adalah sesuatu yang dibolehkan dalam Islam selagi mana ia menepati **kesemua** empat syarat berikut:

1. Disebabkan semangat jihad demi membela agama, umat dan tanah air.
2. Berlandaskan rukun-rukun jihad.
3. Menghasilkan *maslahat* (kebaikan) di atas *mafsadah* (keburukan).
4. Merupakan pilihan terakhir apabila kesemua jalan lain untuk mencapai *maslahat* di atas *mafsadah* telah tertutup.

Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani *rahimahullah* menyatakan:<sup>25</sup>

Berkecenderungan terjunnya seorang pejuang dalam pasukan musuh yang banyak jumlahnya, maka menurut **jumhur ulama'**, jika ia didasari oleh keberanian yang besar dan keyakinan bahawa ia akan menggerunkan musuh atau membangkitkan keberanian kaum muslimin (yang lain) atau kerana tujuan-tujuan lain yang dibenarkan syara', maka ia adalah baik. Akan tetapi apabila tindakan tersebut **tidak didasari** oleh sebab-sebab sepertimana yang disebutkan, maka ia dilarang.

---

<sup>25</sup> *Fath al-Bari*, jld. 9, ms. 42 (syarah hadis no: 4516)

Apatah lagi jika tindakan itu meluaskan *wahn* - kelemahan di kalangan kaum muslimin.

### **Siapakah Pejuang Yang Boleh Menjalankan Operasi Berani Mati?**

Sebagaimana semua ibadah dan perintah agama memiliki rukun-rukunnya, ibadah jihad dalam memerangi musuh juga memiliki rukun-rukunnya.<sup>26</sup> Oleh itu seseorang pejuang yang ingin menjalankan Operasi Berani Mati perlu memiliki beberapa syarat "kelayakan" terlebih dahulu, iaitu:

1. Dia memiliki sifat ikhlas kerana Allah, rendah diri demi mengharapkan kejayaan tindakannya dan bersemangat demi memberi maslahat kepada umat Islam. Dia tidak riya' atau ingin mencari pujian dalam tindakannya itu, tidak ragu-ragu dan tidak bertindak kerana putus asa dalam kehidupan.
2. Dia adalah seorang yang faham tentang rukun-rukun jihad.
3. Operasi Berani Mati yang hendak dilakukannya adalah sebagai pilihan terakhir setelah jelas baginya bahawa jalan-jalan memerangi musuh yang lain telah tiada.

Dr. Mohd Naim Yaasin menyatakan:

---

<sup>26</sup> Rukun-rukun jihad boleh dirujuk dalam buku Hafiz Firdaus Abdullah yang berjudul *Apakah Jihad Di Jalan Allah (Buku 2): Hukum dan Syarat-Syaratnya* (Jahabersa, Johor Bahru 2004).

Mereka yang melakukan perkara tersebut (Operasi Berani Mati) hendaklah terdiri daripada para pejuang Islam yang mengharapkan bantuan daripada Allah *Ta'ala* sahaja, selain mempersiapkan diri dengan sifat-sifat berikut:

1. Bertaqwa kepada Allah setiap ketika.
2. Emosi yang terkawal dari sifat sombong, bengis, cintakan kemasyhuran dan sebagainya.
3. Menjaga setiap perjanjian yang disepakati dan tidak mencabulinya, sekalipun dengan pihak musuh.
4. Menjauhkan segala perbuatan keji dan maksiat yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya.
5. Menjaga kehormatan dan maruah diri dari perkara yang terkutuk dan melampaui batas kemanusiaan seperti bersikap zalim dan tidak bertolak ansur.
6. Mengharapkan ganjaran pahala syahid dari Allah semata-mata.
7. Menjauhkan sikap melampaui batas dan membalas dendam setelah berjaya menawan pihak musuh semasa menawan mereka dan dilarang mendera mereka sama sekali.
8. Menjaga diri dari melakukan keganasan dan kerosakan sekalipun di kubu kuat



musuh (vandalisme).

9. Menjaga orang awam yang terdiri dari orang tua, wanita dan kanak-kanak yang tidak terbabit membantu pihak musuh di waktu peperangan.

### **Adakah Orang Awam Israel Juga Patut Dijadikan Sasaran?**

Di sini rasanya amat perlu bagi penulis untuk menjelaskan satu persoalan penting. Salah satu daripada rukun jihad, sebagaimana yang digariskan dalam kitab-kitab fiqh keempat-empat mazhab, adalah tidak menjadikan orang awam sebagai sasaran perang. Lalu bagaimana pula dengan orang awam Yahudi yang lazimnya menjadi sasaran para pejuang Operasi Berani Mati?

Jawapannya adalah, orang awam yang tidak boleh dijadikan sasaran perang adalah orang yang benar-benar mengecualikan diri daripada peperangan. Ada pun orang awam Yahudi – Israel, maka perlu diperhatikan beberapa fakta berikut untuk dibezakan sama ada mereka adalah benar-benar orang awam atau sebaliknya:

1. Seluruh orang Yahudi – Israel, tak kira sama ada tentera, polis atau orang awam, bukanlah merupakan penduduk asal bumi Palestin. Mereka menceroboh masuk pada tahun 1948 dengan cara peperangan bersama bantuan kuasa-kuasa Barat.
2. Sekalipun orang Yahudi – Israel mendakwa bahawa moyang mereka pada

zaman Nabi Musa *'alahi al-Salam* adalah penduduk asal bumi Palestin, ia tidak boleh dijadikan hujah kerana orang Yahudi itu sendiri kemudiannya memilih untuk merantau ke wilayah-wilayah lain dengan meninggalkan wilayah Palestin. Hanya apabila mereka ditindas oleh pemerintahan Nazi pada zaman Perang Dunia Kedua, barulah mereka terpaksa kembali ke wilayah Palestin.

3. Orang awam Yahudi – Israel menduduki wilayah Palestin dengan kesedaran penuh bahawa ia adalah sesuatu yang mereka rampas daripada orang lain, yakni penduduk Palestin itu sendiri. Oleh itu mereka bukan sekadar orang awam tetapi perampas dan penceroboh.
4. Orang awam Yahudi – Israel semuanya diberi latihan ketenteraan. Malah sebahagian mereka diberikan kelengkapan senjata. Ini kononnya adalah untuk membela keselamatan diri sendiri (*self defence*). Akan tetapi hal ini perlu difikirkan dari sudut yang lebih luas, siapakah yang sebenarnya membela diri sendiri? Adakah orang Palestin atau Yahudi – Israel? Ini kerana yang menceroboh ialah orang Yahudi – Israel manakala yang diceroboh ialah orang Palestin. Justeru latihan ketenteraan yang diberikan kepada orang awam Yahudi – Israel bukanlah sebagai membela keselamatan diri tetapi untuk membela tindakan pencerobohan mereka sendiri.

Daripada poin-poin di atas jelas bahawa semua orang Yahudi – Israel, tak kira sama ada orang awam atau bukan awam, terlibat dalam memerangi

penduduk asal bumi Palestin. Maka atas dasar ini mereka boleh diperangi semula berdalilkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**"Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh."<sup>27</sup>**

### **Kesimpulan**

Sekarang ini, Operasi Berani Mati boleh dikatakan berlaku di banyak tempat. Persoalannya, adakah ia dikategorikan sebagai satu bentuk jihad di jalan Allah yang dibolehkan atau tindakan membunuh diri dan membunuh orang ramai yang dilarang? Berikut diberikan garis panduan yang dapat membantu menjawab persoalan ini, di mana Operasi Berani Mati itu sendiri boleh dibahagikan kepada dua kategori, yang dibolehkan dan yang dilarang.

Kategori pertama, yakni yang dibolehkan memiliki ciri-ciri berikut:

1. Disebabkan semangat jihad demi membela agama, umat dan tanah air.
2. Berlandaskan rukun-rukun jihad.
3. Menghasilkan *maslahat* (kebaikan) di atas *mafsadah* (keburukan).

---

<sup>27</sup> Surah al-Baqarah (2), ayat 190.

4. Merupakan pilihan terakhir apabila kesemua jalan lain untuk mencapai *maslahat* di atas *mafsadah* telah tertutup.

Sesiapa yang melakukan Operasi berani Mati dengan memenuhi **keseluruhan** empat ciri di atas, dia adalah seorang yang berjihad di jalan Allah. Kita mendoakan agar tercapai kemaslahatan yang diinginnya dan dia sendiri diberi kemuliaan darjat syahid oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sementara kategori kedua, yakni yang dilarang memiliki ciri-ciri berikut:

1. Disebabkan putus asa dalam menghadapi liku-liku kehidupan.
2. Tidak berlandaskan rukun-rukun jihad.
3. Menghasilkan *mafsadah* (keburukan) di atas *maslahat* (kebaikan).
4. Sengaja memilih jalan ini sekalipun terdapat jalan lain untuk mencapai *maslahat* di atas *mafsadah*.

Sesiapa yang melakukan Operasi Berani Mati kerana **salah satu atau lebih** daripada ciri-ciri di atas, dia adalah seorang yang berjihad selain daripada jalan Allah. Dia bertanggungjawab ke atas pembunuhan dirinya dan juga terhadap orang-orang yang menjadi sasarannya. Kita berdoa agar Allah 'Azza wa Jalla memberi hidayah kepada umat Islam seluruhnya agar tidak ada di kalangan mereka yang terjebak dalam operasi kategori kedua ini.

## **Petunjuk Jalan yang Panjang**

Oleh

Tok Janggut (tok\_janggut11@yahoo.co.uk)

Hakikatnya manusia ini senantiasa berada di antara dua tarikan. Tarikan pertama ialah syariat dari Ilahi yang mahunya menyusuri jalan takwa, kebaikan dan ketulusan yang membimbing dia ke jalan yang benar dan selamat. Tarikan kedua pula ialah tarikan syaitan yang membawanya ke lembah kebinasaan.

Pada kebiasaannya tarikan pertama ialah tarikan yang lurus tetapi jalannya penuh dengan cubaan, dugaan dan rintangan. Lantas, mudah sahaja manusia berasa lemah, kalah atau hilang semangat untuk meneruskan perjalanan pada jalan ini. Namun begitu, harus disedari bahawa jalan yang penuh cubaan, dugaan dan rintangan tadi bukanlah jalan yang tidak boleh diharungi oleh manusia. Setiap cubaan, dugaan dan rintangan adalah dalam kapasiti kemampuan manusia. Firman Allah:

***Allah tidak akan membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya.*** [Al Baqarah 2:286]

Pada kebiasaannya juga, tarikan yang kedua adalah tarikan yang penuh dengan keseronokan, bunga-bunga merah, nafsu dan kesenangan tetapi jalannya tidak akan membawa individu yang menyusurnya sampai kepada destinasi yang hendak dituju. Malah destinasi yang dibawanya adalah destinasi kebinasaan.

Hakikatnya juga bahawa jalan inilah yang selalu dipilih oleh akal-akal yang pendek, yang tertipu dan mereka yang tidak sabar serta cepat mengalah. Keseronokan-keseronokan dunia yang membawanya ke lembah kebinasaan ini dilihat sebagai suatu yang dapat juga menyelamatkannya. Walhal, sedar atau tidak jalan itu telah mendatangkan kemurkaan Allah ke atas dirinya.

Membicarakan satu petunjuk yang dapat menjadi pembimbing manusia dalam mengharungi kehidupan di dunia ini, tidak dapat tidak ia akan membawa kita melihat persoalan tersebut dari dua persepsi utama. Persepsi pertama ialah dengan kita melihat tanggungjawab diri sebagai seorang Muslim dan yang kedua dengan meninjau bagaimana halnya dunia memperlakukan umat manusia dan Muslim.

### **Tanggungjawab Sebagai Seorang Muslim**

Satu ketika dalam perjalanan, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersama sahabat baginda berhenti di bawah sebatang pokok. Dalam perteduhan tersebut, baginda memberi perumpamaan bahawa bandingan di antara manusia dan dunia adalah seolah seorang musafir yang berjalan di padang pasir dan dalam perjalanannya dia melalui sebatang pokok. Oleh kerana terlalu letih dia berhenti di bawah pokok tersebut untuk berteduh. Bila cukup sudah rehatnya, dia meneruskan perjalanan menuju ke tempat yang hendak dia tuju.

Baginda menyambung dengan mengatakan bahawa inilah gambaran

perjalanan seorang manusia di dunia. Manusia dilahirkan ke dunia ini dari perut ibunya dan dia hidup hanya untuk sementara waktu. Sama ada dia suka atau tidak dia pasti akan menemui mati. Ini sebagaimana seorang musafir yang berteduh di bawah sebatang pokok yang akan meneruskan perjalanannya kerana tempat perteduhan itu bukanlah destinasi utamanya. Destinasi utama masih jauh. Sama ada dia suka ataupun tidak, dia perlu meneruskan perjalanan sehinggalah sampai ke destinasi utamanya.

Menyedari bahawa hidup kita di dunia ini hanya untuk sementara waktu, manusia memerlukan petunjuk yang boleh membimbingnya ke jalan yang boleh membawa kepada destinasi terakhir yang baik (*husnul khatimah*).

Ini kerana, seorang manusia yang datang ke bumi Allah, kalau sekiranya dia bukan seorang Islam, dia akan mencari petunjuk-petunjuk yang lain yang berlandaskan hawa nafsu dan tarikan syaitan. Tetapi bila mana seseorang itu dilahirkan sebagai seorang Muslim, dia mempunyai petunjuk yang akan membawa dirinya ke jalan yang lurus dan destinasi yang sebenar.

Persepsi ini akan membawakan kita kepada satu sahaja petunjuk kepada individu Muslim yakni al-Quran dan as-Sunnah kerana terbukti dengan keimanan dan realiti bahawa hanya petunjuk ini yang mampu memimpin diri kita.

Mengimani perkara ini, seseorang individu yang mengaku dirinya muslim tidak dapat lari daripada hakikat petunjuk ini. Namun begitu, terdapat juga umat Islam yang mengaku dirinya dipandu oleh al-Quran dan as-Sunnah tetapi hakikat sebenarnya al-Quran dan as-Sunnahlah yang dipandu oleh nafsunya.

### **Golongan yang memandu dan dipandu**

Apa yang kita maksudkan dengan golongan yang memandu dan dipandu ialah golongan yang berhujah dan beriman dengan Al-Qur'an. Jelas bahawa apabila disebut al-Quran, ia juga merangkumi sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Hakikatnya terdapat dua golongan di dalam konteks perbincangan kita ini. Pertama ialah

golongan yang memandu al-Quran sementara kedua ialah golongan yang dipandu oleh al-Qur'an.

**Golongan yang memandu al-Quran banyak wujud pada ketika ini. al-Qur'an tidak membimbing mereka namun merekalah yang membimbing al-Qur'an.**

Golongan yang memandu al-Quran banyak wujud pada ketika ini. Mereka menggunakan al-Qur'an dengan membacanya dan menafsirnya. Akan tetapi al-Qur'an tidak membimbingnya, namun merekalah yang membimbing al-Qur'an. Golongan ini apabila melihat satu situasi, peristiwa atau permasalahan dalam realiti kehidupan, mereka akan cuba mencari ayat-ayat al-Qur'an untuk menjustifikasikan situasi tersebut.

Apabila mereka berhujah para wanita muslimah tidak perlu bertudung, mereka memandu ayat al-Qur'an agar ia selari dengan pendapat bahawa bertudung itu tidak wajib, malah haram. Apabila mereka berhujah tidak perlunya hukum hudud, qisas atau yang sewaktu dengannya, mereka menggunakan al-Qur'an untuk membenarkan kata-kata mereka. Begitu juga apabila mereka kata



tidak perlu kepada hadis atau sunnah Nabi kerana ia ditulis beratus tahun selepas Nabi wafat, mereka juga menggunakan nas al-Qur'an bagi memenuhi selera mereka.

Sebaliknya golongan yang dipandu oleh al-Qur'an adalah golongan yang melihat bahawa apa sahaja perilaku mereka, ia adalah di bawah batas dan sempadan al-Qur'an. Apabila syara' (hukum yang jelas daripada al-Qur'an dan as-Sunnah) menyatakan 'tidak boleh', maka berhentilah mereka daripada melakukannya. Apabila syara' memberikan kebolehan, mereka memanfaatkannya sambil berhati-hati daripada terlangar sesuatu yang berada di dalam wilayah 'tidak boleh'. Golongan inilah yang saya lihat sebagai golongan yang dimaksudkan oleh Allah di dalam surah al-Anfal, ayat kedua:

***Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebutkan nama Allah, maka gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, maka bertambahlah iman mereka (kerananya) dan kepada Tuhanlah mereka bertawakkal.***

Bayangkan ciri-ciri golongan yang dipandu oleh Al-Qur'an ini. Tidak sekadar taat apabila diperintahkan kepada mereka untuk melakukan sesuatu, malah apabila diperdengarkan nama Allah kepada mereka, gementar hati mereka kerana takut dan cinta kepada Allah. Apabila dibacakan ayat-ayat Allah kepada mereka, bertambahlah iman mereka lantas tetap teguh mereka kepada perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tanpa mereka berasa ragu-ragu kerana ragu-ragu bukanlah ciri orang yang beriman. Firman Allah:

***Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat", dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan. [al-Nur 24:51]***

***Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya). [al-Hujurat 49:15]***

Golongan kedua inilah yang dipanggil sebagai generasi al-Qur'an. Golongan yang menyerahkan diri mereka kepada Islam dan yang tunduk sujud bukan sahaja secara zahir tetapi juga secara batin dan rohani mereka. Golongan ini tidak akan duduk senang selagi mana al-Qur'an itu tidak memandu masyarakat mereka dan tidak menjadi perlembagaan negara mereka. Golongan ini tidak akan tidur lena selagi mana al-Qur'an itu letaknya hanya di para-para masjid dan sudut-sudut tertinggi almari di rumah tanpa dibaca dan dipraktikkan sepenuhnya.

Sayang sekali bagi umat Islam pada masa kini, majoriti pemimpin dan bijak pandainya adalah daripada golongan yang pertama. Majoriti daripada

pengikutnya pula turut daripada golongan yang pertama. Maka benarlah kata Umar al-Khaththab dalam satu kisah yang meninggalkan kesan yang amat dalam kepada lipatan sejarah umat Islam.

### **Kisah Umar**

Dari jauh, sayup-sayup kelihatan dua orang manusia sedang bergilir-gilir menunggang seekor unta di tengah-tengah padang pasir yang sangat luas. Arah yang dituju ialah sebuah kota yang baru sahaja dibuka oleh tentera Islam. Pada masa yang sama, di pintu gerbang kota, ribuan manusia sedang menunggu kedatangan seorang pemimpin yang amat disegani. Pada mereka yang belum pernah melihatnya, yang terbayang adalah kedatangan seorang pemimpin dengan bala tentera yang tidak terkira banyaknya. Sebahagian yang lain pula cuba membayangkan kedatangan seorang raja dengan segala kemewahannya. Setiap orang mempunyai andaian yang pelbagai.

Tiba-tiba seorang pemuda berteriak memberitahu ketibaan dua orang lelaki dengan seekor unta. Setiap orang tertanya-tanya: "Siapakan gerangannya, ke manakah tujuannya?". Semakin hampir, semakin jelas bahawa yang datang itu merupakan orang yang ditunggu-tunggu. Sebahagian orang yang pernah melihatnya berteriak: "Amir al-Mukminin telah tiba". Mereka yang tidak pernah melihatnya terpinga-pinga. Terbukti, anggapan mereka tentang pemimpin ini jauh meleset. Dengan hanya menaiki seekor unta, berpakaian dengan pakaian yang amat sederhana dengan ditemani oleh seorang lelaki yang kemudiannya

diketahui adalah hamba, inilah rupa-rupanya pemimpin yang amat disegani rakan dan digeruni lawan.

Lalu bersegeralah manusia mengerumuni lelaki yang berada di atas unta. Sekali lagi, anggapan mereka meleset juga. Lelaki yang berada di atas unta rupanya adalah seorang hamba, manakala lelaki yang sedang berjalan dan memegang tali unta, itulah pemimpin agung, Amir al-Mukminin Umar al-Khaththab *radhiallahu 'anh*. Keinsafan kemudiannya menyelubungi mereka apabila mendengar penjelasan si hamba:

Sejak keluar dari kota Madinah, kami bergilir-gilir menaiki unta ini dan apabila hampir sampai ke sini, giliran hamba pula untuk naik dan giliran Amir al-Mukminin untuk berjalan kaki. Walaupun hamba berusaha memberitahu baginda, tidak mengapa untuk baginda terus menaiki unta, namun baginda tetap berdegil untuk mengikut giliran yang sepatutnya. Hamba cuba memberi alasan bahawa adalah lebih mulia dan dipandang tinggi oleh para penduduk kota Baitul Maqdis jika sekiranya khalifah menunggang unta ketika memasuki kota. Namun Amir al-Mukminin telah memberikan pengajaran yang berharga kepada saya dengan berkata:

"Kita adalah suatu kaum yang telah dimuliakan oleh Allah dengan Islam. Jika sekiranya kita mencari kemuliaan (dan ketinggian di sisi manusia) selain daripada Islam, maka kita akan dihinakan oleh Allah."

Demikianlah kebenarannya, bilamana kita sebagai individu muslim mula meninggalkan Islam dan mencari kemuliaan-kemuliaan lain, maka apa peliknya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menghinakan kita sebagaimana yang berlaku pada ketika ini.

### **Bagaimana Dunia memperlakukan Manusia dan Islam**

Menyusuri persepsi pertama, ia tidak dapat tidak berkait rapat dengan persepsi kedua yang membawa kita ke arah meninjau persoalan yang lebih besar dan global. Adalah menjadi satu perkara yang dimaklumi bahawa kini umat Islam adalah umat yang tertindas lagi terhina. Di mana-mana sahaja umat Islam berada di muka bumi ini, maka di situlah mereka akan dipijak dan dinista. Segala sistem ciptaan manusia yang ada di dunia, kesemuanya adalah untuk kepentingan kuffar dan senantiasa mempunyai kesan yang akhirnya menindas kaum Muslim.

**Adalah menjadi satu perkara yang dimaklumi bahawa kini umat Islam adalah umat yang tertindas lagi terhina. Di mana-mana sahaja umat Islam berada di muka bumi ini, maka di situlah mereka akan dipijak dan dinista.**

Palestin merupakan contoh terbaik satu isu yang belum lagi selesai. Kita dapat lihat betapa buta dan bodohnya dunia mengganggu dan mengiyakan perampasan Palestin daripada penduduk asalnya untuk diserahkan kepada pendatang Yahudi. Tetapi bila mana penduduk Palestin cuba bangkit untuk menentang 'rompakan' daripada pihak Yahudi ini, dunia – termasuk sebahagian umat Islam sendiri - menghukum pejuang Palestin dengan gelaran penganas

dan penjenayah. Dunia menggambarkan seolah-olah merekalah musuh yang sewajarnya diperangi, sedangkan merekalah sebenarnya mangsa yang ditindas, dihalau dan dihina di atas tanah air mereka sendiri. Tetapi inilah hakikat dunia dan realiti yang ada pada masa sekarang walau bagaimana sekalipun kita cuba untuk menafikan dan menidakkan kewujudannya. Apa sahaja yang menguntungkan Barat, itulah adil bagi mereka dan apa sahaja yang menguntungkan Islam itulah satu aktiviti jenayah di mata mereka. Tuntasnya di sini, kita mengatakan bahawa dunia tidak pernah adil kepada manusia kerana kini dunia diperintah dan diperhambakan oleh manusia yang lainnya.

### **Konklusi**

Dua perkara di atas yang saya bawa kepada perhatian para pembaca sekalian membawa kita kepada dua konklusi. **Pertama**, sebagai seorang Muslim, al-Qur'an dan as-Sunnah adalah asas utama yang harus digigit oleh setiap Muslim. **Kedua**, dalam suasana dunia yang tidak pernah berlaku adil kepada umat Islam, malah ke atas diri mereka sendiri, maka tidak ada sesuatu yang boleh mentadbir alam ini dengan cara yang adil melainkan Islam yang dipaksakan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah.

Kesimpulan yang pertama mudah diterima oleh manusia dan tidak dipertikaikan. Tetapi persoalan utamanya, sejauh mana kita menjadikan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai petunjuk yang memandu kehidupan kita? Apabila sahabat menjadikan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai amalan, Allah memberikan mereka

dunia dan akhirat. Tetapi bila kita mula meninggalkan al-Qur'an dan as-Sunnah, Allah menghinakan kita di muka bumi ini.

Apa perbezaan penerimaan Islam kita dan sahabat? Ada tiga perbezaan yang paling ketara:

**Pertama:** Bila mana Islam diterima oleh sahabat, mereka menerima Islam seolah mereka baru sahaja dilahirkan. Mereka menjadikan Islam sebagai 'agen' yang membersihkan segala adab dan kepercayaan kurafat yang lampau. Berbeza dengan kita pada masa kini, kita menerima Islam sebahagian dan tetap berpegang kepada adab dan kepercayaan lampau pada sebahagian yang lain.

**Kedua:** Sahabat menerima al-Qur'an berbeza dengan cara kita menerima al-Qur'an. Mereka beramal dan yakin sepenuh hati dengan apa yang terkandung di dalam al-Qur'an. Kehidupan mereka tidak diasingkan antara dunia dan agama, di antara hak Allah dan hak individu. Bagi para sahabat, setiap perkara sama ada ia melibatkan akhlak, ibadah, jual beli, pentadbiran, politik, ketenteraan dan sebagainya, semuanya termasuk di dalam tatacara Islam itu sendiri. Mereka memahami Islam dalam konteks yang sempurna dan lengkap, tidak separa-separa sebagaimana yang berlaku masa kini.

**Ketiga:** Perbezaan perasaan di antara para sahabat dan kita dalam menerima sesuatu ajaran. Umpamanya, apabila turun ayat pengharaman arak dan kewajipan hijab, tidak ada seorang pun sahabat yang

mempersoalkan hukum tersebut. Para sahabat membanjiri jalan di Madinah dengan arak yang ditumpahkan manakala para wanita mengoyak lebih kain mereka untuk menutup rambut dan kepala mereka.

### **Penutup**

Berjaya atau tidak kaum kuffar memalingkan kefahaman umat Islam dapat dilihat apabila umat Islam masa kini mula meninggalkan terus al-Qur'an dan as-Sunnah. Malah umat Islam juga mula menyempitkan peranan al-Qur'an dan as-Sunnah daripada menjadi pemandu mereka. Kejayaan kaum kuffar bukan kerana kekuatan berada pada strategi mereka, tetapi kerana kelemahan yang

**Jalan ini mungkin panjang dan memiliki banyak cabaran di atasnya, namun inilah satu-satunya jalan yang dapat menyampaikan umat Islam ke destinasi yang sebenar, iaitu kejayaan di dunia dan akhirat.**

membelenggu umat Islam itu sendiri. Tidak ada jalan keluar melainkan umat Islam itu sendiri membebaskan pemikiran mereka daripada jajahan kaum kufar dan kembali merdeka di atas pimpinan al-Qur'an dan as-Sunnah. Inilah jalan yang dilalui oleh Rasulullah *shallahu 'alaihi wassalam* dan generasi awal umat Islam. Jalan

ini mungkin panjang dan memiliki banyak cabaran di atasnya, namun inilah satu-satunya jalan yang dapat menyampaikan umat Islam ke destinasi yang sebenar, iaitu kejayaan di dunia dan akhirat.



## Wahhabi Mengharamkan Zikir Sesudah Sembahyang?

oleh

Mohd Yaakub bin Mohd Yunus (akob73@yahoo.com)

Kehadiran Astora Jabat di dalam beberapa media cetak banyak menimbulkan kontroversi di kalangan umat Islam Malaysia. Dakwaan beliau kononnya ingin membuka minda umat Islam adalah sesuatu yang baik, akan tetapi sayang sekali Astora ibarat ibu ketam yang mengajar anaknya berjalan lurus. Isu-isu yang beliau bawa dalam akhbar *Mingguan Malaysia* dan *Majalah al-Islam* sebenarnya bukanlah isu baru, ia adalah isu lama yang pernah diperjuangkan oleh aliran *neo-muktazilah* – yang kini juga dikenali sebagai *Islam Liberal*. Isu-isu tersebut telahpun dikupas dan dijawab oleh tokoh-tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Namun Astora tetap ingin membuka semula isu-isu lama tersebut kerana menganggapnya baru kepada umat Islam Malaysia. Dalam erti kata lain, Astora bukanlah memberi pengetahuan yang benar kepada umat Islam Malaysia tetapi sekadar mempermainkan mereka dengan motto “ingin membuka minda.”

**Dalam erti kata lain, Astora bukanlah memberi pengetahuan yang benar kepada umat Islam Malaysia tetapi sekadar mempermainkan mereka dengan motto “ingin membuka minda.”**

Antara kontrovesi yang dicetuskan oleh Astora adalah kononnya aliran *Wahhabi* mengharamkan zikir selepas sembahyang. Beliau menulis dalam *Mingguan Malaysia* bertarikh 22hb Ogos 2004:

Sesetengah ulama terutama dari puak Wahhabi mengharamkan orang Muslim berwirid selepas sembahyang kerana menganggapnya sebagai bidaah atau perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah.

Sepanjang kajian penulis, belum pernah lagi ditemui mana-mana aliran Islam yang mengharamkan zikir sesudah sembahyang. Hal ini tidak lain melambangkan kejahilan Astora sendiri. Siapa dan apa aliran *Wahhabi* tidak

**Sepanjang kajian penulis, belum pernah lagi ditemui mana-mana aliran Islam yang mengharamkan zikir sesudah sembahyang. Hal ini tidak lain melambangkan kejahilan Astora sendiri.**

menjadi tumpuan penulis dalam artikel ini. Akan tetapi yang menjadi tumpuan ialah apa dan bagaimana sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam adab berzikir sesudah sembahyang. Memandangkan Astora telah membangkitkan isu ini, penulis ingin merebut peluang untuk mengupasnya dengan lebih lanjut.

### **Hukum zikir selepas sembahyang.**

Para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bersepakat bahawa berzikir selepas sembahyang termasuk salah satu daripada perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berdasarkan firman-Nya:

***Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah (berzikir) semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring.*** [surah al-Nisaa' 4:103]

Barangsiapa yang melarang zikir selepas sembahyang maka bererti dia menafikan ayat Allah di atas.

#### **Bacaan Zikir Selepas Sembahyang.**

Apabila kita bertemu dengan seseorang yang berasal daripada negara lain, kita tidak tahu apa ucapan dan adab yang akan membuatnya gembira dan yang akan membuatnya marah. Kita perlu mengkajinya terlebih dahulu daripada orang yang pakar tentang budaya negara tersebut.

Demikian juga, apabila kita sebagai seorang hamba hendak berzikir kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kita tidak tahu bacaan apakah yang akan diredhai dan diterima oleh-Nya. Kita perlu mengikut tunjuk ajar seseorang yang telah diutus oleh Allah, iaitu Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh perintah berzikir selepas sembahyang sebagaimana ayat di atas tidaklah terbuka kepada apa jua bacaan zikir tetapi perlu mengikut tunjuk ajar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ustaz Abdul Hakim bin Amir Abdat menulis:

Zikir sesudah sembahyang yang wajib ialah satu bentuk zikir yang terikat dengan bilangan dan waktunya. Oleh kerana itu kita wajib mengikut apa yang Nabi

*shallallahu 'alaihi wasallam* telah ajarkan kepada kita dengan tidak membuat-buat atau menambah-nambah. [*al-Masaa-il* (Darul Qolam, Jakarta 2003), ms. 175]

Untuk mengetahui bacaan-bacaan zikir selepas sembahyang, penulis mengesyorkan buku *Zikir-Zikir Selepas Sembahyang Fardhu Sebagaimana Yang Diajarkan Dan Dilakukan Oleh Rasulullah* yang ditulis oleh Hafiz Firdaus Abdullah, terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

#### **Tatacara berzikir selepas sembahyang.**

Sebagaimana bacaan zikir, tatacara zikir juga perlu mengikut petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apa yang baik bagi kita, umpama zikir berirama, tidak semestinya baik bagi Allah dan begitulah sebaliknya. Para ilmuan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berbeza pendapat dalam tatacara berzikir, adakah ianya dialunkan dengan kuat (*jahr*) secara beramai-ramai atau dibaca secara perlahan (*sirr*) secara seorang diri. Yang benar lagi mendekati sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah zikir secara perlahan dan bersendirian. Syaikh Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah* berkata:

Bukan termasuk perbuatan sunnah apabila seseorang duduk selepas sembahyang untuk membaca zikir-zikir ataupun doa-doa yang ma'thur (yang disebutkan di dalam hadis) mahupun yang tidak ma'thur dengan suara yang kuat (*jahr*). Apalagi jika bacaan semacam itu dikerjakan secara bersama-sama

sepertimana yang telah menjadi tradisi di beberapa daerah. Sayang sekali tradisi ini dipandang baik sehingga dianggap salah jika tidak diamalkan. Bahkan orang yang melarang dianggap sebagai orang yang melarang syi'ar agama. [*Majmu' al-Fatawa* (edisi terjemahan terbitan Pustaka Arafah, Solo 2002), jld. 2, ms. 375]

### **Hadis-hadis tentang berzikir selepas sembahyang.**

Jika kita mengkaji hadis-hadis selepas sembahyang, ia boleh dikategorikan kepada dua kelompok, yang pertama menerangkan bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* berzikir dengan suara yang kuat sehingga dapat didengar oleh para sahabat di belakang baginda. Kelompok yang kedua menerangkan bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* hanya berdiam selepas sembahyang, bererti baginda hanya berzikir secara perlahan dan bersendirian. Berikut dikemukakan sebahagian daripada hadis-hadis yang dimaksudkan, dinukil daripada buku *Zikir-Zikir Selepas Sembahyang Fardhu* oleh Hafiz Firdaus. Dua hadis daripada kelompok yang pertama:

A'ishah *radhiallahu 'anha* berkata: ***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam apabila mengucapkan salam, baginda tidak duduk kecuali***

Bukan termasuk perbuatan sunnah apabila seseorang duduk selepas sembahyang untuk membaca zikir-zikir ataupun doa-doa yang ma'thur (yang disebutkan di dalam hadis) mahupun yang tidak ma'thur dengan suara yang kuat (*jahr*).

**sekadar mengucapkan "Allahumma antas salam, wa min kas salam, tabarakta yadzal Jalali wal Ikram."** [Sahih Muslim]

Abdullah ibnu Abbas *radhiallahu 'anh* berkata: **"Semasa zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, orang ramai berzikir dengan suara yang kuat selepas berakhirnya sembahyang berjemaah."** [Sahih al-Bukhari]

Dua hadis daripada kelompok yang kedua:

Ummu Salamah *radhiallahu 'anha* berkata: **"Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam apabila melakukan salam selepas sembahyangnya, kaum wanita berdiri setelah baginda menyelesaikan salamnya; sedangkan baginda diam di tempatnya sebentar."** [Musnad al-Syafi'i]

Simak bin Harb *radhiallahu 'anha* berkata, aku pernah bertanya kepada Jabir bin Samurah, "Pernahkah engkau duduk bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam?" Jabir menjawab: **"Ya! Biasanya selepas sembahyang subuh, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tetap duduk di tempat sembahyangnya hingga matahari naik. Pada saat itu biasanya para sahabat ada yang bercerita tentang kisah jahiliyah, ada yang membaca puisi nasihat dan jika mereka sampai tertawa baginda ikut sama tersenyum."** [Sunan an-Nasai]

Pada zahirnya kelihatan hadis-hadis daripada kelompok yang pertama dan kedua ini saling bercanggah. Atau mungkinkah ia masing-masing menunjukkan

suasana yang berlainan? Untuk menjawab persoalan ini, penulis akan menukil penjelasan para tokoh dalam Mazhab al-Syafi'i. Kita mulakan dengan al-Imam al-Syafi'i sendiri *rahimahullah*. Dalam kitabnya *al-Umm* (edisi terjemahan terbitan Victorie Agency, Malaysia, 1989), jld. 1, ms. 295-297, beliau menjelaskan:

Saya (Imam al-Syafi'i) memandang baik bagi imam dan makmum, bahawa berzikir kepada Allah sesudah keluar (selesai) daripada sembahyang. **Kedua-duanya menyembunyikan zikir**, kecuali jika dia adalah seorang imam yang harus orang belajar daripadanya. Allah *Azza wa Jalla* telah berfirman (dalam surah al-Israa' 17:110, bermaksud): **"Dan janganlah engkau menyaringkan bacaan doa engkau atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya."** Yakni - Allah sahaja yang Maha Mengetahui - ialah doa. Tidaklah engkau keraskan, ertinya janganlah engkau tinggikan suara. Dan tidak engkau diam sahaja, ertinya sehingga tidak dapat engkau dengar sendiri.

Saya (Imam al-Syafi'i) berpendapat bahawa yang diriwayatkan (tentang berzikir dengan kuat selepas sembahyang) daripada Ibnu Zubair adalah tahlil Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas adalah takbir sebagaimana yang kami (Imam al-Syafi'i) riwayatkan. Saya (Imam al-Syafi'i) berpendapat bahawa **Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mengeraskan sedikit suaranya, supaya manusia dapat belajar daripadanya**. Yang demikian itu kerana umumnya riwayat yang kami (Imam al-Syafi'i) tuliskan bersama ini dan

yang lainnya, tidak disebutkan padanya sesudah salam akan pembacaan tahlil dan takbir.

Adakalanya disebut bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* berzikir sesudah sembahyang, dengan yang saya terangkan itu (secara kuat). Disebutkan juga perginya Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* daripada sembahyang tanpa zikir. Manakala Ummu Salamah menyebut berhentinya Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sekejap sesudah sembahyang dan baginda tidak bezikir dengan keras (kuat). Saya (Imam al-Syafi'i) berpendapat bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak berhenti sekejap melainkan untuk berzikir dengan zikir yang tidak mengeraskan suara."

Demikianlah penjelasan al-Imam al-Syafi'i berkenaan hadis-hadis daripada kelompok pertama dan kedua di atas. Zikir secara kuat sebagaimana dalam hadis-hadis kelompok pertama hanya dalam suasana mengajar manakala zikir secara perlahan dan bersendirian sebagaimana dalam kelompok kedua adalah apabila orang ramai sudah mengetahui bacaan-bacaan zikir tersebut.

al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* mengulas lanjut daripada penjelasan di atas:

Imam al-Syafi'i memahami hadis ini (yakni hadis Ibnu Abbas yang menerangkan zikir secara kuat) bahwa mereka mengeraskan suara hanya beberapa waktu lamanya untuk mengajar sifat (cara) zikir, bukan bererti mereka



terus menerus mengeraskan bacaan zikir. Pandangan yang terpilih adalah bahawa imam dan makmum sama-sama membaca zikir dengan suara perlahan kecuali bertujuan untuk mengajar zikir tersebut kepada orang-orang. [*Fath al-Bari* (edisi terjemahan terbitan Pustaka Azzam, Jakarta 2003), jld. 4, ms. 711]

Syaikh Abdul Qadir al-Mandili turut mengulas persoalan ini:

Berkata pengarang kitab *Fath al-Mu'in*, (iaitu sebuah kitab) *Fiqh Al-Syafi'iyah*, disunatkan berzikir dan berdoa dengan perlahan selepas selesai sembahyang. Dan katanya lagi, berkata guru kami bahawa menyaringkan keduanya (zikir dan doa) di dalam masjid boleh mengganggu orang yang sedang sembahyang (makmum masbuq dan orang yang sedang solat sunat) maka ianya adalah haram. [*Persoalan Yang Berkehendak Kepada Melaksanakan Untuk Mengatasi Dan Mengubah Adat-Adat Yang Berlaku Di Dalam Masyarakat Dengan Sangkaan Ibadat* (Makkah al-Mukarramah 1423H)]

Daripada penjelasan di atas, jelas bahawa tatacara berzikir selepas sembahyang adalah ia dibaca secara bersendirian dengan suara yang perlahan.

**Pandangan yang terpilih adalah bahawa imam dan makmum sama-sama membaca zikir dengan suara perlahan kecuali bertujuan untuk mengajar zikir tersebut kepada orang-orang. (Imam Ibn Hajar al-Asqalani)**

Boleh berzikir dengan suara yang kuat jika bertujuan ingin mengajar jamaah bacaan-bacaan zikir. Akan tetapi perlu diingatkan bahawa bacaan yang hendak diajar perlu terdiri daripada apa yang diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Selain itu berzikir dengan kuat tidak dilakukan secara berterusan kerana dibimbangi ia akan dianggap sebagai satu sunnah yang benar oleh masyarakat. Selain itu, perlu diperhatikan sama ada terdapat makmum masbuq atau yang sedang bersolat sunat agar kita tidak mengganggu mereka dalam rangka mengajar zikir kepada ahli jamaah.

#### **Bagaimana dengan zikir di luar sembahyang?**

Perbincangan kita di atas memberi tumpuan kepada zikir selepas sembahyang. Bagaimana pula dengan zikir di luar sembahyang, maksudnya zikir yang tidak terikat dengan selepas sembahyang? Sebenarnya tidak ada beza antara yang berkaitan dengan sembahyang atau tidak berkaitan dengan sembahyang. Bacaan zikir perlu berdasarkan ajaran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan tatacara zikir adalah secara bersendirian dan perlahan juga.

Dalam surah al-A'raaf, ayat 205, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan sebutlah serta ingatlah (zikir) Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.***

Daripada ayat di atas jelas bahawa tatacara berzikir ialah (1) dalam hati dan mulut tanpa menyaringkan suara, (2) dengan merendahkan diri, (3) dengan perasaan takut, (4) dilakukan pada waktu pagi dan petang, dan (5) jangan lalai daripada berzikir, bermaksud – zikirlah sepanjang masa tanpa terhad kepada waktu pagi dan petang sahaja.

Ayat 205 surah al-A'raaf di atas berbentuk umum, merangkumi semua zikir tanpa mengira sama ada ia berkaitan dengan sembahyang atau tidak. Dalam sebuah hadis riwayat al-Imam Ahmad bin Hanbal daripada Abu Musa al-'Asya'ari *radhiallahu 'anh*, dia berkata: ***Kami pernah bersama Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dalam satu peperangan. Setiap kali kami melalui jalan mendaki atau menurun di suatu lembah, kami mengeraskan suara bertakbir. (Mendengar yang sedemikian, baginda) mendekati kami seraya bersabda: "Wahai manusia, kasihanilah diri kalian, kerana kalian tidak berdoa kepada yang tuli dan tidak pula yang jauh. Sesungguhnya yang kalian seru lebih dekat kepada salah seorang di antara kalian daripada tengkuk untanya."*** [Abu Amsaka, *Koreksi Dzikir Jama'ah M. Arifin Ilham* (Darul Falah, Jakarta 2003) ms. 113-114]

### **Beberapa alasan lain untuk berzikir dengan kuat.**

Sebenarnya tatacara berzikir secara perlahan dan bersendirian adalah sesuatu yang sedia diketahui oleh ramai orang, akan tetapi kebanyakan kita tetap memilih untuk berzikir secara kuat dan berjamaah. Orang ramai yang suka

berzikir secara kuat dan berjamaah memiliki beberapa alasan untuk tetap berzikir secara kuat. Marilah kita menganalisa alasan-alasan tersebut.

### **Alasan Pertama:**

Terdapat beberapa hadis lain yang menganjurkan zikir secara beramai-ramai dan berkumpul, malah menggelarnya sebagai Majlis Zikir. Ini menunjukkan zikir dilakukan secara berjamaah dengan suara yang kuat.

### **Analisa:**

Jika hadis-hadis tersebut adalah sahih, ia tetap tidak dapat dijadikan hujah kerana melakukan sesuatu secara beramai-ramai tidak semestinya bererti dengan suara yang kuat dan berjamaah di bawah pimpinan imam. Bukankah kita semua mendirikan sembahyang Zohor dan Asar secara berjamaah akan tetapi bacaan al-Fatiha dan surah-surah selepasnya dilakukan secara perlahan? Bukankah kita juga wukuf beramai-ramai di Padang Arafah dalam manasik haji akan tetapi pergerakan dan amalan kita semasa wukuf tidak dilakukan secara berjamaah di bawah pimpinan seorang imam?

**Seandainya Allah menyukai zikir berirama, nescaya Dia akan mengkhabarkan kesukaan-Nya itu sama ada melalui al-Qur'an atau lisan Rasul-Nya Muhammad s.a.w. Namun Allah tidak pernah mengkhabarkan bahawa zikir berirama adalah menjadi kesukaan-Nya, maka siapakah kita yang berani menetapkan ia adalah kesukaan Allah?**

Poin yang coba penulis kemukakan ialah, tatacara beribadah tidak bersandar kepada tafsiran manusia tetapi kepada petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Hadis-hadis yang menganjurkan zikir beramai-ramai tidak menyentuh tatacaranya sama ada secara kuat atau perlahan, bersendirian atau jamaah. Dalil yang umum perlu difahami secara umum melainkan wujud petunjuk lain yang mengkhususkannya. Jika tidak ada petunjuk khusus, maka ia kembali kepada hukum asal dalam berzikir, iaitu dengan suara yang perlahan sepertimana dalam ayat 205 surah al-'A'raaf, juga secara bersendirian kecuali jika ingin mengajar sepertimana yang telah dijelaskan di atas.

**Alasan Kedua:**

Zikir secara kuat dan berjamaah lebih memberi kesan yang baik kepada hati, lebih-lebih lagi jika ia diikuti dengan irama yang baik. Maka tidak ada salahnya melakukan sesuatu jika ia menghasilkan sesuatu yang baik.

**Analisa:**

Baik dan buruk bukan ukuran yang ditentukan oleh manusia tetapi ditentukan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Seandainya Allah menyukai zikir berirama, nescaya Dia akan mengkhabarkan kesukaan-Nya itu sama ada melalui al-Qur'an atau lisan Rasul-Nya Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Namun Allah tidak pernah mengkhabarkan bahawa zikir berirama adalah menjadi kesukaan-Nya, maka siapakah kita yang berani menetapkan ia adalah kesukaan

Allah?

**Perlu ditekankan bahawa berzikir bukanlah untuk menyedapkan hati sendiri. Berzikir memang akan memberi kesan yang positif kepada hati, namun perlu dibezakan siapakah yang memberi kesan tersebut.**

sendiri. Berzikir memang akan memberi kesan yang positif kepada hati, namun perlu dibezakan siapakah yang memberi kesan tersebut. Jika yang memberi kesan positif adalah Allah maka hendaklah kita berzikir dengan cara yang diredhai-Nya. Apabila Allah meredhai zikir kita, maka Dia akan membalasnya dengan mengurniakan ketenteraman dalam hati kita.

Akan tetapi jika yang memberi kesan positif ialah diri kita sendiri, maka lakukanlah apa sahaja asalkan jangan dijadikan kesyukuran (*Alhamdulillah*), pengagungan (*Allahu Akbar*), pemohonan ampun (*Astaghfirullah*) dan penyucian (*Subhanallah*) kepada Allah sebagai alat untuk mencapai tujuan kita.

Maksud penulis, janganlah kita jadikan zikir sebagai sarana untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu selain daripada ikhlas kerana Allah. Ini adalah satu kesalahan yang besar. Jadikan zikir ikhlas semata-mata kerana ingin mengingati Allah, memuji-Nya, mensucikan-Nya, memohon keampunan-Nya dan mengagungkan-Nya. Lakukanlah zikir dalam hati dan mulut tanpa menyaringkan suara, dengan merendahkan diri disertai dengan perasaan takut pada waktu pagi dan petang serta selainnya.

Sesiapa yang mengkaji agama-agama lain di dunia, termasuk aliran-aliran yang timbul di sana-sini (*cult*) akan mendapati bahawa kebanyakannya tidak akan terpisah daripada memiliki amalan zikir berirama. Iramanya mungkin berbeza dari agama ke agama tetapi sebab ia berirama adalah sama, iaitu untuk memberi kesan yang positif kepada hati. Apabila kita umat Islam berzikir secara berirama atas alasan untuk memberi kesan yang positif kepada hati, maka kita juga tidak berbeza dengan agama-agama buatan manusia tersebut.

Sesiapa yang mengkaji agama-agama lain di dunia, termasuk aliran-aliran yang timbul di sana-sini (*cult*) akan mendapati bahawa kebanyakannya tidak akan terpisah daripada memiliki amalan zikir berirama. Iramanya mungkin berbeza dari agama ke agama tetapi sebab ia berirama adalah sama, iaitu untuk memberi kesan yang positif kepada hati.

### **Alasan Ketiga:**

Berzikir secara perlahan adalah amalan golongan Wahhabi.

### **Analisa:**

Ini adalah alasan yang lazim diberi oleh orang yang berada di dalam kebingungan dalam berhujah secara ilmiah dalam persoalan agama. Ia tidak ubah seperti pihak Barat masa kini yang menyandarkan apa sahaja tragedi yang

**Pihak Barat masa kini yang menyandarkan apa sahaja tragedi yang menimpa mereka sebagai "hasil tindakan pegganas al-Qaeda" padahal yang benar ia hanyalah untuk menutup kebingungan mereka tentang apa dan siapa yang berada di belakang tragedi tersebut. Maka tidak ada bezanya orang yang menuduh "itu amalan wahabi", ia tidak lain adalah untuk menutup kebingungan dirinya sendiri.**

menimpa mereka sebagai "hasil tindakan pegganas al-Qaeda" padahal yang benar ia hanyalah untuk menutup kebingungan mereka tentang apa dan siapa yang berada di belakang tragedi tersebut.

Daripada artikel yang serba ringkas ini, sama-sama dapat diperhatikan bahawa berzikir secara perlahan bukanlah amalan golongan

Wahhabi tetapi adalah amalan yang ditegakkan oleh al-Qur'an, al-Sunnah dan para ilmuan Islam, khususnya di kalangan para tokoh Mazhab al-Syafi'i. Maka tidak ada yang memberi alasan "ini adalah amalan golongan Wahhabi" melainkan dia sendiri jahil tentang dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah serta para tokohnya.



## **Mandi Bunga: Suatu Analisis**

Oleh

Hazman Hassan (ibnarawi99@yahoo.com)

Azie, seorang wanita berkarier yang semakin lanjut usia tetapi belum bersuami, amat rungsing dengan situasi dirinya. Beberapa sahabat karibnya telah menasihatkan Azie untuk pergi berjumpa bomoh Semaun untuk menjalani upacara Mandi Bunga. Pada masa dan hari yang ditetapkan, Azie pun disuruh untuk mandi dengan air yang dicampurkan beberapa bahan seperti daun-daunan dan bunga-bunga tertentu, limau serta lain-lain bahan. Upacara tersebut juga disertai dengan ayat-ayat dan bacaan khusus untuk dibaca sebelum, semasa dan selepasnya. Akhirnya bomoh Semaun berpesan dengan tegas agar Azie tidak membersihkan sendiri akan bahan sisa mandian tersebut dari lantai bilik air. Sebaliknya, proses pembersihan tersebut mestilah dilakukan oleh orang lain.

**Mandi Bunga memang merupakan ritual orang Melayu tradisonal yang mempunyai unsur-unsur yang sudah bercampur-aduk antara kepercayaan Dinamisme, Hinduisme dan 'Popular Islam'.**

Situasi kes Azie dengan bomoh Semaun ini juga sangat mungkin terjadi dalam kehidupan orang lain dalam masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Mandi Bunga dilakukan dengan tujuan untuk membuang sial pada pelakunya,

menjauhkan gangguan makhluk halus serta sekaligus menaikkan seri dan mendatangkan tuah bagi diri pelakunya.<sup>28</sup> Artikel ini akan cuba menganalisa beberapa kemungkinan tentang asal-usul dan teori di sebalik amalan Mandi Bunga.

Mandi Bunga memang merupakan ritual orang Melayu tradisional yang mempunyai unsur-unsur yang sudah bercampur-aduk antara kepercayaan Dinamisme, Hinduisme dan 'Popular Islam'. Dinamisme ialah kepercayaan adanya 'tenaga tak berperibadi' dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda hidup, perkataan yang diucap atau ditulis, tanda-tanda yang dirakamkan dan sebagainya.<sup>29</sup> Dalam bidang antropologi, tenaga ini juga biasa disebut sebagai '*mana*', dengan meminjam istilah rumpun suku Polynesia. Ia dikenali sebagai 'sahala' oleh orang Batak dan 'kesakten' oleh orang Jawa.

Di kalangan orang Melayu tradisional, '*mana*' dikenali sebagai 'semangat' seperti yang difahami oleh mereka dalam insiden 'lemah semangat', 'kus semangat' dan sebagainya. '*Mana*' bagi golongan tertentu mempunyai gelaran yang khusus. '*Mana*' bagi raja-raja dikenali sebagai 'daulat' dan 'tulah'. Sedangkan '*mana*' bagi para ahli agama baik golongan pawang dan dukun pada zaman Dinamisme, sami dan pendita pada zaman Hinduisme-Buddhisme, mahupun alim-ulama' pada zaman Islam, dipanggil sebagai 'berkat' dan

---

<sup>28</sup> Amran Kassimin - *Istiadat Perkahwinan Melayu Yang Bukan Daripada Ajaran Islam* (Dinie Publishers, K. Lumpur 1993), hlm. 34

<sup>29</sup> O.K. Rahmat S.H. - *Pencemaran Akidah Di Nusantara* (Dewan Bahasa dan Pustaka 1983), hlm. 8

'keramat'.

Salah satu ramuan Mandi Bunga ialah limau yang dianggap dapat menjauhkan segala makhluk jahat.<sup>30</sup> Limau bersama-sama sirih pinang adalah merupakan bahan utama untuk pelbagai kepercayaan dan ritual orang Melayu tradisional. Sebagai contoh:

1. Air tepung tawar yang 'asasnya' terdiri daripada campuran air, bahan-bahan lain dan limau purut yang dihiris.<sup>31</sup>
2. Limau nipis digunakan sebagai pengeras bagi pelajar silat dan perubatan tradisional. Limau purut pula diperah dan dicampurkan dengan air bagi mengubat penyakit terkena buatan orang.<sup>32</sup>
3. Upacara 'mandi-mandi' atau 'berlimau' diadakan dalam pakej adat perkahwinan Melayu tradisional iaitu selepas kedua-dua pengantin bersatu. Pengantin akan berpakaian lengkap dan duduk di bawah naungan kain yang diregangkan dengan pegangan dua orang di kiri dan kanan. Air dan campuran limau, sintuk dan lain-lain ramuan akan dijiruskan daripada

---

<sup>30</sup> Winstedt, R.O. - *Shaman, Saiva And Sufi: A Study Of The Evolution Of Malay Magic* (Constable & Company Ltd., London 1925), hlm. 117

<sup>31</sup> O.K. Rahmat S.H. - *Pencemaran Akidah Di Nusantara*, hlm. 11

<sup>32</sup> A.Aziz Bidin & Aishah Muhammad - *Kegunaan Tumbuh-tumbuhan dalam Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi Di Wang Kelian Perlis* yang disunting oleh Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid (Dewan Bahasa dan Pustaka 1998) hlm. 180

atas menerusi kain tersebut.<sup>33</sup>

4. Di Perak, mandi tolak bala dilakukan dengan menggunakan hirisan buah limau nipis yang digosok-gosokkan ke badan seperti mana sabun. Selepas itu, barulah sambungan kepada perkara-perkara yang dilakukan dalam ritual tersebut akan dilanjutkan.<sup>34</sup>
5. Dalam upacara berdoa' dan memanggil semangat padi di Sungai Dacing, Lenggeng, Negeri Sembilan; pawang akan 'menawarkan' limau-limau yang disediakan dengan cara menepung tawar, menjampi dan meludahnya sebanyak tiga kali. Selepas itu, limau akan dipotong-potong dan dibawa ke sawah untuk ditempatkan di tapak semaian padi, agar padi subur dan selamat dari bencana.<sup>35</sup>
6. Wujud juga pantang-larang berkenaan limau dalam kehidupan orang Melayu tradisional. Salah satu daripadanya ialah larangan membawa limau purut jika mandi di sungai, nanti dibaham buaya. Kononnya buaya amat marah dan mungkin mengganas kerana buah limau itu menyerupai bonjol di atas kepalanya dan berhubung kait pula dengan asal usul kejadiannya.<sup>36</sup>

---

<sup>33</sup> Syed Alwi Sheikh Al-Hadi - *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu* (Dewan Bahasa dan Pustaka 1986), hlm. 41

<sup>34</sup> Skeat, Walter William - *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular* (Frank Cass & Co. Ltd., London 1965), halaman 278

<sup>35</sup> Amat Juhari Moain - *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian* (Dewan Bahasa dan Pustaka 1990), hlm. 105

<sup>36</sup> Wan Ramli Wan Muhammad & Hanapi Dollah - *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional*

Daun, bunga dan limau dengan sifat-sifat tertentu (misalnya daun bertemu urat dengan warna tertentu) dan bilangan tertentu (misalnya tujuh jenis bunga dipetik ketika pagi masih berembun), ditambah dengan mantera yang dibaca oleh bomoh akan mendatangkan '*mana*' yang akan membawa manfaat yang diinginkan. Oleh yang demikian, unsur kepercayaan Dinamisme dalam amalan Mandi Bunga dapat dikesan apabila ramuan mandi yang telah mempunyai '*mana*' tersendiri disatukan bagi membentuk gabungan '*mana*' yang baru pula. Hasil daripada kewujudan '*mana*' baru yang 'lebih bertenaga' ini, maka dipercayai kononnya '*mana*' pada orang yang melakukan Mandi Bunga juga akan menjadi lebih kuat, berupaya menghalau segala sial dan sihir, serta mampu menarik lebih banyak tuah dan keuntungan.

**Orang yang mandi bunga dilarang membersihkan sendiri sisa-sisa mandiannya kerana dianggap segala sial dirinya telah tumpah ke dalam sisa-sisa tersebut.**

Bau-bauan yang wangi dalam amalan Mandi Bunga ini juga dipersembahkan kononnya sebagai bahan pengorbanan kepada makhluk-makhluk halus yang akan membantu mengambil hati mereka.<sup>37</sup> Maka apabila perbuatan ini dilakukan, makhluk halus yang jahat dan membawa sial akan meninggalkan diri pihak yang melaksanakan amalan Mandi Bunga itu. Makhluk halus yang baik pula dipercayai akan menggantikan tempat yang dikosongkan oleh

---

(Utusan Publications & Distributors, K. Lumpur 1999), hlm. 59

<sup>37</sup> Skeat, Walter William - *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular*, hlm.75

makhluk halus yang jahat tadi dan sekaligus membawa manfaat kepada pihak tersebut.

Seterusnya, sebab yang mungkin untuk individu yang menjalani upacara Mandi Bunga itu dilarang daripada membersihkan sendiri sisa mandiannya ialah kepercayaan 'sial' yang dikeluarkan itu sudah 'tumpah' ke sisa mandian. Sekiranya individu tersebut juga yang membersihkan sisa mandiannya maka ditakuti 'sial' itu akan 'hinggap' semula, tuah yang dijemput akan lari dan apa yang dihajati tidak dicapai. Oleh yang demikian, orang lain pula yang biasanya akan ditugaskan untuk membersihkan sisa tersebut. Ada pula bomoh yang mensyaratkan sisa mandian itu dibungkus dahulu, sebelum ditanam atau dibuang di air yang mengalir dengan disertakan bacaan-bacaan yang tertentu pula.

Mandi turut merupakan salah satu ritual yang popular di kalangan penganut Hindu, misalnya mandi untuk menyucikan dosa-dosa di Sungai Ganges, atau mandi minyak bijan (*nallennai*) dan minyak jarak (*vilakennai*) pada pagi hari Deepavali.<sup>38</sup> Oleh itu, wujud kemungkinan bahawa amalan Mandi Bunga ini juga berasal daripada saki-baki kepercayaan Hinduisme yang masih melekat dalam minda orang-orang Melayu tradisional.

Limau yang digunakan dalam amalan Mandi Bunga juga memiliki signifikan tersendiri dalam kepercayaan Hinduisme yang mana limau dipercayai dapat mengusir hantu dan syaitan. Dalam falsafah occultisme Hindu pula, bentuk limau

---

<sup>38</sup> M. Rajantheran & S. Manimaran - *Perayaan Orang India* (Fajar Bakti, K. Lumpur 1994), hlm. 11-12

yang bulat-bujur melambangkan dunia sebagai 'chakra' dalam sebuah makrokosmos. Justeru itu, satu varieti Kavadi yang diusung ketika perayaan Thaipusam turut melibatkan limau dengan set cangkuk-cangkuk besi yang tajam. Satu set cangkuk terdiri daripada dua bilah cangkuk besi yang dihubungkan dengan seutas tali khas. Untuk tujuan ini, sebilah cangkuk akan dibenamkan menembusi kulit dan daging pembawa kavadi. Sebilah cangkuk lagi akan pula ditusukkan dengan buah limau nipis yang akan dibiarkan berjuntai, sambil berat limau itu akan menambahkan kesan kesakitan yang berpunca daripada benaman cangkuk yang pertama tadi.

Pengaruh Hinduisme dalam amalan Mandi Bunga turut dapat diperhatikan apabila amalan tersebut bertujuan menghasilkan aroma yang wangi. Penganut Hinduisme mempercayai bahawa bau yang harum dapat mengusir pengaruh kejahatan dan menarik pengaruh kebaikan pada diri pelakunya. Hakikat kepercayaan ini juga telah disebutkan dalam Epik Ramayana yang menyatakan:

**Bau yang harum hasil mandian dapat mengusir pengaruh kejahatan dan menarik pengaruh kebaikan pada diri pelakunya.**

"Apabila tempat yang sesuai telah ditemui, dan setelah tempat itu disediakan, semuanya menurut peraturan zaman bahari, maka Wasista dan pendita-pendita lainnya pun mulailah melakukan upacara-upacara korban tersebut. Bunyi mantera Veda iaitu syair suci memenuhi angkasa raya dan dari barang-barang korban itu timbullah suatu bau harum yang mengusir segala dosa-dosa Raja

Dasarata apabila baginda menyedutnya.<sup>39</sup>

Akhirnya, amalan Mandi Bunga ini diberikan solekan berupa bid'ah agar ia dapat menampilkan wajah 'Islam'. Mandi Bunga cuba dirasionalkan sebagai perbuatan yang 'Islamik' sebagaimana mandi junub, mandi kerana menganut Islam, mandi sunnah hari jumaat, mandi sunnah Hari Raya, dan mandi-mandi lain yang telah disyari'atkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Situasi ini dapat dikesan apabila mantera yang dibaca dalam hampir semua ritual orang

**Akhirnya, amalan Mandi Bunga yang berasal daripada kepercayaan kurafat agama lain diberi solekan Islamik dengan bacaan Basmalah, al-Fatihah, Selawat dan lain-lain.**

Melayu tradisional termasuklah Mandi Bunga, akan dimasukkan lafaz basmalah, dan diakhiri dengan syahadah dan salawat.<sup>40</sup>

Orang yang melakukan upacara Mandi Bunga pula akan disuruh berselawat, membaca surah-surah tertentu, malah ada yang disuruh menghadap kiblat dan mandi ketika azan bergema.

Lebih menggelirukan lagi ialah apabila bomoh yang mengendalikan upacara tersebut berpesan pula "Allah sahajalah yang menolong awak, saya cuma berikhtiar". Amalan Mandi Bunga telah disalahanggap sebagai suatu wasilah kepada ibadah 'ikhtiar dan tawakkal' dalam Islam. Maka tidaklah menghairankan apabila wujud juga varieti mandi untuk 'membuang sial' yang lain

<sup>39</sup> *Hikayat Ramayana* (edisi terjemahan oleh Daud Baharum.Oxford University Press, K. Lumpur 1963), hlm. 2

<sup>40</sup> Haron Daud - *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran* (Penerbitan USM, P. Pinang 2001)



dalam kehidupan orang Melayu tradisional, seperti mandi tolak bala, mandi air selamat, mandi safar, mandi pengantin untuk bakal pengantin, mandi basuh lantai untuk ibu dan bayi yang baru dilahirkan, mandi bertabal untuk pertabalan raja yang baru dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, amalan mandi untuk kesihatan fizikal dengan semata-mata memanfaatkan khasiat limau, bunga dan daun tertentu tidaklah menjadi masalah. Meskipun begitu, apabila disertakan dengan kepercayaan atau amalan yang tidak selaras dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, amalan Mandi Bunga dapat bertukar menjadi perbuatan bid'ah dan khurafat yang boleh membawa kepada syirik. Islam mengajar penganutnya bahawa tidak ada sial atau tuah pada masa-masa tertentu, serta tidak akan ada pula manfaat, mudarat dan karut-marut berkaitan dengan amalan tertentu. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, yang maksudnya:

**"Tidak ada penyakit yang berjangkit, tidak ada larangan atau pantang pada bulan Safar dan tidak ada kecelakaan yang ditandai oleh suara burung malam."**<sup>41</sup> Malah, kepercayaan dalam amalan Mandi Bunga ini juga boleh merosakkan keimanan seseorang itu terhadap Qada' dan Qadar Allah

**Walaupun bagaimanapun, mandi dengan menggunakan sabun, *shower gel* dan shampo yang diperbuat daripada khasiat limau, bunga dan daun tertentu tidaklah menjadi masalah asalkan ia adalah untuk membersihkan badan dan bukan untuk membersihkan sial dan sebagainya.**

<sup>41</sup> Diriwatkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 5278 (Kitab al-Tibb)

*Subhanahu wa Ta'ala.* Oleh itu kepada mana-mana pembaca yang mengingini kepada Mandi Bunga, tinggallah ia kerana ia tidak lain adalah campur aduk pelbagai amalan kurafat dan bid'ah. Jika memiliki apa-apa hajat, caranya ialah bertaqwa kepada Allah dengan mentaati segala perintah larangan-Nya, kemudian berdoalah kepada-Nya.

**Working For The Ideal:  
The True Invaluable Nature of Women's Work in Islam**

By

Umm Ziyaad (ummziyaad@hotmail.com)

Picture this scenario. A mother of five children holds an important position in a multi-million-dollar company. As the manager of the human resource department, one of her tasks includes motivating the company's employees to become the best at what they do. She is the epitome of a successful career woman and as she rises up the management ladder, her responsibilities at the office multiply as she is forced to neglect her responsibilities towards her family. Then one day she decides to quit her job.

She realizes with all the money and promotions she acquired from her career, something was not right with the way she lived her life in the past. Something was missing from those 'successes' and a sense of craving only identifiable by the female gender was left unsatisfied. But when she finally has the chance to spend enough time with her husband and children, her efforts encounter a fair amount of condemnation even from those closest to her. Now she faces the dilemma of explaining to her relatives, colleagues and friends around her about her well-thought decision that she intends to execute with full conviction. It's not that easy. She knows what the vast majority of society wants

from women like her and what she has been taught about the meaning of a successful woman were not really true. It is time for her, this Muslim woman, to step up for what she believes to be true, as what her religion, Islam tells her to be true. It is high time for her to strive for what is best for her self in this life as well as the everlasting next.

The Muslim woman from the scenario above found out that for society to encourage women to stay in their homes to focus more on caring for their families is practically to recognize the overriding benefits of being a homemaker to the woman herself, her family and the society around her. In contrast, to subtly or

**Only by going back to the true teachings of Islam will women be truly recognized as invaluable assets to society equally to men. Surely, women's perfectly designed roles and the contributions in the natural work that they do in society go beyond any form of monetary compensation.**

openly 'deny' the Muslim woman this right based on society's prejudicial view of the 'jobless' woman or mother is detrimental to the woman herself, her family, and the society on which families such as hers are built upon.

Often times the importance of the usually unpaid work that women do in their homes goes underestimated. One major factor which contributes to this misconception is the surge of materialism that has plagued our lives

in society today and has influenced the way we value the work of our mothers, wives and sisters as nurturers and care-givers. Only by going back to the true teachings of Islam will women be truly

recognized as invaluable assets to society equally to men. Surely, women's perfectly designed roles and the contributions in the natural work that they do in society go beyond any form of monetary compensation.

By having the obligation to financially provide and support themselves and their families lifted from off of their shoulders, women as homemakers have the freedom to concentrate on activities inside the house. Compared to a 'juggling' lifestyle between paid and unpaid work, these women have the opportunity to play a most important part in benefiting the society at large. It is a known fact that a healthy environment at home is a cause for humans to develop into physically, emotionally and spiritually healthy individuals and as a result, the amount of social problems that occur in 'modern' societies today could be significantly reduced. For that reason, undoubtedly, having a system of families that are each run by skilled 'managers' will result to a better society in its every aspect.

But when women are pushed into the workforce as countries move towards industrialization, they are compelled to leave their traditional position as caregivers in the family. This 'evolution' gradually tears down the ideal family structure. Consequently, the family structure, which is securely based on the close and firm relationship between the husband and the wife and between parents and their children become twisted as the roles of parents are reduced and become unclear. Instead, day-care institutions rise in great numbers replacing the essential role of the mother in the early and crucial development of her child's

life. The bond between husbands and wives is hence weakened when the gift of children and the responsibility to raise them that binds parents together, is taken away bit by bit. A prime example is in the U.S. today, where it's government surpasses the power of parents over their children simply because parents are becoming increasingly incompetent.

However, in developing countries such as Malaysia, we still have the chance to prevent the deterioration of the family institution by learning from mistakes made by technologically more advanced countries. Through protection of the family institution, children as well as adults would be provided with the essential needs to live meaningful lives. Supporting women to stay in their homes is not only the preventive action in safeguarding the family institution, which in the long run protects society from failure; it is also a long-term cure.

Apart from the immeasurable goodness that a woman presents to others by specializing in the art of caring, she also benefits her own self, whether in this worldly life, or in the hereafter. As the woman is created with innate characteristics that endow her with better nurturing abilities, her true and highest potential would be realized in this specialized field. These born characteristics enable her to take pleasure in the work that she does. Accordingly, homemaking provides the woman with the platform to obtain the ultimate satisfaction for being able to dedicate daily activities towards a mission that is pleasurable to her as well as appreciated and beneficial to others.

For the Muslim woman, to excellently perform homely duties is an

opportunity to earn the highest rewards from Allah *Subhanahu Wa Ta`ala*, equivalent to even that of Jihad in His Path. As was related by Muslim bin Asad from Asma' Bint Yazid *radiallahu `anha* that she went to the Prophet *shallallahu `alaihi wasallam* while he was seated with his companions. She said:

***"... I came as an emissary to you from a group of women. Indeed Allah has sent you to both men and women, and we believe in you and in your Lord. Indeed, we women are limited and constrained, though we are the pillars of your houses, from us do you fulfill your desires and lusts, and we also bear your children. Indeed, you men have been favored over us by the congregational prayers, by visiting the sick, by attending funeral prayers, by performing pilgrimage after pilgrimage, and better than all of that – Jihad in the way of Allah. When men go out to perform Hajj, `Umrah, or Jihad, we protect for them their wealth, spin for them their garments, and raise for them their children. Shall we not then share with you in this recompense and reward?"***

***The Prophet shallallahu `alaihi wasallam then turned to his companions and said, "Have you ever heard of any speech of a woman that is more beautiful than this woman's questioning regarding the affair of her religion?" They said, "O Messenger of Allah, we never thought that a woman should be guided to something similar to this." The Prophet shallallahu `alaihi wasallam turned to her and said,***

***"Understand this, O woman, and teach this to those women whom***

***you left behind: For a woman to be a good spouse to her husband, for her to seek his pleasure, for her to follow and cooperate with him, is equal to all of that (i.e. all of the rewards that men get for their toils or for the deeds mentioned above)."***<sup>42</sup>

Therefore 'housework' should not be something looked down upon by any Muslim because evidently from the words spoken by the Messenger *shallallahu 'alaihi wasallam* himself, women's work as homemakers is no trivial job. The act

**As Muslims, the overall benefit for everyone supersedes the individual benefit, or in this case the benefit for women alone. The Laws of Allah are Most Just and True for all His creations, be they male or female.**

of staying inside the home, unless it is required for her to go out, is most praiseworthy and promoted for women in Islam.

Allah *Subhanahu Wa Ta`ala* tells us in the Qur'an that it is better for women to stay inside their homes as He instructed the wives

of the Prophet in Surah al-Ahzab, verse 33, and to not display themselves like that of the times of pre-Islamic ignorance (*Jahiliyyah*). As Muslims, the words of Allah *Subhanahu wa Ta`ala* and His Messenger (peace be upon him) should be enough for us and doing what Islam has prescribed in full obedience and knowledge of its true benefits is a great reward in and of itself.

As shown in the above related *hadith*, notice how the question asked by

<sup>42</sup>

Part of a *hadith* narrated by al-Baihaqi in *Syu'ab al-Iman*, *hadith* number 8743.



Asma' Bint Yazid *radiallahu `anha* was in the context of clarifying what her beloved religion of Islam entails for women, and not only for the interest for solely women but for the best interest of the *ummah* as a whole. As Muslims, the overall benefit for everyone supersedes the individual benefit, or in this case the benefit for women alone. The Laws of Allah are Most Just and True for all His creations, be they male or female. Despite the efforts of some parties who argue and promote that women should be encouraged to leave their homes just as men do for work, the Truth is: it is **better** for them to stay at home. This is the ideal that should be strived for in a Muslim society.

This fact is further strengthened when we reflect upon the following *hadith* of the Prophet *shallallahu 'alaihi wasallam*. It was narrated that Umm Humayd the wife of Abu Humayd al-Saa'idi came to the Prophet and said, "O Messenger of Allaah, I like to pray with you." He said,

***"I know that you like to pray with me, but your prayer in your room is better for you than your prayer in your courtyard and your prayer in your courtyard is better for you than your praying in your house, and your prayer in your house is better for you than your prayer in the mosque of your people, and your prayer in the mosque of your people is better for you than your prayer in my mosque."***

Hearing the words of the Prophet *shallallahu 'alaihi wasallam*, Umm Humayd *radiallahu `anha* issued orders that a prayer-place be prepared for her in the furthest and darkest part of her house, and she used to pray there until she

died.<sup>43</sup>

Naturally, a person would choose to do an action that is not only easier but would grant him or her the most amount of benefits. To the Muslim woman in the early times of Islam, it made perfect sense to obey Allah's commandments as they knew in complete faith that Allah's religion of Islam that He sent to humankind is easy and precisely designed to produce the best kind of life upon this world and the everlasting *Akhirah*. The comprehensive and absolute understanding of Islam possessed by the early Muslims, which was upheld by the sheer strength of their *Iman* is what we, Muslims in this day and age should be striving for. The encouragement to stay inside their homes for Muslim women today is applicable and suitable inasmuch as Islam is applicable and will always remain suitable for all time.

In defining the nature of women's and men's work, sexual differentiation in labor is a reality in society and this reality depicts the natural *fitrah* that Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* has instilled in them. As the Creator of all that exists, Allah has differentiated women from men in their creation and the roles that they play in the life of this world. Allah says in the Qur'an, "**And the male is not like the female..**" [Surah Ali Imran 3:36]. Because there exist differences between men and women, the nature of the work that they do is naturally different. By accepting these differences as promoted by even western scholars particularly in

---

<sup>43</sup> Narrated by Ahmad in his *Musnad*, hadith number 27090 and graded hasan by Shaikh Syu'aib al-Arna'uth.

the book "*Men Are From Mars, Women Are From Venus*", can society do justice towards each of its members. Radical feminist groups say that men and women are the same and their differences apart from their biologically determined sex; their gender is socially constructed or in other words learned from the process of growing up. Although this theory contains some amount of truth in which some aspects of gender are learned or taught to members of society, gender is indeed for the most part innate. Individuals are born with instinctive traits that in following the course of their creation, these traits form each individual into becoming either a man or a woman. Therefore believing that the instinct to want to become stay-at-home mothers that women have because they were merely conditioned as such in their upbringing in reality defies women to accept themselves as who they are and prevents society from accepting women as how they should be accepted, unlike men.

Because of this unclear image of women, society tends to oppress women into taking part in the roles of men, taking them away from the opportunity to fulfill their potential to the fullest. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* is Just in the truest sense of the word to all of His creations. He instructed that the deeds of women and men to be measured differently but suitable and thus fair to their nature. In

**Allah is Just in the truest sense of the word to all of His creations. He instructed that the deeds of women and men to be measured differently but suitable and thus fair to their nature. In other words, different yardsticks are to be used to determine which jobs or work is best for each sex.**

other words, different yardsticks are to be used to determine which jobs or work is best for each sex. What follows from this understanding is the realization that the importance of a work being done by each sex is invaluable and priceless in its own virtue and the pointlessness of determining the superiority of one sex over the other based on the jobs that they do. For example, the amount of salary paid in the different jobs that women and men have should not be used to measure the importance of those jobs. Naturally, men are recognized as breadwinners of the family and because of this, the work that they do are paid more in order for them to sustain the living expenses of those under their responsibilities. Nevertheless, women's work is in a league of its own and is not measurable to the amount of money being paid to them because women are not accountable for providing income to the family.

**A society which is far from the guidance of Allah is ruled by materialism, and from it stems the unhealthy habit of assigning monetary value to anything of worth, including women's natural work in their homes.**

A society which is far from the guidance of Allah *Subhanahu wa Ta'ala* is ruled by materialism, and from it stems the unhealthy habit of assigning monetary value to anything of worth, including women's natural work in their homes. Doing this diminishes the importance of the wifely and motherly duties performed in the family, which then contributes

to society's lack of appreciation towards women. In other words, the domestic work that women do is not only looked down upon (due to gender discrimination) because women do the work – they are looked down upon

because it is usually low or unpaid work.

The idea of “comparable worth” as termed by most feminists to refer to a theory that every job, by its nature, has a worth to the employer or to society that can be measured and assigned a numerical value, is seemingly rooted in materialism. This theory is used to advocate equal pay for men and women in jobs of comparable value. This is another issue in and of itself. But in relation to quantifying the value of women’s work in society, comparable worth is problematic as it implies that importance is attributed to monetary compensation as a standard of personal worth in society. If this is the case, then it is a wonder that mothers are not compensated for their utmost importance in society, where motherhood is supposedly revered. “Worth” is determined by the values that are held by a particular society and if the values of a society is materialistic, worth will take on a rather “worthless” superficial meaning driven by desire and would eventually lose its true sense.

Thus if we go back to Islam and study the fundamental values that our religion is based upon, we will undoubtedly arrive to the agreement that women should be encouraged to fulfill the Islamic ideal of working in their homes. In particular, they should focus their activities on performing wifely and motherly duties towards their families as such a job is realistically deemed to be most significant and of incomparable value. At the same time, women would be revered for the work that they do and society would be educated about the true value of women that has always existed but sadly has remained implicit.

In Islam, women are not obligated to work and earn income for the family. Instead, men are obligated to provide for women in every stage of their lives. It is in fact a communal obligation upon the society to care for single mothers and unmarried women who do not have male relatives to provide for them. In *Shahih Muslim*, Abu Hurairah *radiyaAllahu `anhu* reported that Allah's Messenger *shallallahu 'alaihi wasallam* said,

***"One who makes efforts (for earning to be spent) on a widow and the destitute is like a striver in the cause of Allah", and I think he also said, "He is like one who constantly stands for prayer and observes fast without breaking it."***

However, women are not forbidden to work. Nevertheless conditions apply to these women so that the boundaries as prescribed in the *shari`ah* of Allah are not transgressed in which doing so causes harm towards the Muslim women in this world as well as in the next.

However, women are not forbidden to work. Undoubtedly in today's economics it has become a necessity for women to have to work to earn a living, especially when men are unable to meet the demands of high living costs. Nevertheless conditions apply to these women so that the boundaries as prescribed in the *shari`ah* of Allah are not transgressed in which doing so causes harm towards the Muslim women in this world as well as in the next. They should be given the choice to work from home and such facilities are even supported

by the *Sisters in Islam*.<sup>44</sup> This does not contradict the need for us to try to reach the ideal where women do not have to work for their living expenses so that they could be free to perform their duties at home. Ultimately, in Islam, men are responsible of providing financial support for their families as stated before and so they are given the means to acquire more wealth than women. On the other hand, women are also allowed to acquire wealth in any legal form such as inheriting wealth and owning businesses.

Encouraging women to stay home instead of having to go to work and share the burden of earning money for the family is a step towards ending the psychological crisis that women have to endure when choosing to be stay-at-home mothers. Today's women are more educated and statistically, it is shown that more and more educated women choose to become full-time mothers. Statistics also show that there are still more than half of Malaysian women who are not part of the labor force. This goes to show that women do not have to work in most families in Malaysia and that the greater part of society sees fit to it. Financial independence is not the main agenda. Women should be praised for choosing to maintain the inner workings of the family.

Encouraging women to stay in their homes to focus more on caring for their families will help them realize the overriding benefits to herself, her family and the society around her, as well as increase her status in the sight of God. Islam seeks to protect women from the harm and hardship that could result from

---

<sup>44</sup> *Women and Work in Islam* (<http://www.sistersinislam.org.my/Letterstoeditors/17031999.htm>)

being out of the safety of the home. Forcing women or in more subtle ways, creating the need for women to work in harsh environments that go against her feminine built, physically as well as emotionally is none other than a form of female oppression. But the aim of Islam to defend women in every aspect of their well-being is not always easily understood by Muslims themselves, much less those who purposely misconstrue the message of Islam. And Allah's help is sought.

**Forcing women or in more subtle ways, creating the need for women to work in harsh environments that go against her feminine built, physically as well as emotionally is none other than a form of female oppression. But the aim of Islam to defend women in every aspect of their well-being is not always easily understood by Muslims themselves, much less those who purposely misconstrue the message of Islam.**



## **KECERDASAN EMOSI: SATU PENGENALAN<sup>45</sup>**

Oleh

Azromihana binti Azmi (azromihana@yahoo.com)

### **Pengenalan**

Perasaan dan emosi seperti tangisan, sedih, takut dan gelak ketawa mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah kehidupan seseorang manusia. Perkataan emosi ini berasal daripada perkataan Greek "emovere" yang membawa maksud "untuk keluar". Maka untuk itu, emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang.

Emosi boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh seseorang manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan

---

<sup>45</sup> Mungkin ini adalah subjek yang baru bagi sebahagian pembaca, namun ia adalah sesuatu yang telah ditekankan oleh Islam sejak 1400 tahun yang lalu. Kesabaran menghadapi dugaan, berlapang dada menghadapi masalah, berani menghadapi cabaran, yakin akan pertolongan Allah, bertawakal dan redha atas keputusan Allah, bersyukur atas apa-apa kejayaan, tidak putus asa atas apa-apa kegagalan, rendah diri sesama manusia, toleran untuk sentiasa berjamaah, menghubungkan silaturahim dan sebagainya, semuanya adalah sesuatu yang ditekankan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Sesiapa yang memiliki ciri-ciri mulia di atas, dia dikenali sebagai seorang yang berakhlak mulia dan memiliki jiwa yang tenang. Dalam istilah para pengkaji tingkah laku manusia sekarang ini, ia dikenali sebagai memiliki kecerdasan emosi yang tinggi. (Hafiz Firdaus)

psikologi<sup>46</sup>. Perubahan ini melibatkan satu set tindak balas automatik, viseral iaitu meluap-luap dan komunikasi emosi seperti ekspresi muka, perkataan, isyarat dan tingkah laku lain yang dipaparkan oleh seseorang itu. Manusia yang normal dilihat sebagai individu manusia yang mengalami situasi yang pelbagai dan berkehendakkan reaksi bagi melahirkan emosi yang juga berbeza.

**Kecerdasan intelektual (IQ) lazimnya membolehkan seseorang belajar di universiti atau pun memegang jawatan profesional. Bagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang seseorang manusia yang memiliki IQ yang tinggi akan sejahtera dalam hidup.**

kesejahteraan hidup seseorang.

Kecerdasan intelektual (IQ) membolehkan seseorang untuk belajar di universiti dan kolej atau pun memegang jawatan profesional. Bagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang seseorang manusia yang bijak dan pandai akan sejahtera dalam hidup. Kemahiran mengawal dan menggunakan emosi (EQ) secara bijak sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam menjamin

Sejak Goleman<sup>47</sup> menerbitkan bukunya yang berjudul "*The Emotional Intelligence*", ramai pengkaji mula menunjukkan minat terhadap penyelidikan di bidang yang baru ini. Para pengkaji cuba memahami bagaimana kecerdasan emosi dapat bergabung tenaga dengan kecerdasan akal bagi menentukan

<sup>46</sup> Mahmood Nazar Mohamed. 2001. Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>47</sup> Goleman, D. 1995. What's your emotional intelligence quotient? *Utne reader*, Nov/Dec 1995. <http://trochim.human.cornell.edu>.

kejayaan dan keharmonian sesebuah kehidupan manusia.

Selama ini, ramai yang menganggap bahawa jika seseorang individu itu memiliki tingkat kecerdasan intelektual yang tinggi, maka individu itu akan memiliki peluang untuk meraih kejayaan yang lebih baik berbanding dengan yang lain. Bagaimanapun, terdapat banyak kes di mana seseorang yang memiliki tingkat kecerdasan intelektual yang tinggi tersisih daripada orang yang memiliki tingkat kecerdasan intelektual yang lebih rendah. Ini membuktikan bahawa kecerdasan intelektual yang tinggi tidak menjamin seseorang itu akan meraih kejayaan dalam hidupnya.

Sebaliknya, kecerdasan emosi didapati dapat mengurangkan jurang penyisihan ini. Kecerdasan emosi boleh dikembangkan seumur hidup melalui proses pembelajaran. Kecerdasan emosi lahir seiring dengan pertumbuhan seseorang individu sejak lahir sehinggalah beliau meninggal dunia. Pertumbuhan kecerdasan emosi dipengaruhi oleh keluarga, lingkungan persekitaran dan contoh-contoh pengalaman yang diperolehi seseorang sejak lahir dari kedua ibu bapanya. Kecerdasan emosi mempunyai kaitan dengan pelbagai aspek yang dirasakan semakin sukar dilihat dalam kehidupan manusia yang semakin moden dan maju kini <sup>48</sup>. Antara aspek kecerdasan emosi yang semakin sukar dilihat dalam kehidupan manusia kini adalah seperti berikut:-

- Empati iaitu memahami orang lain secara mendalam

---

<sup>48</sup> <http://www.iqeq.web.id/art/art01.shtml>

- Mengungkapkan dan memahami perasaan
- Mengendalikan amarah
- Kemandirian yaitu berdiri dengan sendiri atau berdikari
- Kemampuan untuk menyesuaikan diri
- Disukai oleh orang lain
- Kemampuan untuk memecahkan atau menghilangkan masalah antara mereka yang berada di sekeliling
- Semangat setiakawan
- Keramahan
- Sikap hormat-menghormati

Kecerdasan emosi bermula sejak kecil dan dengan itu, ibu bapa memiliki

**Kecerdasan emosi bermula sejak kecil dan dengan itu, ibu bapa memiliki peranan terpenting dalam membina kecerdasan emosi anak-anak.**

peranan terpenting dalam membina kecerdasan emosi anak-anak. Mereka harus mengajar, mendidik serta membimbing anak-anak tentang kecerdasan emosi dengan memberikan contoh teladan yang baik. Bagi membolehkan anak-anak memiliki kecerdasan emosi yang tinggi<sup>49</sup>, ibu bapa seharusnya mengajar dan menerapkan

---

<sup>49</sup> <http://www.iqeq.web.id/art/art01.shtml>

dalam diri anak-anak beberapa aspek seperti berikut:-

- Membina hubungan persahabatan yang baik dan harmonis
- Bekerja dalam kumpulan secara harmonis
- Berbicara dan mendengarkan secara efektif
- Mencapai prestasi yang lebih tinggi sesuai dengan aturan yang ada (jujur)
- Mengatasi masalah dengan teman yang nakal
- Berempati antara satu sama lain
- Kemampuan untuk memecahkan atau menghilangkan masalah antara peribadi ketekunan
- Mengatasi konflik
- Membangkitkan rasa humor atau jenaka
- Memotivasikan diri apabila menghadapi saat-saat yang sulit dan genting
- Menghadapi situasi yang sulit dengan percaya kepada diri sendiri
- Menjalin keakraban

Jika dilihat di dalam konteks pendidikan di Malaysia, penyelidikan dan kajian tentang kecerdasan emosi masih kurang dilakukan. Pembelajaran sosial dan emosi dalam kurikulum di sekolah-sekolah Malaysia dilaksanakan secara

tidak langsung dan ia tidak dijadikan sebagai satu subjek atau perkara yang khas (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia 1983).

Pada kebiasaannya, beberapa andaian wujud di mana kemahiran-kemahiran sedemikian diperoleh oleh para pelajar melalui kurikulum terselindung yang disampaikan oleh guru-guru secara tidak langsung. Namun, terdapat beberapa mata pelajaran seperti Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral yang dijadikan subjek utama bagi memenuhi perkembangan yang berkesan pelajar-pelajar di Malaysia.

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Untuk menjamin kesejahteraan dan keharmonian ini akan sentiasa berterusan, faktor emosi perlulah dikawal dan dijaga sentiasa. Kecerdasan emosi pelbagai etnik hendaklah sentiasa diberi penekanan dan dikawal dari kecil lagi. Begitu juga perbezaan antara gender iaitu lelaki dan perempuan.

Menurut Patricks dan Furnham<sup>50</sup>, pelajar perempuan mempunyai pencapaian kecerdasan emosi yang tinggi jika dibandingkan dengan pelajar lelaki dalam kemahiran sosial. Namun, ia berbeza dengan pertimbangan jangkakan diri atau *self-estimated* di mana pelajar lelaki memiliki pencapaian kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

---

<sup>50</sup> Petrides, K. V. & Furnham, A. 2000. Gender differences in measured and self-estimated trait emotional intelligence. *Sex roles*, 42 (5-6), hal. 449 – 461.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini berbeza dengan yang diperoleh daripada Kyung Hee<sup>51</sup>. Pelajar perempuan mempunyai pencapaian kecerdasan emosi yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar lelaki dalam tiga faktor kecerdasan emosi iaitu empati, penggunaan emosi dan perhubungan sesama rakan sebaya.

Menurut Curtis<sup>52</sup> pula, apabila emosi diajar dan ditekankan dengan pembelajaran yang berkaitan dengan kecerdasan emosi melalui kaedah rawatan, perubahan yang lebih baik dari keadaan sebelumnya berlaku dalam diri pelajar-pelajar. Perubahan berlaku walaupun pelajar-pelajar berada di dalam tiga kelas yang berbeza iaitu kelas Pengajian Sosial/English Moden, kelas Psikologi dan kelas sukarelawan pelajar pintar. Menurut Curtis lagi, kelas bimbingan diadakan dan hasilnya wujud peningkatan dalam pengurusan emosi.

### **Ciri-Ciri Yang Membentuk Kecerdasan Emosi**

Salovey dan Mayer<sup>53</sup> mengatakan bahawa kecerdasan emosi mengumpulkan kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal Gardner

---

<sup>51</sup> Kyung Hee, Kim. 1998. A preliminary study on the development of emotional intelligence rating scale for preschool children. *Korean journal of developmental psychology*, 11 (2), hal. 31 – 48.

<sup>52</sup> Curtis, L. S. 2000. Assessing the attainment of guidance outcomes related to the development of emotional intelligence skills and improved self-concept. *Dissertation abstracts international section A: humanities & social sciences*, 60 (8-A), hal. 2812.

<sup>53</sup> Salovey, P. & Mayer, J. D. 1990. Emotional intelligence. *Imagination, cognition and personality*, 9, hal. 185 - 211.

yang boleh dikategorikan kepada lima perkara iaitu kesedaran diri, pengurusan emosi, motivasi diri, empati dan mengendalikan hubungan.

Kesedaran diri merupakan satu pemerhatian terhadap diri dan mengakui suatu perasaan sebagai satu kejadian. Pengurusan emosi pula merupakan satu pengendalian perasaan di mana ia boleh disesuaikan, menyedari sesuatu perkara di sebalik emosi, menemui cara mengendalikan perasaan bimbang dan takut, perasaan marah dan juga sedih.

Motivasi diri pula merupakan satu penyaluran perasaan ke arah satu matlamat, mengawal emosi sendiri, melewati ganjaran dan menyekat dorongan. Empati pula merupakan satu perasaan atau kemampuan untuk menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain. Sementara mengendalikan hubungan pula adalah satu pengurusan perasaan, kecekapan dan kemahiran sosial.

Menurut Mayer dan Salovey<sup>54</sup> pula, kecerdasan emosi adalah sejenis kecerdasan sosial yang melibatkan kebolehan untuk mengawasi diri sendiri dan juga orang lain serta boleh membezakan diri dengan orang lain. Ia juga menggunakan maklumat untuk membimbing ke arah satu pemikiran dan juga tindakan.

Menurut Young<sup>55</sup>, istilah kecerdasan emosi didefinisikan sebagai

---

<sup>54</sup> Mayer, J. D. & Salovey, P. 1993. *The intelligence of emotional intelligence*. 17, hal. 433 - 442.

<sup>55</sup> Young, C. A. 1996. Emotions and emotional intelligence dalam



kecerdasan sosial yang melibatkan kemahiran untuk memantau dan membuat diskriminasi di antara emosi sendiri dan emosi orang lain, di samping memanfaatkan maklumat ini sebagai panduan pemikiran dan tindakan seseorang itu.

Menurut Goleman<sup>56</sup> pula, kecerdasan emosi secara spesifiknya, terdiri daripada empat konstruk penting. Konstruk-konstruk itu adalah kawalan diri, motivasi/kesedaran diri, pengurusan emosi dan kemahiran sosial. Konstruk yang pertama adalah kawalan diri. Ia merujuk kepada kemahiran mengawal tindakan dan perasaan sebelum melakukan sesuatu perkara.

Konstruk yang kedua pula adalah motivasi/kesedaran diri. Ia merujuk kepada usaha dan daya ketahanan seseorang untuk mencapai matlamat hidup. Konstruk yang seterusnya adalah pengurusan emosi. Pengurusan emosi merujuk kepada kemahiran menguruskan perasaan dan pembentukan konsep atau menyanjung diri. Konstruk yang terakhir adalah kemahiran sosial. Ia merujuk kepada kemahiran menjalinkan perhubungan atau persahabatan dengan

**Individu yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah seorang individu yang boleh mengawal perasaan dan tindakan sendiri, mempunyai daya ketahanan untuk mencapai matlamat hidup, boleh mengurus perasaan negatif serta mudah menjalinkan persahabatan dengan orang lain.**

---

<http://trochim.human.cornel.edu>.

<sup>56</sup> Goleman, D, 1996. What's your emotional IQ? *Reader's digest*. May, hal. 17-20.

orang lain seperti kemahiran komunikasi dan kemahiran berunding.

Individu yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah seorang individu yang boleh mengawal perasaan dan tindakan sendiri, mempunyai daya ketahanan untuk mencapai matlamat hidup, boleh mengurus perasaan negatif serta mudah menjalinkan persahabatan dengan orang lain.

Sementara individu yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang rendah pula akan bertindak mengikut perasaan tanpa memikirkan akibatnya dan mempunyai matlamat hidup yang kurang jelas. Selain itu juga, individu tersebut kurang mahir mengurus perasaan negatif serta kurang mahir dalam menjalinkan persahabatan dengan orang lain.

Secara keseluruhannya, kecerdasan emosi menekankan tentang ciri sahsiah yang dimiliki oleh seseorang individu itu. Kemahiran sosial dan emosi adalah lebih penting dalam kejayaan hidup daripada kebolehan intelektual semata-mata.

Bagaimanapun, setakat ini tidak ada ujian yang tepat bagi mengukur kecerdasan emosi seperti yang dilaksanakan untuk menguji dan mengukur kecerdasan intelektual. Menurut Elaine de Beauport<sup>57</sup>, terdapat tiga belas darjah kecerdasan. Tiga belas darjah kecerdasan ini dirangkumkan kepada tiga teori susunan otak (the tribune brain theory) iaitu neokorteks, sistem limbik dan

---

<sup>57</sup> Abdul Fatah Hasan, Haji. 1998. *Pemikiran keseluruhan otak [dalam penguasaan pendidikan dan kaitannya dengan kecerdasan emosi (emotional intelligence – EQ)]*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

reptilian kompleks yang mempunyai darjah kecerdasan yang berbeza di antara satu sama lain.

Darjah kecerdasan mengikut susunan otak neokorteks terdiri daripada empat bahagian. Bahagian yang pertama, rasional yang merupakan kebolehan untuk melihat sebab dan akibat, proses urutan deduksi, proses membuat rumusan dan kesimpulan. Bahagian kedua adalah hubungan dan pertalian. Ia merupakan satu kebolehan melihat secara rambang, meluaskan maklumat melalui pertalian rambang secara keseluruhan dan melihat hubungan antara maklumat dan bahan. Bahagian ketiga pula, visual atau imaginal yang merupakan satu kebolehan untuk melihat secara bayangan dan penggambaran. Sementara bahagian keempat adalah intuituional yang merupakan satu kebolehan untuk mengetahui dari pengalaman secara langsung dengan tidak menggunakan sebab.

Bagi darjah kecerdasan dari susunan otak limbik pula, ia terbahagi kepada enam bahagian. Bahagian pertama adalah afeksi. Ia merupakan kebolehan seseorang individu menghayati dan mengembangkan perasaan kejiwaan dengan seseorang individu, tempat, benda mahupun idea.

Bahagian kedua pula adalah motivasi. Ia merupakan satu kebolehan yang menghampiri kemahuan atau kehendak seseorang individu dan mengetahui apa yang perlu dihampiri dan apa yang mahu diusahakan atau digerakkan untuk bertindak terhadap sesuatu perkara.

Bahagian seterusnya adalah rasa hati. Ia merupakan satu kebolehan mencipta pelbagai suasana hati dan menukarkannya kepada suasana yang lain

seperti suka-duka, cinta-benci, marah-sayang dan sebagainya. Bahagian keempat adalah mulut. Ia merupakan satu kebolehan menyedari dan memandu getaran yang berkaitan dengan kawasan oral iaitu kawasan mulut.

Bahagian kelima pula adalah rongga hidung yang merupakan satu kebolehan menyedari dan memandu getaran yang berkaitan dengan kawasan nasal iaitu kawasan hidung. Bahagian terakhir adalah dorongan keseksualan. Dorongan keseksualan merupakan satu kebolehan menyedari untuk menerima dan menunjukkan getaran yang boleh melahirkan tarikan.

Bagi darjah kecerdasan dari susunan otak reptillia kompleks pula, ia terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian yang pertama, asas. Bahagian ini merupakan satu kebolehan untuk melawan dan melari, meniru dan menghalang idea yang beralinan dan bertindak. Bahagian kedua pula adalah Rutin. Rutin adalah satu kebolehan mengenal, mencipta dan mengekalkan ulangan-ulangan irama (*rhythm*). Dan bahagian terakhir yang ada dalam susunan otak reptillia kompleks ini adalah kelaziman. Kelaziman merupakan satu kebolehan mengenal, mencipta dan mengekalkan irama yang ditimbulkan oleh seni, muzik, drama, pemikiran dan tindakan.

Apa yang telah dirumuskan semenjak tahun 1983 oleh Pengarah Penyelidikan Kognitif Universiti Harvard, Dr Howard Gardner<sup>58</sup>, terdapat tujuh

---

<sup>58</sup> Abdul Fatah Hasan, Haji. 1998. *Pemikiran keseluruhan otak [dalam penguasaan pendidikan dan kaitannya dengan kecerdasan emosi (emotional intelligence – EQ)]*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

jenis darjah kecerdasan. Darjah kecerdasan yang pertama adalah darjah kecerdasan linguistik. Ia merupakan satu kebolehan menggunakan bahasa, makna perkataan dan hubungan antara perkataan atau dengan kata lainnya ia merupakan satu kebolehan mempelajari pelbagai bahasa.

Darjah kecerdasan yang kedua pula adalah darjah kecerdasan spatial yang merupakan satu kebolehan mencipta benda di alam ini dan kemudiannya melahirkan semula gambaran tersebut di dalam minda.

Darjah kecerdasan yang seterusnya adalah darjah kecerdasan muzik atau irama. Darjah kecerdasan muzik atau irama ini merupakan satu kebolehan mengenalpasti irama, intonasi dan seni suara.

Darjah kecerdasan yang keempat adalah darjah kecerdasan kinestetik. Darjah kecerdasan kinestetik adalah satu kebolehan menggunakan fizikal badan dan kemudiannya mencipta semula perlakuan perasaan fizikal.

Darjah kecerdasan yang kelima pula adalah darjah kecerdasan logik matematik. Darjah kecerdasan logik-matematik adalah satu kebolehan melakukan penakulan atau mencari sebab-musabab sesuatu perkara.

Darjah kecerdasan yang keenam adalah darjah kecerdasan interpersonal. Darjah kecerdasan interpersonal merupakan satu kebolehan seseorang individu itu berinteraksi, memahami kemahuan, motivasi, perasaan, fikiran dan perlakuan seseorang yang lain.

Darjah kecerdasan yang terakhir adalah darjah kecerdasan intrapersonal.

Darjah kecerdasan intrapersonal ini merupakan satu kebolehan seseorang individu itu memahami kemahuan, matlamat dan perasaan diri sendiri.

Daripada kajian yang telah dijalankan oleh Beauport dan Gardner inilah ciri-ciri penting dalam kecerdasan emosi di mana darjah kecerdasan dalam otak limbik yang disarankan oleh Beauport serta darjah kecerdasan interpersonal dan intrapersonal yang dikenalpasti oleh Gardner digabungkan.

### **Kajian Lepas**

Secara umumnya, kajian-kajian tentang kecerdasan emosi banyak dijalankan di negara-negara Barat. Di Malaysia, kajian kecerdasan emosi masih kurang dijalankan.

Meyer, Caruso dan Salovey<sup>59</sup> juga telah membina satu alat ujian kecerdasan emosi yang dikenali sebagai "*Multifactor Emotional Intelligence Scale (MEIS)*". Alat ujian ini mengandungi 12 alat yang telah diklasifikasikan kepada empat kumpulan iaitu persepsi, asimilasi, persefahaman dan pengurusan emosi. Untuk menguji kesahan alat ujian ini, mereka telah membuat kajian terhadap 503 orang dewasa dan 229 orang remaja.

Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati terdapat tiga faktor penting dalam analisis MEIS ini iaitu terdapat hubungan yang tinggi dalam

---

<sup>59</sup> Mayer, John D., Caruso, David R. & Salovey, Peter. 1999. Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence*, 27, hal. 267 – 298.

persepsi, persefahaman dan pengurusan emosi serta faktor umum seperti empati, pengendalian hubungan, motivasi diri, kesedaran sendiri dan pengurusan emosi di dalam kecerdasan emosi.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor umum kecerdasan emosi dengan ukuran verbal kecerdasan emosi serta ukuran *self-reported empathy*. Kajian ini mendapati wujudnya hubungan yang tinggi di antara persefahaman dengan kecerdasan verbal diikuti dengan pengurusan emosi dan persepsi. Kajian ini juga mendapati bahawa kecerdasan emosi orang dewasa adalah lebih tinggi daripada remaja.

Schutte dan rakan-rakan<sup>60</sup> telah membina satu alat ujian sendiri tentang kecerdasan emosi. Alat ujian yang dibina ini adalah berasaskan kepada alat ujian yang dibina oleh Salovey dan Meyer. Alat ini mengandungi 33 item *self-reported* yang mengukur hubungan yang penting dalam lapan teoritikal konstruk termasuklah kesedaran emosi, pandangan tentang kehidupan, tekanan perasaan, keupayaan untuk mengatur emosi dan sebagainya.

**Kurikulum sekolah yang berfokuskan pembelajaran sosial dan emosi juga memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan kecerdasan emosi.**

Namun begitu, kajian dalam domain kecerdasan emosi ini sebenarnya masih kurang. Akan tetapi, terdapat beberapa kajian lain

---

<sup>60</sup> Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E., Haggerty, D. J., Cooper, J. T. & Golden, C. J. 1998. Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality & individual differences*, 25 (2), hal. 167 – 177.

yang berkaitan dengan emosi seperti kajian yang dijalankan oleh Hawkins dan rakan-rakan<sup>61</sup> menunjukkan bahawa kurikulum sekolah yang berfokuskan pembelajaran sosial dan emosi juga memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan kecerdasan emosi.

Seterusnya, Salovey dan Meyer<sup>62</sup> telah membuat kajian secara berperingkat-peringkat terhadap subjek yang terdiri daripada responden terikat dan responden bebas. Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperkenalkan satu teori yang mengaitkan kecerdasan emosi dengan faktor personaliti seperti personaliti mesra dan aktif.

Kajian terakhir yang boleh dikaitkan dengan kecerdasan emosi adalah satu kajian yang dijalankan oleh Liew Phaik Guat Selina, Gan Teck Hock dan Sia Pong Won<sup>63</sup> yang menjalankan kajian ke atas pelajar tahun 5 seramai 416 orang di kawasan Miri, Sarawak. Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Selain itu juga, kajian menunjukkan bahawa pelajar telah menunjukkan trend yang positif dalam komponen motivasi dan kesedaran diri. Dari segi pengurusan emosi pula, kebanyakan pelajar berada di tahap sederhana dan

---

<sup>61</sup> Hawkins, J. D. et. al. 1992. *The seattle social deelopment project: the prevention of antisocial behavior in chil dren*. New York: Guillford.

<sup>62</sup> Salovey, P. & Mayer, J. D. 1990. Emotional intelligence. *Imagination, cognition and personality*, 9, hal. 185 - 211.

<sup>63</sup> Liew Phaik Guat Selina , Gan Teck Hock dan Sia Pong Won. 1995. *Tahap kecerdasan emosi murird-murid tahun lima di kawasan Miri*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaysia Sarawak.



kurang memuaskan. Bagi komponen sosial pula menunjukkan bahawa sejumlah 41.6% terletak di bawah tahap kecerdasan emosi yang memuaskan. Manakala bagi komponen kawalan diri pula, pengkaji mendapati bahawa pelajar berada di tahap kecerdasan emosi yang memuaskan.

Menurut Brody dan Hall<sup>64</sup>, anak-anak perempuan membesar lebih cepat jika dibandingkan dengan anak-anak lelaki. Anak-anak perempuan dikatakan lebih cepat terdedah dengan pengalaman beremosi dan ia akan berjaya melahirkan emosi dan perasaan. Selain itu, anak-anak perempuan dididik dengan cara yang berbeza dengan anak-anak lelaki. Peluang yang banyak dalam memperincikan emosi diberikan kepada anak-anak perempuan dan tidak kepada anak-anak lelaki.

Kajian yang dijalankan oleh Liew Phaik Guat Selina, Gan Teck Hock dan Sia Pong Won<sup>65</sup> ke atas pelajar tahun lima di kawasan Miri, Sarawak pula memperlihatkan bahawa kecerdasan emosi daripada komponen kawalan diri pelajar di tahap kecerdasan emosi yang memuaskan tetapi tidak dinyatakan perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan.

Kajian Kyung Hee<sup>66</sup> pula memperlihatkan bahawa dalam tiga faktor kecerdasan emosi iaitu empati, penggunaan emosi dan saling berkaitan atau

---

<sup>64</sup> Brody, L. R. & Hall, J. A. 1993. *Gender and emotion*. New York: Guilford Press.

<sup>65</sup> Liew Phaik Guat Selina, Gan Teck Hock dan Sia Pong Won. 1995. *Tahap kecerdasan emosi murid-murid tahun lima di kawasan Miri*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaysia Sarawak.

<sup>66</sup> Kyung Hee, Kim. 1998. A preliminary study on the development of emotional intelligence rating scale for preschool children. *Korean journal of developmental psychology*, 11 (2), hal. 31 – 48.

perlu memerlukan antara rakan sebaya, pelajar perempuan mempunyai skor kecerdasan emosi yang tinggi berbanding pelajar lelaki. Pelajar perempuan memperlihatkan kesedaran yang lebih tinggi tentang diri dan perasaan terhadap orang lain berbanding pelajar lelaki.

Schutte, Malouff, Hall, Haggerty, Cooper dan Golden<sup>67</sup> pula telah menjalankan kajian ke atas 346 subjek lelaki dan perempuan dengan menggunakan alat ukuran kecerdasan emosi berdasarkan model yang dibina oleh Salovey dan Mayer. Namun, sekali lagi subjek perempuan dilihat memperoleh pencapaian kecerdasan emosi daripada komponen pengurusan emosi yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan subjek lelaki.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Patricks dan Furnham<sup>68</sup>, pelajar perempuan dilihat mempunyai pencapaian kecerdasan emosi yang tinggi jika dibandingkan dengan pelajar lelaki dalam kemahiran sosial. Perkara ini boleh dikaitkan dengan keadaan di mana pelajar perempuan dilihat lebih cepat matang dan berupaya dalam menjalin hubungan sosial jika dibandingkan dengan pelajar lelaki yang lambat matang.

Menurut Curtis<sup>69</sup>, apabila emosi ditekankan atau diajar dengan

---

<sup>67</sup> Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E., Haggerty, D. J., Cooper, J. T. & Golden, C. J. 1998. Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality & individual differences*, 25 (2), hal. 167 – 177.

<sup>68</sup> Patricks, K. V. & Furnham, A. 2000. Gender differences in measured and self-estimated trait emotional intelligence. *Sex roles*, 42 (5-6), hal. 449 – 461.

<sup>69</sup> Curtis, L. S. 2000. Assessing the attainment of guidance outcomes related to the development

pembelajaran yang berkaitan dengan kecerdasan emosi melalui kaedah rawatan, perubahan yang lebih baik dari keadaan sebelumnya berlaku dalam diri pelajar-pelajar. Perubahan berlaku walaupun pelajar-pelajar berada di dalam tiga kelas yang berbeza iaitu kelas Pengajian Sosial/English Moden, kelas Psikologi dan kelas sukarelawan pelajar pintar. Menurut Curtis lagi, kelas bimbingan diadakan dan hasilnya wujud peningkatan dalam pengurusan emosi.

Jika dilihat pula dalam konteks negara Malaysia, pembelajaran sosial dan emosi dalam kurikulum di sekolah-sekolah dilaksanakan secara tidak langsung dan tidak dijadikan satu subjek yang khas<sup>70</sup>. Dalam masyarakat Malaysia, kejayaan seseorang pelajar biasanya diukur berpandukan bilangan gred A yang diperoleh dalam peperiksaan.

Kesan yang diperoleh adalah sistem persekolahan di Malaysia pernah dikatakan sebagai sistem yang terlalu menekankan peperiksaan serta bergantung kepada sijil-sijil peperiksaan awam<sup>71</sup>. Oleh kerana

**Dalam masyarakat Malaysia, kejayaan seseorang pelajar biasanya diukur berpandukan bilangan gred A yang diperoleh dalam peperiksaan. Kesan yang diperoleh adalah sistem persekolahan di Malaysia pernah dikatakan sebagai sistem yang terlalu menekankan peperiksaan serta bergantung kepada sijil-sijil peperiksaan awam.**

---

of emotional intelligence skills and improved self-concept. *Dissertation abstracts international section A: humanities & social sciences*, 60 (8-A), hal. 2812.

<sup>70</sup> Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. 1983. Garis panduan kurikulum bersepadu sekolah rendah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>71</sup> Twelve years old boys beats teacher to death in South China. 1997. *The Borneo Post*. 23<sup>rd</sup>

Curtis mengkaji tahap kecerdasan emosi berdasarkan kelas, pembelajaran sosial dan emosi dalam kurikulum di sekolah-sekolah Malaysia dilaksanakan secara tidak langsung dan pergantungan kepada keputusan peperiksaan awam.

### **Kecerdasan Emosi: Kebakaan Atau Persekitaran**

Kecerdasan emosi yang tinggi di kalangan remaja pelajar sebenarnya berkait rapat dengan kecerdasan intelektual mereka. Remaja pelajar yang tinggi kecerdasan emosinya, kebanyakannya memperlihatkan prestasi akademik yang tinggi dan memuaskan. Namun begitu, persoalan yang timbul dalam melihat tahap kecerdasan emosi remaja pelajar ini adalah apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi. Adakah ia berasal daripada faktor kebakaan atau berasal daripada faktor persekitaran.

Jika dilihat kepada faktor kebakaan, anak-anak yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan memuaskan, berasal daripada baka atau dikaitkan dengan ibu bapa yang mempunyai kecerdasan emosi pada aras yang sama juga. Kecerdasan emosi yang ada pada individu remaja itu memang sedia ada dalam diri individu remaja itu sejak lahir lagi. Ibu bapa yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang baik akan melahirkan anak yang sedemikian juga.

Bagaimanapun, penulis berpendapat faktor persekitaran juga memainkan peranan penting dalam tahap kecerdasan emosi seseorang individu remaja. Apa

sahaja yang berlaku di persekitaran, mampu mempengaruhi seseorang individu untuk bertindak mengikut keadaan yang berlaku di sekitarnya. Maka, dalam konteks ini, ibu bapa dan guru serta rakan sebaya memainkan peranan penting dalam memberi didikan dan membawa perubahan kecerdasan emosi diri remaja tersebut.

Kajian lepas menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya bagi remaja lelaki, terdapat hubungan yang signifikan di antara takat perkembangan emosi dengan takat perkembangan emosi ibu bapa<sup>72</sup>. Ada juga kajian lain menunjukkan bahawa paras perkembangan emosi ibu mempengaruhi fungsi tahap emosinya sekurang-kurangnya satu tahap lebih tinggi.

Oleh itu, modeling tahap emosi yang lebih tinggi boleh meninggikan perkembangan emosi anak. Menurut Parikh<sup>73</sup> pula, ibubapa yang

**Terdapat beberapa gaya keibubapaan yang boleh mengganggu kecerdasan emosi anak-anak. Pertama, ibu bapa yang tidak mempedulikan atau menghiraukan emosi anak-anak. Ibu bapa yang sebegini beranggapan bahawa gangguan emosi anak-anak merupakan perkara biasa. Mereka tidak pernah menyediakan ruang masa mahupun peluang dalam membantu anak-anak mengatasi gangguan emosi tersebut.**

<sup>72</sup> Haan, N, Langer, J. & Kohlberg, L. 1976. Family patterns of moral reasoning. *Child development*, 47, hal. 1204 – 1206.

<sup>73</sup> Parikh, B. 1980. Development of moral judgement and its relation to family environmental factors in Indian and American families. *Child development*, 51, 1030 – 1039.

mengalakkan anak-anak mereka terlibat dengan perbincangan isu-isu secara terbuka dan demokratik boleh meninggikan perkembangan emosi. Begitu juga, ibubapa yang menggunakan teknik induktif dalam disiplin.

Konsep rumahku syurgaku dan sekolah penyayang amat penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi anak-anak. "*Melentur buluh hendaklah dari rebungnya*" perlulah dijadikan pedoman oleh ibubapa dan para pendidik<sup>74</sup>. Semakin awal kemahiran kecerdasan emosi yang diberikan kepada anak-anak adalah semakin baik dan berkesan. Anak-anak yang diberikan kemahiran emosi akan kelihatan riang, lebih berkeyakinan dan lebih berjaya dan cemerlang di sekolah. Kecerdasan emosi yang diberikan latihan dan diamalkan boleh menjadi tabiat dan kebiasaan dalam kehidupan anak-anak.

Kehidupan dalam keluarga merupakan sekolah awal untuk mempelajari emosi. Perkara-perkara seperti bagaimana anak-anak itu merasa tentang diri mereka, bagaimana orang lain memberikan tindak balas terhadap tingkah laku mereka, bagaimana pula mereka memikirkan perasaan itu, apakah pilihan-pilihan yang perlu dibuat, bagaimana mengeluarkan perasaan yang mengharapkan sesuatu dan bagaimana menghindarkan diri dari rasa takut, tertekan dan sebagainya.

Terdapat beberapa gaya keibubapaan yang boleh mengganggu kecerdasan

---

<sup>74</sup> Abdul Fatah Hasan, Haji. 1998. *Pemikiran keseluruhan otak [dalam penguasaan pendidikan dan kaitannya dengan kecerdasan emosi (emotional intelligence – EQ)]*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

emosi anak-anak. Pertama, ibubapa yang tidak mempedulikan atau menghiraukan emosi anak-anak<sup>75</sup>. Ibu bapa yang sebegini beranggapan bahawa gangguan emosi anak-anak merupakan perkara biasa. Mereka tidak pernah menyediakan ruang masa mahupun peluang dalam membantu anak-anak mengatasi gangguan emosi tersebut.

Kedua, ibu bapa yang terlalu memberikan kebebasan kepada anak-anak tanpa sebarang kawalan. Ibu bapa yang sedemikian rupa akan membiarkan sahaja anak-anak mereka membuat sesuatu perkara tanpa had dan hala tujuan tertentu. Namun, apabila anak-anak mereka ini telah melampaui batas dan terlalu mengikut dorongan nafsu serta agresif, barulah ibu bapa tersebut mengambil tindakan yang agak keras.

Gaya keibubapaan yang boleh mengganggu kecerdasan emosi anak-anak yang terakhir adalah ibu bapa yang selalu merendah-rendah, memperkecil dan seterusnya menghina perasaan anak-anak. Ibu bapa seperti ini selalunya akan bertindak kasar dan keterlaluan dalam memberikan kritikan dan dendaan. Ibu bapa ini akan mendera anak-anaknya dengan cara yang agak kejam hingga menyebabkan anak-anak tertekan dan mengalami gangguan perasaan atau sakit jiwa.

Gaya keibubapaan yang diutarakan di atas bukan sahaja boleh merendahkan kecerdasan emosi tetapi juga boleh menyebabkan anak-anak

---

<sup>75</sup> Ibid 29.

mengalami masalah mental. Menurut Robert Post<sup>76</sup>, hasil kajian telah mendapati bahawa tekanan, deraan dan dadah boleh menimbulkan sel lembaga atau "*gent*" yang dipanggil "*C-fos*". Lembaga C-fos ini akan mengempil kepada sel otak. Ia juga boleh menyebabkan berlakunya kerosakan sel sesaraf dan rangkaian otak. Ia juga boleh menyebabkan berlakunya "*short-circuit*" dalam rangkaian otak dan jiwa anak-anak akan tertekan yang boleh menyebabkan anak-anak mengalami masalah mental.

Terdapat juga ibu bapa yang bersikap sederhana, tidak terlalu berkeras dan tidak terlalu lembut serta sentiasa mencari peluang membimbing anak-anak memahami perasaan dan emosi. Ibu bapa seperti inilah mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan bakal membina kecerdasan emosi yang tinggi di dalam anak-anak mereka juga.

Dalam mendidik anak-anak, mereka cuba memahami apa yang dirasakan oleh anak-anak mereka. Bantuan dengan cara yang positif bagi melegakan perasaan anak-anak yang beremosi. Memahami konsep penghargaan diri, motivasi diri, pengaliran hasrat diri dan keyakinan diri adalah bimbingan yang perlu dari ibu bapa terhadap anak-anak.

Selain itu, ibu bapa ini juga akan membimbing anak-anak untuk menguasai kemahiran yang spesifik seperti kemahiran sosial, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah, kemahiran interpersonal dan intrapersonal serta

---

<sup>76</sup> Beliau adalah seorang Ketua Biological Psychiatry Branch of the National Institute of Mental Health.



komunikasi berkesan. Ibu bapa ini akan membantu anak-anak agar tahu mengawal fungsi otak dan cara mengubah biokimia emosi.

Bagaimanapun, jika kita memperhatikan keputusan-keputusan yang diambil oleh kebanyakan individu dalam kehidupan seharian mereka, ternyata keputusan-keputusan yang dibuat dan diambil adalah lebih banyak ditentukan oleh emosi berbanding akal yang waras. Maka kita dapat lihat di sini, emosi sangat mempengaruhi kehidupan seseorang individu manusia ketika mana dia ingin membuat keputusan. Amat jarang sekali, seseorang individu itu mengambil sebarang keputusan berdasarkan pemikiran yang rasional. Sebaliknya, mereka lebih mengambil sesuatu keputusan tersebut berdasarkan emosi.

Kecerdasan emosi merupakan satu kemahiran yang melibatkan individu itu mengawal atau mengawasi diri sendiri dan juga individu lain dalam menghadapi sebarang permasalahan serta boleh membezakan sesuatu keadaan diri sendiri dan juga keadaan individu lain atau dengan kata lain, kemampuan seseorang individu itu mengendalikan emosi dan menahan diri dari melakukan sesuatu perkara yang negatif atau yang mendatangkan keburukan sama ada untuk diri sendiri juga orang lain.

Jika dikaitkan dengan Islam, kecerdasan emosi atau kemampuan seseorang individu mengendalikan emosi

**Jika dikaitkan dengan Islam, kecerdasan emosi atau kemampuan seseorang individu mengendalikan emosi dan menahan diri disebut sebagai sabar. Orang yang paling sabar adalah mereka yang paling tinggi dalam kecerdasan emosinya.**

dan menahan diri disebut sebagai sabar. Orang yang paling sabar adalah mereka yang paling tinggi dalam kecerdasan emosinya. Individu ini biasanya tabah dalam menghadapi kesulitan, tekun dalam membuat sesuatu perkara dan berlapang dada dalam menghadapi pelbagai cobaan. Kesulitan dan cobaan tidak mengganggu emosinya.

Pendidikan akhlak dalam Islam merangkumi nilai-nilai murni seperti nilai moral, etika, adab, tingkah laku, sifat-sifat luaran dan dalaman serta perangai. Untuk ketahanan diri, ibu bapa perlulah memberi penekanan ilmu tauhid kepada anak-anak. Anak-anak tanpa didikan tauhid, ibadah dan akhlak yang mulia adalah tidak lengkap. Cerita-cerita yang boleh dijadikan contoh dan model kehidupan boleh digunakan dalam mendidik anak-anak.

### **Cara Membina dan Mengawal Emosi Agar Sentiasa Cerdas**

Kehidupan di kawasan bandar sebenarnya menjadi salah satu sebab berubahnya kehidupan seseorang individu remaja. Mereka lebih terdedah kepada kehidupan yang penuh sosial dan terbuka serta memperolehi sesuatu perkara atau maklumat lebih cepat jika dibandingkan dengan para remaja yang berada di luar bandar.

Untuk itu, setiap individu itu perlu diajar dan dibimbing cara-cara mengawal perasaan marah, kurang sabar dan agresif dengan menggunakan cara yang positif. Di antara cara-cara mengawal emosi agar sentiasa stabil dan

sederhana, kita semua boleh mencuba beberapa perkara seperti mengenal emosi diri sendiri, mengurus emosi diri sendiri, mengenali emosi orang lain, memotivasikan emosi yang negatif dan mengendalikan perhubungan melalui komunikasi.

Salah satu cara mengawal emosi agar sentiasa stabil dan sederhana adalah mengenal emosi diri sendiri. Seseorang individu itu perlulah cuba mengenal pasti atau cuba menyedari apakah emosi yang sedang dihadapi yang berlegar di fikiran serta apakah punca kepada timbulnya emosi tersebut. Kemudiannya, cuba kuasai emosi tersebut. Dengan kata lain, fikiran boleh menyebabkan wujudnya satu perasaan dan setelah wujudnya perasaan, maka timbullah keinginan untuk diperlakukan melalui perbuatan atau perlakuan.

Cara lain mengawal emosi agar sentiasa stabil dan sederhana adalah mengurus emosi diri sendiri. Dalam konteks ini, seseorang individu itu perlulah pandai mengambil peluang mengawal emosi yang sedang menguasai diri. Emosi itu datang tanpa diundang tetapi diri sendiri yang menentukan berapa lama emosi itu menguasai diri dan apakah ia mendatangkan positif atau negatif.

**Salah satu cara mengawal emosi agar sentiasa stabil dan sederhana adalah mengenal emosi diri sendiri. Seseorang individu itu perlulah cuba mengenal pasti atau cuba menyedari apakah emosi yang sedang dihadapi yang berlegar di fikiran serta apakah punca kepada timbulnya emosi tersebut. Kemudiannya, cuba kuasai emosi tersebut.**

Cara yang seterusnya adalah mengenali emosi orang lain. Dalam konteks ini pula, seseorang individu itu perlu mengenali perasaan diri sendiri dahulu, kemudiannya barulah cuba untuk mengenali, memasuki dan menjelajahi emosi individu yang lain pula atau dengan kata lain empati. Cara ini perlu bagi mengelakkan kekeliruan emosi terutamanya apabila ada individu lain yang mahu mencurahkan emosi mereka.

Cara yang keempat dalam mengawal emosi agar sentiasa stabil dan sederhana adalah memotivasikan emosi yang negatif. Dalam konteks ini pula, seseorang individu itu perlulah menjadikan emosi yang negatif itu sebagai satu alat untuk meningkatkan keupayaan dalam berfikir, merancang dan menyelesaikan sebarang masalah. Emosi yang negatif sebagai pemangkin kepada perubahan emosi yang positif.

Cara yang terakhir adalah mengendalikan perhubungan melalui komunikasi. Setelah mengenali emosi orang lain dan berjaya serta berupaya mengurus diri sendiri, maka perhubungan yang positif dan keakraban dapat dibentuk dan diwujudkan. Perhubungan dan keakraban ini boleh diwujudkan dengan lebih baik lagi melalui komunikasi dan ia boleh mengekspresikan pemikiran secara aktif tanpa diwarnai dengan kemarahan.

Melalui beberapa perkara yang diterangkan di atas, ia boleh digunakan untuk mengawal emosi agar stabil dan sederhana, beberapa unit organisasi yang terlibat perlu membantu seseorang individu. Di antara unit organisasi yang perlu membantu adalah seperti ibu bapa dan sistem pendidikan di Malaysia.

Ibu bapa merupakan agen yang utama dalam perkembangan dan pendidikan anak-anak. Remaja yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dan memuaskan adalah berasal daripada keluarga yang mempunyai ibu bapa yang juga mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan memuaskan.

Dalam hal ini, ibu bapa yang arif dan berpengalaman dalam banyak perkara perlulah menjadi mentor iaitu pembimbing atau penasihat serta jurulatih kepada anak-anak mereka pada setiap peringkat umur dan keadaan. Mereka iaitu ibu bapa bolehlah menggunakan peristiwa-peristiwa emosi dalam kehidupan anak-anak seperti marah, suka, duka, geram, irihati, takut, murung dan sebagainya dengan menjelas dan menyatakan bahawa emosi-emosi sedemikian merupakan situasi yang normal. Tetapi ia perlu diseimbangkan mengikut kesesuaian dan tidak menjejaskan diri dan individu yang lainnya.

Selain itu juga, ibu bapa perlulah menjelaskan kepada anak-anak tentang cara bagaimana membaca bahasa badan dan memahami perasaan diri dan individu yang lain iaitu yang dikenali sebagai empati.

Ibu bapa juga boleh memberikan kepada anak-anak yang remaja satu atau dua pekerjaan yang membolehkan mereka menyelesaikannya dengan baik. Cara ini perlulah dimulai dari kecil dan amat penting pada usia remaja. Jika mereka

**Cara lain yang boleh digunakan oleh ibu bapa dalam meningkatkan kecerdasan emosi anak-anak yang berada di usia remaja adalah meminta maaf sekiranya ibu bapa bersalah sekalipun kesalahan itu kecil pada tanggapan diri ibu bapa tersebut.**

boleh berdikari, mereka harus memiliki nilai-nilai yang kuat yang ibu bapa tanamkan sebaik mungkin. Ibu bapa seharusnya memerhati dan kemudiannya menegur sekiranya perkara yang dilakukan terkeluar dari landasan yang sepatutnya.

Cara lain yang boleh digunakan oleh ibu bapa dalam meningkatkan kecerdasan emosi anak-anak yang berada di usia remaja adalah meminta maaf sekiranya ibu bapa bersalah sekalipun kesalahan itu kecil pada tanggapan diri ibu bapa tersebut.

Meminta maaf atas kesalahan yang ibu bapa lakukan menunjukkan kepada anak-anak remaja bahawa ibu bapa tersebut menghormati mereka sebagai seorang yang dewasa. Ibu bapa tersebut dapat mengurangkan perasaan takut terhadap sikap yang kurang serta ia boleh mencegah wujudnya sifat kebencian antara ibu bapa dan anak-anak.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia pula, terdapat dua elemen yang boleh membantu pelajar-pelajar ini mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan memuaskan. Dua elemen ini adalah pendidik atau guru dan sekolah.

Bagi elemen yang pertama dalam sistem pendidikan Malaysia, program-program seperti Sekolah Penyayang, Kem Motivasi dan sepertimana yang telah sedia ada di kebanyakan sekolah merupakan antara program yang menyediakan peluang-peluang pembelajaran kecerdasan emosi yang boleh dan telah lama diwujudkan oleh pihak sekolah.

Selain daripada itu, subjek-subjek seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Kemahiran Hidup, Ekonomi Rumah Tangga dan beberapa subjek lain merupakan subjek-subjek yang boleh menerapkan nilai-nilai dan situasi kecerdasan emosi yang tinggi dan memuaskan.

Intervensi boleh dilaksanakan di peringkat awal bagi meningkatkan lagi kecerdasan emosi seseorang individu itu. Intervensi adalah campurtangan dalam urusan antara satu pihak dengan satu pihak yang lain. Untuk itu, elemen yang kedua iaitu pendidik, tidaklah perlu menunggu sehingga wujudnya kes disiplin yang mana kemudiannya pelajar tersebut dikehendaki berjumpa dengan guru disiplin atau guru kaunselor untuk dibimbing atau dipulihkan.

Hukuman merupakan satu tindakan yang perlu dielakkan oleh para pendidik kerana pada asasnya hukuman dari pendidik atau guru terhadap pelajar tidak mampu mengembangkan emosi secara wajar. Akibat buruk di masa-masa akan datang adalah pelajar-pelajar ini tidak boleh berdikari, kurang berinisiatif, kurang kepercayaan diri bahkan cenderung menjadi seorang yang pemalu dan penakut.

Para pendidik perlulah menyelitkan pembelajaran sosial dan emosi dalam kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah. Sebagai contohnya, sesi suaikenal pada hari pertama persekolahan, menggalakkan para pelajar berkenal-kenalan dan memastikan para pelajar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Sama seperti ibu bapa, para pendidik boleh menggunakan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam dan di luar kelas untuk memupuk kemahiran-kemahiran

kecerdasan emosi.

Peristiwa-peristiwa seperti penyingkiran, kurang motivasi, tidak ada persetujuan antara dua pihak, pertengkaran, tindakan agresif dan sebagainya adalah antara contoh-contoh realistik yang negatif yang boleh digunakan untuk mengajar kecerdasan emosi. Kesedaran melalui tayangan video dan kaedah main peranan boleh diguna dan diamalkan oleh para pendidik dalam memberi kesedaran tentang kecerdasan emosi terhadap pelajar-pelajar.

Kecerdasan emosi perlu diajar dan diterapkan kepada semua individu pelajar bagi mengelakkan dari berlakunya kes-kes negatif yang boleh mengganggu perkembangan kecerdasan emosi. Ini kerana mengelak atau menghindari kes-kes negatif tadi adalah lebih baik dari mengubatinya. Kecerdasan emosi merupakan elemen yang penting dan perlu bagi menjalani dan menghadapi kehidupan pada masa-masa akan datang walaupun tanpa kehadiran ibu bapa, keluarga mahupun para pendidik.

Hasil daripada bimbingan dan didikan akan kecerdasan emosi tadi oleh ibu bapa dan para pendidik, beberapa manfaat akan diperolehi oleh seseorang individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan memuaskan. Di antaranya adalah:-

- Memiliki tolak ansur atau toleransi terhadap kekecewaan.
- Mampu mengungkapkan kemarahan tanpa wujudnya pertengkaran.
- Tidak menjadi agresif.



- Mempunyai perasaan positif terhadap diri sendiri, ibubapa dan keluarga serta individu lain yang berada di sekeliling.
- Mengurangi ekspresi verbal yang boleh menjatuhkan orang lain.
- Meningkatkan kemampuan perhubungan dengan individu lain.

Untuk itu, para pendidik perlulah sedar dan sentiasa meningkatkan layanan dan hubungan antara pelajar kerana ia boleh membantu perkembangan dan pertumbuhan kecerdasan emosi pelajar, mengatasi perebutan pengaruh di sekolah dan meningkatkan kemampuan serta keterampilan diri antara pelajar dan para pendidik yang lain.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa ciri atau karekteristik individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan memuaskan. Di antaranya adalah:-

- Seseorang individu itu mampu memotivasi diri, bebas dan percaya akan diri sendiri.
- Seseorang individu yang mampu dan boleh mengawal dorongan dan menunda sesuatu perasaan yang negatif.
- Seseorang individu itu boleh memulakan, menekuni dan menyelesaikan tugas.
- Individu yang tidak menanggungkan kerja dan dia mengetahui bilakah sesuatu perkara itu perlu dilakukan.

- Individu yang mampu menterjemah, mentafsirkan atau melahirkan pemikiran menjadi satu tindakan yang efektif dan bersesuaian dengan sesuatu keadaan.
- Seseorang individu yang mengetahui dan mampu menggunakan kemampuannya.
- Individu yang tidak takut untuk menanggung risiko serta boleh menerima kritikan dari orang lain.
- Individu yang berusaha mengatasi kelemahan dirinya.
- Individu yang seimbang dalam pemikiran, kreatif, analitis dan praktis.

**Principle references of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*.**

By

Muhammad Khairul bin Mohamed (abuadam@darussalam.net)

*In the name of Allâh the Most Gracious Most Merciful.*

Praise be to Allâh for only through His Will that I am able to continue the second part of the *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* series. In this second part we will examine, *insyaAllâh*, the key references of *Ahl As-Sunnah wa Al-Jamaah* in religion, mainly the article of faith (*aqidah*) and the Islamic law (*syariah*).

It is very important that this standard be addressed and understood since being an *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* is not just about being vigorous blind followers who are completely ignorant of the methodology of its deen. Through a steady grasp of the established references, one will find it easier to distinguish between truth and falsehood, right and wrong and also between religion and tradition.

It is a sad phenomenon today, fourteen centuries after the revelations period, that muslims are just as divided as any other world faiths with many sects inviting people to a variety of beliefs, principles and philosophy. All will claim to be on the saved path, with some groups strategically taking advantage on the intellectual, spiritual and political crises facing the ummah.

Ironically, the condition of this ummah is still where it was with no significant change has taken place. We are still ignorant and weak-willed as we were in the last century and what is feared is that the condition may become worse. Surely this is a sign of inconsistencies or inaccuracies in our method. Could we have forgotten or misunderstood the underlying basic through what our deen is based? Or we may be too afraid to observe Islam through its fundamental teachings for fear of being called fundamentalists or traditionalists in this era of progression, liberalization, modernization and rapid development.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi has described four categories of misunderstanding among certain muslims and the non-muslims alike on Islam's original message:

1. Partitioning of Islamic teaching, by removing the original teaching, purposely or through evolutionary course. Or by adding something false to it.
2. Adding something that is not part of Islam, through innovative thoughts, visions or extremism on one's faction (*firqah*) or school of thought (*mazhab*).
3. Eliminating some of the Islamic beliefs, fabricating or bringing in deviating thoughts into Islamic teaching.
4. Lost of balance between values, practices and obligations that Islam has

drawn out.<sup>77</sup>

It is without doubt that only through the correct methodology (*manhaj*) of interaction with al-Quran and al-Sunnah that we can avoid falling into any of these groups.

### ***Manhaj* (Methodology)**

Before going into the references of Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah let us define the term *Manhaj*. *Manhaj* in Arabic means 'the clear open way to take' as used in the Holy Quran;

**..To each among you, We have prescribed a law and a clear way.**

[al-Maidah 5:48]

The word *minhaaj* in the verse above is where the word *manhaj* is derived. According to Ibn Abbas *radhiAllâhu 'anhu*, it is the sunnah of the Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam*<sup>78</sup>. Sunnah is the clear and open way. Narrated from Qatadah *radhiAllâhu 'anhu* in his interpretation of *syira'tan wal minhajan*, he said these mean way and sunnah.<sup>79</sup> The rule that can be derived from this is that *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* is always firm on the *manhaj* of al-Quran and al-

<sup>77</sup> Al-Qardawi, Dr. Yusuf, *Al-Marja'ijjah al'ulyafil Islam lil Quran wa Sunnah : Dhawabith wa Mahadzir fil Fahmi wa Tafsir*, (Malay edition, *Al-Quran dan Sunnah Referensi Tertinggi*) pp. 13-14

<sup>78</sup> Ibnu Katsir, Abu Al-Fidaa Ismail, *Tafsir al-Quran al-'Azim* vol. 2 pp. 67-68, as quoted from *Prinsip-prinsip Mengkaji Agama* by Qomar Suaidi ([www.assyariah.com](http://www.assyariah.com)).

<sup>79</sup> al-Maraghi, Ahmad Mustafa, *Tafsir al-Maraghi* (Indonesian translation) juz 5 pp. 237-239.

Sunnah just as the pious predecessors had, for this is the only path safe from confusion and obscurity.

### Primary Reference

#### 1-Al-Quran

The first reference source of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* is the revealed scripture, al-Quran al-Karim. Let us see how al-Quran describes itself through declarations of its own verses.<sup>80</sup> The Holy Quran is the Book of Allâh (*Kitab Allâh*)<sup>81</sup> sent through the last of the prophets, Muhammad *shalallâhu `alaihi wassalam*. It contains the knowledge (*al-Ilm*)<sup>82</sup> imparted by Allâh and the guidance (*al-Huda*)<sup>83</sup> for men who are righteous for all time to come. It is a declaration (*Bayan*)<sup>84</sup> of the truth and light (*Nur*)<sup>85</sup> to show the right path. It is the wise (*al-Hakim*)<sup>86</sup>, the complete slogan (*Maw'uzat*)<sup>87</sup> and the clear message

---

<sup>80</sup> I. Doi, Abdur Rahman, *Shariah : The Islamic Law*, p. 21.

<sup>81</sup> *Al-Baqarah* 2:1-2

<sup>82</sup> *Al-Baqarah* 2:145

<sup>83</sup> *Al-Baqarah* 2:2

<sup>84</sup> *Aali-Imran* 3:138

<sup>85</sup> *An-Nisaa* 4:4

<sup>86</sup> *Yunus* 10:1

<sup>87</sup> *Yunus* 10:57

(*al-Balagh*)<sup>88</sup>.

It is a rope of Allâh (*Hubl Allâh*)<sup>89</sup> by holding which individuals and nations can achieve salvation. It is the remedy (*al-Shifa*)<sup>90</sup> for all the spiritual ailments of men. It is a constant reminder (*al-Dhikr*)<sup>91</sup> for all of us that prophets will not come any more for our guidance. It acts as the criterion (*al-Furqan*)<sup>92</sup> to choose between the truth and the falsehood.

It is the final revelation (*Tanzil*)<sup>93</sup> from Allâh, it is the embodiment of the fairest statements (*Ahsan al-Hadith*)<sup>94</sup> and divine word of wisdoms (*Hikmah*)<sup>95</sup>. It provides a code of conduct for every believer and is the commandment (*Amr*)<sup>96</sup> and a warrant (*Tazkirah*)<sup>97</sup> for him. Its injunctions are manifest (*Mubin*)<sup>98</sup>, sublime (*Ali*)<sup>99</sup> and blessed (*Mubarak*)<sup>100</sup>.

---

<sup>88</sup> *Ibrahim* 14:52

<sup>89</sup> *Aali-Imran* 3:103

<sup>90</sup> *Al-Israa'* 17:82

<sup>91</sup> *Al-Anbiyaa* 21:50

<sup>92</sup> *An-Nuur* 25:1

<sup>93</sup> *Az-Zumar* 39:23

<sup>94</sup> *Al-Qamar* 54:5

<sup>95</sup> *Al-Tagaabun* 65:6

<sup>96</sup> *Al-Haqqah* 69:48

<sup>97</sup> *Az-Zukhruf* 43:1-2

<sup>98</sup> *Az-Zukhruf* 43:4

<sup>99</sup> *At-Tariq* 85:21

<sup>100</sup> *Al-Anbiyaa* 21:50

When interacting with al-Quran the science of *tafsir* must be referred to in order to obtain the right understanding of the various passages. *Tafsir* means explanation and clarification in seeking knowledge and understanding concerning the book of Allâh. From correct *tafsir*, meanings are explained and legal rulings are extracted from the Holy Quran.

The best *tafsir* is the explanation of the Quran by the Quran itself, followed by the explanation of the Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam* from the sunnah. If nothing can be found from the Quran or the Sunnah we must turn to the companions then to the *tabi'in* (followers of the companions) and *tabit tabi'in* (followers of the *tabi'in*), as they were witnesses and closest to the revelations. This is the precedence to be followed in the discipline of *tafsir*.<sup>101</sup>

*Tafsir* may be divided into three basic groups,

1. *Tafsir bil Riwaya* (transmission) also known as *Tafsir bil Ma'thur*.
2. *Tafsir bil Ray'* (sound opinion) also known as *Tafsir bil Dirayah*.
3. *Tafsir bil Ishara* (indication, signs).

Of the three, *Tafsir bil Riwaya* is regarded as *tafsir* with highest level of accuracy in explaining the Al-Quran. Three of the companions whom opinions were mostly sought in matters regarding the revealed al-Quran were Ibn Abbas, 'Abd Allah Ibn Mas'ud and Ubay bin Ka'ab *radhiAllâhu 'anhum*.

---

<sup>101</sup> Von Denffer, Ahmad, *Ulum al-Quran*, pp. 125-126



## 2-Hadith

Al-Quran is the primary source of Islamic faith, and the manners how all the revealed verses through the course of twenty years were acted upon are to be found in the Sunnah of the Holy Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam*. Al-Sunnah simply means custom and practice. The meaning is slightly broader in the Islamic context whereby Al-Sunnah would mean the custom, saying, approval and examples shown by the Holy Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam* throughout his prophethood (*nubuwwah*).

The reason behind divine revelations is so that mankind are rightly guided, and who else is better to understand the obligations sought and provide the correct examples if not the person to whom the verses were revealed to.

All these examples from the Holy Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam* are to be found in his Sunnah. This makes the Sunnah the second primary source of Islamic faith. Sunnah is to be found in the hadith which is the vast collection of traditions and narrations recorded from the Holy Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam*. This is what the term hadith signifies - tradition and narration. The importance of following his Sunnah is as told by the Holy Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam* in the following hadith:

***There are two things that I am leaving you with and as long as you stick to both you will not go astray, they are the Book of Allâh and the***

***Sunnah of His Prophet.***<sup>102</sup>

There are three methods how the sunnah of the Holy Prophet *sallllâhu alaihi wassalam* were learned and taught by the companions.

1. Some companions memorized the hadith that they heard.
2. Some companions wrote them down, mainly for personal notes. They were very cautious in doing this in order not to mix the hadith and the Quran.
3. Some companions learned the hadith through practice.

In short, hadith is the storerooms of the Sunnah of the Prophet, serving the essential need of the Muslim, be they individuals or communities. Hadith were taught by the Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam* in the following manner:

1. Verbal – The prophet used to teach the companions important subject three times before he would listen to the companions in order to verify that the companions understood and learnt them correctly.
2. Writing – The writing form of hadith in the beginning were to be found in various letters sent to rulers, kings, chieftain and appointed Muslim governors.
3. Practical demonstration – This type of teaching is to be found in the

---

<sup>102</sup> *Mutawatir* (well known) hadith reported by Imam Malik bin Anas in his *al-Muwattha'* no. 1619. Quoted from *20 Hujah Golongan anti-Hadis dan Jawapan*, Hafiz Fidaus Abdullah.

way to perform ablution (*wudhu'*), prayers (*salat*), *hajj*, fasting (*saum*) and many others.<sup>103</sup>

While Al-Quran and Al-Sunnah are the primary references of the *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* legal system (*Shariah*), there are also the secondary references and sources which come in the form of *al-Ijma'*, *al-Qiyas* and *al-Ijtihad*. These references are also derived from the legal injunctions of the Holy Quran and Sunnah of the Prophet *shalallâhu 'alaihi wassalam*.

## Secondary Reference

### 1 – *Ijma'*

*Ijma'* can be defined as the consensus of opinion of the companions of the Prophet and the agreement reached on the decisions taken by the learned *muftis* (jurists) on various Islamic matters. This can be seen in the following verses from the Quran;

***And by the Mercy of Allâh, you dealt with them gently. And had you been severe and harshhearted, they would have broken away from about you; so pass over (their faults), and ask (Allâh's) Forgiveness for them; and consult them in the affairs. Then when you have taken a decision, put your trust in Allâh, certainly, Allâh loves those who put their trust (in***

---

<sup>103</sup> I. Doi, Abdur Rahman, *Shariah : The Islamic Law*, p. 49.

**Him).** [Aali-Imran 3:159].

***And those who answer the Call of their Lord [i.e. to believe that He is the only One Lord (Allâh), and to worship none but Him Alone], and perform As-Salât (Iqâmat-as-Salât), and who (conduct) their affairs by mutual consultation, and who spend of what We have bestowed on them;***  
[ asy-Syuura 42:38].

Consultation (*syura*) and the use of juristic reason (*ijtihad*) are normal preliminaries for arriving at abinding *ijma'*. The Khalifa al-Rasyidun always consulted the companions when an issue arose. The Caliphate of Abu Bakar for example was based and run on the process of *ijma'* of the companions.<sup>104</sup>

## **2 – Qiyas**

*Qiyas* in Islamic theological term would mean analogy or analogical deduction. In other words, *qiyas* is the legal principle introduced in order to derive at a logical conclusion of a certain law on a certain issue that has to do with the welfare of the Muslims. This legal principle was introduced by Imam Abu Hanifah *rahimahullah* in Iraq.

Example of *qiyas* was on the appointment of a Caliph after the death of the Prophet. Before *ijma'* was reached on Abu Bakar as Caliph, the Prophet's

---

<sup>104</sup> I. Doi, Abdur Rahman, *Shariah : The Islamic Law*, pp. 64-66.

choice of Abu Bakar as Imam in congregational prayers was the comparative basis for his selection as temporal Leader.<sup>105</sup>

Another example of the use *qiyas* is in the ruling on the abuse of drugs. Although Allâh only mention in His book the immorality of *khamr* but it can be deduced that the reason (*illah*) it is prohibited (*haram*) is very much similar to drugs. Therefore drugs too are *haram*.<sup>106</sup>

### **3 – Ijtihad**

*Ijtihad* literally means an effort to arrive ay one’s own judgment. In its widest sense, it means the use of human reason in the elaboration and explanation of the Islamic law. It covers a variety of mental processes, ranging from the interpretation of texts of the Quran and the assessment of the authenticity of hadith. One who instigates and brings about an *ijtihad* is called a *Mujtahid*.

A *mujtahid* must possess excellent moral qualities. In addition he should also possess the following qualities;

1. He must be very well versed in the study of Quranic verses. He must know the reason why the verses and chapters of the Quran were revealed (*asbabun nuzul*) and when each of them was revealed. He too

---

<sup>105</sup> I. Doi, Abdur Rahman, *Shariah : The Islamic Law*, pp. 70-72.

<sup>106</sup> Muda, Abdul Latiff and Ali, Rosmawati, *Pengantar Usul Fiqh*, p. 103.

must be well versed in Arabic literature, phraseology and vernacular.

2. He must be well versed in the study of the traditions of the Holy Prophet. That is he must know the distinction between authentic (*sahih*) hadith from the fabricated (maudhu') hadith, he must know the good (*hasan*) hadith, weak (*da'if*) hadith and so on. He too must know the history how each of the hadith came about (*asbabul wurud*).
3. Through his good understanding of Al-Quran and Hadith, he too must know the legal purpose and intent (*maqasid syar'i*) of the verse or hadith. In order to have a sound understanding of *maqasid syar'i*, not only that he must understand the text well, he also have a sound philosophical and scientific learning.
4. He must know the principles of *ijma'* very well and understand matters that are still being disputed (*ikhtilafy*). He must also know the injunctions of *Qiyas* and the conditions that surround it.<sup>107</sup>

## Conclusion

To conclude, it is desired that through this brief illustration, it is clear on what make up the source and methodology of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*.

---

<sup>107</sup> Al-Qardhawi, Dr. Yusuf, *Hudal Islam :Fatawa Mu'ashirah*, (Indonesian translation, *Fatwa Muasirat*) p. 453.

May the peace and blessings of Almighty God be upon Muhammad, his Companions and all those who follow him until the Last Day. All praise is due to Allâh and His blessings and peace be upon His Prophet, his family and his companions.

**Isra' dan Mi'raj: Mukjizat Rasulullah Yang Kedua Terbesar**<sup>108</sup>

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Peristiwa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* Isra' dari al-Masjid al-Haram ke al-Masjid al-Aqsa dan Mi'raj ke langit adalah salah satu mukjizat terbesar yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada baginda. Malah boleh dikatakan bahawa ia adalah kemukjizatan baginda yang kedua terbesar sesudah al-Qur'an al-Karim. Syaikh Najmuddin al-Ghaithiy berkata:

Segenap kaum muslimin telah bersepakat untuk menerima kebenaran peristiwa Isra' dan Mi'raj Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, iaitu satu malam di mana baginda diperjalankan oleh Allah *'Azza wa Jalla* dari al-Masjid al-Haram di Makkah ke al-Masjid al-Aqsa di Palestin dan dinaikkan ke langit sehingga ke Sidratul Muntaha. Tujuan Isra' dan Mi'raj adalah agar hamba-Nya dan Rasul-Nya (Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*) dapat menyaksikan secara langsung betapa besar kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta keajaiban-keajaiban ciptaan-Nya yang tidak mungkin diketahui oleh manusia di bumi dan tidak

---

<sup>108</sup> Risalah ini asalnya adalah jawapan kepada Astora Jabat yang telah menulis di dalam *Majalah Al-Islam* edisi July dan Ogos 2004 bahawa peristiwa Isra' dan Mi'raj hanya berlaku ke atas roh Rasulullah dalam bentuk mimpi. Risalah ini juga telah disiarkan dalam *Majalah i* edisi Oktober dan November 2004.



terjangkau oleh akal fikiran mereka. Ia adalah sesuatu yang hanya dapat dijangkau oleh keimanan yang mantap, teguh lagi suci.

Kita sebagai umat yang beriman menyedari bahawa mukjizat baginda yang berupa peristiwa Isra' dan Mi'raj adalah sesuatu yang sungguh besar, sungguh ajaib serta mengagumkan sesudah mukjizat baginda berupa kitab suci al-Qur'an yang sehingga sekarang - bahkan sehingga bila-bila jua dapat disaksikan (kemujizatan) isi kandungannya.

Isra' dan Mi'raj merupakan satu peristiwa yang agung kerana tiada seorang Nabi mahupun Rasul yang diberi penghormatan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk mengalaminya. Hanya Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* sahaja yang diberi anugerah ini. Ia adalah satu tanda ketinggian dan keagungan baginda di sisi Allah *'Azza wa Jalla*. [Qishah al-Mi'raj (edisi terjemahan oleh A. Zakiy dengan judul *Menyingkap Rahasia Isra' - Mi'raj Rasulullah*; Pustaka Setia, Bandung 2000), ms. 13]

Apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kembali daripada Isra' dan Mi'raj, baginda menerangkannya kepada kaumnya di Kota Makkah akan peristiwa yang baru dialaminya. Sebahagian daripada orang Islam yang lemah imannya mengingkari khabar tersebut dan murtad daripada Islam. Sementara yang selainnya daripada kalangan kaum kafir turut menolak khabar tersebut. Mereka menuduh baginda hanya berdusta atau setidak-tidaknya baginda hanyalah

bermimpi.

Penolakan peristiwa Isra' dan Mi'raj masih berlaku sehingga hari ini daripada kalangan umat Islam. Bezanya penolakan mereka dilakukan dengan cara yang lebih halus dan licik. Lebih tepat, mereka adalah orang Islam yang beraliran modernis atau *Islam Liberal* yang mengunggulkan akal di atas wahyu sehingga apa jua petunjuk wahyu yang tidak logik di sisi akal mereka akan ditolak atau didustakan.

*Insyah-Allah* melalui artikel ini penulis akan kemukakan beberapa dalih yang biasa mereka kemukakan untuk mempersoal dan menolak kemukjizatan peristiwa Isra' dan Mi'raj. Kemudian diikuti dengan penjelasan bagi menjawab persoalan dan penolakan mereka. Kita mulakan dengan dalih yang pertama:

**Penolakan peristiwa Isra' dan Mi'raj masih berlaku sehingga hari ini daripada kalangan umat Islam. Bezanya penolakan mereka dilakukan dengan cara yang lebih halus dan licik. Lebih tepat, mereka adalah orang Islam yang beraliran *Islam Liberal* yang mengunggulkan akal di atas wahyu.**

**Dalih pertama:**

Peristiwa Isra' adalah sesuatu yang mustahil berlaku kerana tidak mungkin seorang manusia dapat melalui perjalanan yang jauh dalam masa yang singkat tanpa apa-apa kenderaan yang canggih.

**Penjelasan:**

Peristiwa Isra' dan Mi'raj memang mustahil jika diukur dengan akal tetapi tidak mustahil jika diukur dengan kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Untuk menjelaskan dalih di atas, marilah kita mengkaji firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari al-Masjid Al-Haram (di Makkah) ke al-Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*** [al-Isra' 17:01]

Allah 'Azza wa Jalla telah memulai ayat di atas dengan "*Subhanallah*", kenapakah demikian? Syaikh Mutawalli al-Sya'rawi *rahimahullah* (1998M) menerangkan sebabnya, sekali gus menjawab persoalan mustahil atau tidak peristiwa Isra':

Dalam menyampaikan berita terjadinya peristiwa Isra' ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memulainya dengan kata-kata *Subhana...*(Maha Suci). Kata-kata *Subhana* ini akan memberikan pengertian dalam hati seseorang bahawa di sana ada kekuatan yang jauh dari segala macam perbandingan, kekuatan yang jauh melampaui segala kekuatan manusia di muka bumi.

Maka makna perkataan *Subhanallah* ialah bahawa Allah Maha Suci Zat-Nya, Sifat-Nya dan Perbuatan-Nya dari sebarang kesamaan (dengan makhluk-Nya). Kalau ada sesuatu perbuatan atau peristiwa yang di situ Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengatakan bahawa "*Dia yang melakukannya*" maka saya wajib mensucikan Dia (Allah) dari segala undang-undang dan ketentuan yang berlaku untuk manusia (dalam mengukur perbuatan tersebut). Saya tidak boleh mengukur perbuatan Allah dengan perbuatan saya (kerana Maha Suci Allah daripada memiliki kesamaan dengan makhluk-Nya dalam melakukan sesuatu perbuatan). Oleh kerana itulah surah ini dimulai-Nya dengan kata-kata "*Subhana*" (Maha Suci) sehingga akan timbul kesan di dalam hati manusia bahawa peristiwa itu benar-benar ajaib lagi luar biasa, di luar jangkauan akal dan kemampuan manusia. [*Isra' dan Mi'raj* (edisi terjemahan oleh Noraine Abu dengan judul yang sama; Dinie Publishers, Kuala Lumpur 1994), ms. 39-40]

Di sini juga perlu dibezakan bahawa peristiwa Isra' bukanlah atas usaha Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tetapi ia adalah atas kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Oleh itu mustahil atau tidak peristiwa Isra' tidak diukur dengan kemampuan Rasulullah sebagai seorang manusia tetapi diukur berdasarkan kemampuan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai yang Maha Berkuasa atas setiap sesuatu. Syaikh Mutawalli al-Sya'rawi menjelaskan lagi perbezaan ini:

Sesuatu pekerjaan selalunya menurut ukuran siapa yang mengerjakannya.

Misalnya dikatakan si A sedang berkhotbah, maka kita harus mengukur mutu khutbah itu dengan kemampuan si A sendiri. Begitu juga, seandainya si B yang melakukannya maka kita mengukurnya dengan kemampuan si B sendiri. Kalau dikatakan si fulan memikul satu beban maka kita mengerti bahawa dia memiliki kemampuan untuk memikulnya. Jadi bentuk, model dan kualiti sesuatu perkerjaan selalu diukur berdasarkan siapa yang mengerjakannya, bukan dengan ukuran lain.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman: ***Maha Suci Allah yang telah menjalankan (mengisra'kan) hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari.*** [al-Isra' 17:01] Dari ayat ini jelas bahawa yang "*mengisra'kan*" yakni yang melakukan perbuatan Isra' adalah Allah. Dia bertindak sebagai subjek manakala Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai objek. Jadi perbuatan "*mengisra'kan*" harus diukur dengan kriteria yang berlaku untuk Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, bukan dengan kriteria yang berlaku untuk Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* kerana baginda tidak berkata "*Aku telah berisra' sendiri aku.*"

.....Oleh itu membandingkan perbuatan Isra' kepada kemampuan Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah tidak benar. Kalau hendak diukur kualiti (atau kemampuan) perbuatan "*mengisra'kan*", hendaklah ia diukur dengan kemampuan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana Dia-lah yang melakukannya. Dalam peristiwa Isra' ini Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* telah dibawa oleh

satu kekuatan yang di luar kekuatan atau kemampuan dirinya sendiri, yakni oleh kekuatan (Allah *Subhanahu wa Ta'ala*) yang tidak dapat diukur dengan apa jua. [Isra' dan Mi'raj, ms. 43-44]

Kesimpulannya, keseluruhan peristiwa Isra' dan Mi'raj adalah dibawah kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tidak boleh diukur benar atau tidak berdasarkan apa-apa ukuran manusiawi. Ini kerana Maha Suci Allah daripada memiliki apa-apa persamaan dengan makhluknya, sama ada dari segi Zat, Sifat mahupun Perbuatan. Firman Allah:

***Tiada sesuatupun yang semisal dengan-Nya; dan Dia-lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*** [al-Syura 42:11]

***Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Nya.*** [al-Ikhlash 112:04]

#### **Dalih Kedua:**

Jika dianggap peristiwa Isra' adalah benar, maka ia bukanlah perjalanan secara hakikat yang melibatkan jasad (tubuh badan) tetapi hanyalah mimpi atau pengalaman rohani. Ini dibuktikan oleh firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya); dan tiadalah Kami menjadikan***

***pandangan (al-Ru'ya) yang telah kami perlihatkan kepadamu (pada malam Isra' dan Mi'raj) melainkan sebagai satu ujian bagi manusia.*** [al-Isra' 17:60] Dalam ayat di atas Allah menggunakan perkataan *al-Ru'ya* yang bermaksud mimpi.

Ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan A'isyah, isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di mana beliau berkata: "Aku tidak kehilangan jasad Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tetapi Allah telah mengisra'kan roh baginda."

**Penjelasan:**

Di sisi jumur ilmunan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, peristiwa Isra' berlaku ke atas jasad dan roh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, tidak roh atau sekadar mimpi sahaja. Pendapat jumur ini juga diakui oleh Astora Jabat di mana beliau menulis:

.....kebanyakan ulama merumuskan ia (Isra' dan Mi'raj) berlaku secara jasad dan roh. Mereka ada hujah-hujah tersendiri dalam mengambil pendirian itu terutama hujah yang merupakan hadis-hadis. [*Israk dan Mikraj* (Bahagian Kedua) dalam *Majalah al-Islam* Ogos 2004, ms. 29]

Akan tetapi sayang sekali setakat masa penulis mengusahakan risalah ini (22 Ogos 2004), Astora Jabat tidak pula mengemukakan hujah-hujah yang dikemukakan oleh kebanyakan ulama tersebut. Di sini penulis merasa hairan kerana sebelum ini sudah beberapa kali Astora Jabat mendakwa bahawa manhaj beliau ialah bersikap adil dalam mengemukakan pendapat pro dan kontra dalam

sesuatu subjek demi membuka pemikiran para pembacanya. Akan tetapi yang dikemukakan hanyalah pendapat yang dicenderung Astora, jauh sekali daripada sikap adil dan ilmiah dalam menganalisa antara dua pendapat, manakah yang lebih kuat.

Tidak mengapa, memandangkan Astora Jabat sudah mengemukakan hujah-hujah pihak yang berpendapat bahawa Isra' dan Mi'raj hanyalah secara mimpi atau rohani, di sini penulis akan kemukakan pula hujah-hujah jumhur yang berpendapat ia adalah secara jasad dan rohani. Lebih dari itu, hujah-hujah ini adalah berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an sahaja supaya tidak timbul di kemudian hari dalih yang baru pula, kononnya hadis-hadis tentang Isra' dan Mi'raj secara jasad dan roh adalah *hadis ahad* sahaja. Hujah-hujah jumhur adalah seperti berikut:

Hujah Pertama:

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memulakan ayat-Nya tentang peristiwa Isra' dengan tasbih *Subhanallah*, iaitu pada firman-Nya:

***Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari al-Masjid Al-Haram (di Makkah) ke al-Masjid Al-Aqsa (di Palestin)..... [al-Isra' 17:01]***

Tasbih *Subhanallah* sepertimana dalam ayat di atas hanya digunakan untuk perkara-perkara yang menakjubkan, guna menyedarkan para pembaca dan



pendengar bahawa apa yang akan disampaikan seterusnya adalah sesuatu yang diluar kebiasaan. Seandainya Isra' dan Mi'raj hanya terjadi secara mimpi atau rohani, ia bukanlah daripada perkara-perkara di luar kebiasaan yang menakjubkan. Tentu sahaja ia tidak akan dimulai dengan perkataan tasbih. [Syaiikh Shalih bin Fauzan al-Fauzan – *al-Irsyad ila Shahih al-I'tiqad* (Dar Ibn Khuzaimah, Riyadh 1997), ms. 232]

Hujah Kedua:

Dalam menerangkan peristiwa Isra' [surah al-Isra' 17:01], Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merujuk kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan perkataan "*hamba-Nya*". Al-Imam Ibn Abi al-Izz *rahimahullah* (792H) menerangkan:

Perkataan "hamba" merupakan ungkapan yang meliputi jasad dan roh. Sepertimana ungkapan "manusia", ia adalah istilah yang meliputi jasad dan roh. Demikianlah yang difahami ketika disebutkan menurut bahasa secara mutlak. Dan demikianlah juga yang sah (benar), bahawa Isra' terjadi dengan jasad dan roh. Ia bukanlah sesuatu yang tidak boleh diterima oleh akal. [*Syarh al-Aqidah al-Thahawiyyah* (takhrij Syaikh al-Albani, al-Maktab al-Islami, Beirut 1988), ms. 226]

Syaikh Mutawalli al-Sya'rawi mengulas lanjut:

Kata-kata "*hamba-Nya*" dapat digunakan untuk memberikan jawapan

terhadap orang yang berpendapat peristiwa Isra' hanya terjadi dengan roh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tanpa jasadnya. Sebab kata-kata '*abd*' (hamba) diguna untuk roh dan jasad sekali gus, bukan untuk roh sahaja atau jasad sahaja sehingga tidak ada orang yang mengatakan roh sebagai '*abd*' (hamba) atau jasad yang tidak berroh sebagai '*abd*' (hamba). [*Isra' dan Mi'raj*, ms. 56]

Hujah Ketiga:

Hujah jumbuh yang ketiga merujuk kepada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang bermaksud:

***Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya); dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (al-Ru'ya) yang telah kami perlihatkan kepadamu (pada malam Isra' dan Mi'raj) melainkan sebagai satu ujian bagi manusia.*** [al-Isra' 17:60]

Ini adalah ayat yang sama yang digunakan sebagai dalih oleh golongan yang mendakwa Isra' hanya dengan roh atau mimpi. Akan tetapi mereka terhalang daripada memahami petunjuknya yang sebenar, tidak lain kerana sikap mereka yang gopoh dalam meremehkan wahyu dan rakus dalam mengunggulkan akal.

Berikut disalin penerangan Syaikh Mutawalli al-Sya'rawi terhadap ayat di atas:

"Menurut mereka (golongan yang mendakwa Isra' hanya dengan roh atau mimpi) lafaz "*al-Ru'ya*" dalam ayat ini bererti "penglihatan dalam mimpi" dan bukan "penglihatan dalam keadaan sedar" sebab penglihatan dalam keadaan sedar mempergunakan bentuk masdar "*rukyah*".

Terhadap alasan ini kami kemukakan jawapan, bahawa apabila penglihatan yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah mimpi, maka bagaimanakah hal ini boleh menjadi "*sebagai satu ujian bagi manusia*" (lihat akhir ayat 60 surah al-Isra' di atas)? Sedangkan makna "*ujian bagi manusia*" ialah adanya sebahagian mereka yang membenarkan dan sebahagian lain yang mendustakan. Seandainya hal itu berupa penglihatan dalam mimpi semata-mata, orang tidak perlu lagi berbincang untuk membenarkannya atau mendustakannya.

Sekarang marilah kita bicarakan erti (perkataan *al-Ru'ya*) dari sudut bahasa. Cuba anda rujuk kembali ucapan-ucapan (syair) jahiliyah sebelum diturunkan al-Qur'an, maka anda akan dapati bahawa kata-kata *al-Ru'ya* juga dipergunakan dalam erti melihat dalam keadaan sedar.

(Setelah mengemukakan dua buah syair daripada al-Ra'i al-Numari dan Mutanabi, Syaikh al-Sya'rawi menyambung) .....Maka dapatlah diketahui bahawa

kata-kata *al-Ru'ya* dapat bererti melihat dengan mata kepala (yakni dalam keadaan sedar) dan boleh juga bererti mimpi. Akan tetapi biasanya kata-kata *al-Ru'ya* dengan erti "melihat dalam keadaan sedar" digunakan untuk perkara-perkara yang aneh dan menakjubkan yang biasanya hanya terjadi dalam mimpi.

Kembali kepada ayat 60 surah al-Isra' di atas, sekali lagi, seandainya yang dimaksudkan oleh ayat tersebut ialah mimpi nescaya hal tersebut tidak menjadi ujian bagi manusia dan tidak akan ada orang yang berselisih pendapat (tentangnya). Adakah anda pernah menemui orang yang membantah terhadap mimpi seseorang kerana di dalam mimpinya dia melihat atau melakukan perbuatan begini dan begitu dengan kepantasan begini dan model begitu? Tidak mungkin ada orang yang membantah mimpi itu. Justeru

jika hal itu menjadi ujian bagi manusia, maka ia menunjukkan bahawa peristiwa Isra' sebenarnya bukanlah mimpi. [*Isra' dan Mi'raj*, ms. 56]

Demikian tiga hujah daripada al-Qur'an yang dikemukakan oleh jumah ilmun sebagai bukti bahawa Isra' dan Mi'raj berlaku ke atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan jasad dan roh baginda. Tiga hujah ini

**Perlu diingatkan bahawa al-Qur'an bukanlah buku untuk kanak-kanak yang memerlukan satu ayat untuk satu perkara. Akan tetapi ia adalah sebuah kitab yang tinggi nilai kemukjizatannya di mana dengan sepotong ayat ia dapat merangkumi beberapa perkara sekali gus.**

juga mereka kemukakan berdasarkan penguasaan yang mendalam terhadap gaya bahasa dan metodologi al-Qur'an dalam menyampaikan sesuatu perkara. Perlu diingatkan bahawa al-Qur'an bukanlah buku untuk kanak-kanak yang memerlukan satu ayat untuk satu perkara. Akan tetapi ia adalah sebuah kitab yang tinggi nilai kemukjizatannya di mana dengan sepotong ayat ia dapat merangkumi beberapa perkara sekali gus.

Adapun riwayat kata-kata A'isyah, isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: **"Aku tidak kehilangan jasad Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tetapi Allah telah mengisra'kan roh baginda"**, maka ia adalah lemah dari sudut sanad dan tertolak dari sudut matan. Syaikh 'Adil Ahmad dan Syaikh 'Ali Mahmud dalam semakan mereka ke atas kitab *al-Sirah al-Nabawiyah* (Maktabah al-'Abikan, Riyadh 1998), jld. 2, ms. 11 telah mentakhrij riwayat di atas sebagai berikut: "Dikeluarkan oleh Ibn Jarir (*Tafsir al-Tabari*, jld. 8, ms. 16) daripada jalan Ibn Ishaq, dia berkata, diceritakan kepadaku oleh sebahagian ahli keluarga Abi Bakr bahawasanya A'isyah dia berkata: Aku tidak kehilangan jasad Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tetapi Allah telah mengisra'kan roh baginda." Selanjut berkata Syaikh 'Adil Ahmad dan Syaikh 'Ali Mahmud: "Di dalam (sanad ini) tidak dikenali siapakah guru Ibn Ishaq." Maksudnya, tidak diketahui daripada siapakah Ibn Ishaq menerima riwayat di atas. Justeru sanad di atas adalah dha'if.

Dari sudut matan pula, kata-kata A'isyah tersebut seolah-olah menunjukkan bahawa A'isyah bermalam di sisi Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

*wasallam* pada malam peristiwa Isra' dan Mi'raj. Ini jelas tidak benar kerana sekalipun Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bernikah dengan A'isyah *radhiallahu 'anha* di Kota Makkah, baginda hanya menggauli atau tidur bersama A'isyah setelah hijrah ke Kota Madinah. Hal ini diterangkan sendiri oleh A'isyah dalam pelbagai riwayat yang sahih. [rujuk buku Syaikh Muhammad bin Yusuf al-Dimasq (942H) – *Azwaj al-Nabi* (Dar Ibn Katsir, Damaskus), ms. 339-345 dan buku Maulana Muhammad Asri Yusuf – *Ibnu Ishaq: Peranannya Dalam Penyebaran Fahaman Syi'ah Di Kalangan Ummah* (Pustaka Bisyaarah, Kubang Kerian 2004), ms. 58-66]

Terdapat juga riwayat kedua daripada Mu'awiyah bin Abi Sufyan *radhiallahu 'anh*, namun sanadnya dha'if juga. Ia dikeluarkan oleh Ibn Hisyam (jld. 2, ms. 11) dan Ibn Jarir al-Tabari (jld. 8, ms. 16), kedua-duanya dengan sanad yang berpangkal kepada Ibn Ishaq, dia berkata: "Diceritakan kepadaku oleh Yakub bin 'Utbah bin al-Mughirah, bahawasanya Mu'awiyah bin Abi Sufyan apabila ditanya tentang peristiwa Isra' Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, beliau menjawab: Ia adalah mimpi yang benar daripada Allah *Ta'ala*." Sanad riwayat ini terputus kerana Yakub bin 'Utbah tidak mendengar daripada Mu'awiyah bin Abi Sufyan. [Syaikh 'Adil Ahmad dan Syaikh 'Ali Mahmud, *takhrij* riwayat no: 280 dalam *al-Sirah al-Nabawiyah li Ibn Hisyam*; juga Maulana M. Asri Yusuf – *Ibnu Ishaq*, ms. 58-59]

**Dalih Ketiga:**

Jika ayat pertama dan ke-60 surah al-Isra' menerangkan peristiwa Isra', maka ayat al-Qur'an yang manakah pula yang menerangkan peristiwa Mi'raj? Bagi kami peristiwa Mi'raj ke langit hanya terdapat di dalam hadis di mana para perawinya tidak terlepas daripada pengaruh kisah-kisah yang berasal daripada agama lain. Ini kerana di dalam agama-agama lain juga terdapat kisah para nabi dan pembesar mereka yang naik ke langit.

**Penjelasan:**

Peristiwa Mi'raj boleh dirujuk dalam ayat 11 hingga 18 surah al-Najm (surah ke-53):

***Hati (Nabi Muhammad) tidak mendustakan apa yang dilihatnya (dalam peristiwa Mi'raj). Jika demikian, patutkah kamu hendak membantahnya mengenai apa yang telah dilihatnya itu? Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi, Di sisi "Sidratul-Muntaha", Yang di sisinya terletak Syurga "Jannatul-Makwa", Semasa "Sidratul Muntaha" itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga.***

***Penglihatan (Nabi Muhammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat dan tidak pula melampaui batas (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya). Demi***

***sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda-tanda Tuhannya.***

Dalam ayat-ayat di atas dapat diambil beberapa iktibar penting:

1. Apa yang dilihat oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam peristiwa Mi'raj – sepertimana yang disebut dalam ayat-ayat di atas – itulah yang sebenarnya diterangkan oleh baginda dalam pelbagai hadis-hadis yang sahih. Apa yang dilihat dan diterangkan oleh baginda bukan suatu dusta, lalu apakah kita akan mendustakannya?
2. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan peristiwa Mi'raj di atas dengan penuh keagungan dan keistimewaan. Tidak mungkin semua ini hanya berlaku secara mimpi kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kerana yang sedemikian akan meremehkan peristiwa Mi'raj. Justeru yang benar peristiwa Mi'raj juga berlaku kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* secara jasad dan roh supaya baginda dapat mengecapi keagungan dan keistimewaannya sebagaimana yang digambarkan oleh ayat-ayat di atas.
3. Kesamaan peristiwa Mi'raj dengan agama-agama lain tidak menjadi bukti bahawa ia adalah tiruan daripada agama-agama tersebut. Kebenaran peristiwa Mi'raj dipersaksikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an, jauh berbeza dengan peristiwa seumpama dalam agama-agama lain di mana ia adalah cerita-cerita orang-orang lama mereka.



**Dalih keempat:**

Dalam hadis-hadis yang menerangkan peristiwa Mi'raj, banyak disebut tentang pertemuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan Nabi-nabi daripada kalangan Bani Israil. Malah Rasulullah sendiri kononnya terpaksa menerima tunjuk ajar daripada Nabi Musa *'alaihissalam* untuk mengurangkan jumlah solat fardhu daripada 50 kali sehari sehingga 5 kali sehari. Ini tidak dapat kita terima kerana Nabi Muhammad adalah jauh lebih mulia daripada Nabi Musa sehingga tidak perlu untuk baginda merujuk kepada Nabi Musa.

Semua tidak lain adalah kesan pengaruh Israiliyyat Yahudi – Nasrani yang telah meresap masuk ke dalam hadis-hadis, bertujuan merendahkan Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* dan meninggikan nabi-nabi mereka sendiri daripada kalangan Bani Israil.

**Penjelasan:**

Antara rukun iman kita umat Islam ialah beriman kepada semua nabi dan rasul Allah. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad, s.a.w), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.*** [al-Nisaa' 4:136]

Perlu dibezakan bahawa keimanan kita terhadap semua nabi dan rasul Allah tidak dipengaruhi oleh baik buruk tindakan umat-umat mereka. Atas dasar ini jugalah, apa-apa tindakan buruk kaum Yahudi dan Nasrani ke atas umat Islam tidak boleh dijadikan alasan untuk kita mengingkari para nabi dan rasul mereka, atau mengurangi kecintaan dan kehormatan kita kepada para nabi dan rasul mereka.

Khabar penemuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan para nabi terdahulu daripada kalangan Bani Israil – salam kesejahteraan ke atas mereka semua – bukanlah sesuatu yang merendahkan kemuliaan tetapi malah meninggikan lagi kemuliaan baginda. Ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak pernah menghimpun sejumlah para nabi dan rasul di dalam sebuah peristiwa melainkan dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj manakala peristiwa Isra' dan Mi'raj pula ialah satu kekhususan kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sahaja. Ini adalah satu kemuliaan kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang tidak diberikan Allah kepada para nabi dan rasul yang lain. Benarlah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Sengaja Allah memfardhukan solat 50 kali sehari dan mengatur pertemuan dengan Nabi Musa a.s.. Hikmahnya adalah sebagai pengajaran kepada kita umat Islam agar jangan angkuh dan sombong dalam menuntut ilmu atau menerima nasihat daripada orang lain.

***Rasul-rasul, Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain (dengan kelebihan-kelebihan yang tertentu).*** [al-Baqarah 2:253]

Adapun tunjuk ajar Nabi Musa a.s.

kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk mengurangkan jumlah solat fardhu daripada 50 kepada 5 kali sehari, ia bukanlah sesuatu yang merendahkan martabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Yang benar ia meninggikan lagi berdasarkan sifat rendah diri baginda untuk mendengar tunjuk ajar daripada seorang Rasul – yakni Nabi Musa *'alaihissalam* yang telah memiliki pengalaman yang jauh lebih banyak daripada baginda sendiri. Semua ini termasuk kebijaksanaan dan kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Jika Allah kehendaki nescaya Allah akan memfardhukan secara terus kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* solat lima kali sehari. Akan tetapi sengaja Allah memfardhukan 50 kali sehari dan mengatur pertemuan dengan Nabi Musa *'alaihissalam*. Hikmahnya adalah sebagai pengajaran kepada kita umat Islam agar jangan angkuh dan sombong dalam menuntut ilmu atau menerima nasihat daripada orang lain.

Hikmah seperti ini juga terkandung di dalam al-Qur'an, sepertimana kisah burung gagak yang menunjukkan kepada salah seorang anak Nabi Adam *'alaihissalam* bagaimana mengkebumikan saudaranya. Firman Allah:

***Kemudian Allah hantarkan seekor burung gagak (menyuruhnya) mengorek-ngorek di bumi supaya, diperlihatkan kepada (Qabil) bagaimana cara menimbus mayat saudaranya. (Qabil) berkata: "Wahai celakanya aku! Alangkah lemah serta bodohnya aku, aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya aku dapat menimbuskan mayat saudaraku?". Kerana itu menjadilah ia dari golongan orang-orang yang***

**menyesal.** [al-Maidah 5:31]

Demikian juga kisah burung belatuk yang menerangkan kepada Nabi Sulaiman *'alaihissalam* tentang salah laku puteri negara Saba:

***Dan (setelah itu) Nabi Sulaiman memeriksa kumpulan burung (yang turut serta dalam tenteranya) lalu berkata: "Mengapa aku tidak melihat burung belatuk? Adakah ia dari mereka yang tidak hadir? Demi sesungguhnya! Aku akan menyeksanya dengan seksa yang seberat-beratnya atau aku akan menyembelihnya, kecuali ia membawa kepadaku alasan yang terang nyata (yang membuktikan sebab-sebab ia tidak hadir)".***

***Burung belatuk itu tidak lama ghaibnya selepas itu, lalu datang sambil berkata (kepada Nabi Sulaiman): "Aku dapat mengetahui secara meliputi akan perkara yang engkau tidak cukup mengetahuinya, dan aku datang kepadamu dari negeri Saba' dengan membawa khabar berita yang diyakini kebenarannya.***

***Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan memerintah mereka dan ia telah diberikan kepadanya (serba sedikit) dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan) dan ia pula mempunyai singgahsana yang besar. Aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya sujud kepada matahari dengan meninggalkan ibadat menyembah Allah, dan Syaitan pula memperelokkan pada pandangan mereka perbuatan (syirik) mereka, lalu menghalangi mereka dari jalan (yang benar); oleh itu mereka tidak***

***beroleh petunjuk.***" [al-Naml 27:20-24]

Semua ini dikhabarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an bukanlah untuk meremehkan manusia di hadapan burung gagak atau menghina Nabi Sulaiman *'alaihissalam* di hadapan burung belatuk. Akan tetapi ia dikhabarkan sebagai hikmah pengajaran kepada kita bahawa ilmu yang benar berada di mana-mana dan kita tidak boleh bersikap angkuh atau sombong untuk menerimanya.

**Dalih Kelima:**

Haiwan Buraq yang ditunggangi oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak dikenali mahupun ditemui di mana-mana. Malah ia termasuk karut marut Isra' dan Mi'raj.

**Penjelasan:**

Di sini letaknya perbezaan yang besar antara *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan golongan modernis atau *Islam Liberal*. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengunggulkan wahyu di atas akal manakala golongan *Islam Liberal* mengunggulkan akal di atas wahyu. Dalam kes wujud atau tidak *Buraq* yang menjadi tunggangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerimanya kerana ia dikhabarkan di dalam hadis-hadis yang sahih. Sekalipun ia mustahil dari sudut akal, ia tidak mustahil di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana:

***Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Ia (Allah) menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia (Allah) berfirman: "Jadilah!", maka ia terus menjadi.***[Yasin 36:82]

Alasan *Buraq* tidak ditemui di mana-mana bukanlah alasan yang kukuh kerana penemuan manusia bersifat relatif, apa yang tidak ditemui pada hari ini mungkin akan ditemui pada hari akan datang atau mungkin telah pupus pada masa yang telah lalu. Sebagai perbandingan, al-Qur'an al-Karim ada menerangkan perihal makhluk Ya'juj dan Ma'juj yang dikurung di antara dua buah bukit dan tembok besi yang dibina oleh Zulkarnain. Makhluk Ya'juj dan Ma'juj akan terkurung di sana sehinggalah ke satu masa di mana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan membebaskan mereka sebagai salah satu isyarat besar Hari Kiamat. Firman Allah:

***Sehingga apabila dia sampai di antara dua gunung, dia dapati di sisinya satu kaum yang hampir-hampir mereka tidak dapat memahami perkataan. Mereka berkata: "Wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?"***

***Dia menjawab: "(Kekuasaan dan kekayaan) yang Tuhanku jadikan daku menguasainya, lebih baik (daripada bayaran kamu); oleh itu bantulah daku dengan tenaga (kamu beramai-ramai) aku akan bina***

***antara kamu dengan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh. Bawalah kepadaku ketul-ketul besi”, sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, dia pun perintahkan mereka membakarnya dengan berkata: “Tiuplah dengan alat-alat kamu” sehingga apabila ia menjadikannya merah menyala seperti api, berkatalah dia: “Bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya.”***

***Maka mereka tidak dapat memanjat tembok itu, dan mereka juga tidak dapat menebuknya. (Setelah itu) berkatalah Zulkarnain: “Ini ialah suatu rahmat dari Tuhanku; dalam pada itu, apabila sampai janji Tuhanku, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur, dan adalah janji Tuhanku itu benar.”***

***Dan Kami biarkan mereka (Ya’juj dan Ma’juj) pada hari itu (keluar beramai-ramai) bercampur-baur antara satu dengan yang lain; dan (kemudiannya) akan ditiup sangkakala, lalu Kami himpulkan makhluk-makhluk seluruhnya di Padang Mahsyar. [al-Kahf 18:93-99]***

Yang dimaksudkan dengan ***“pada hari itu”*** dalam ayat terakhir di atas adalah pada akhir zaman menghampiri Hari Kiamat. Firman Allah:

***(Demikianlah keadaan mereka) hingga apabila terbuka tembok yang menyekat Ya’juj dan Ma’juj, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi. Dan hampirlah datangnya janji Hari Kiamat yang benar, maka dengan serta-merta pandangan mata orang-orang yang***

***kufur ingkar terbeliak (sambil berkata dengan cemas): "Aduhai celakanya Kami. Sesungguhnya kami telah tinggal dalam keadaan yang melalaikan kami daripada memikirkan perkara ini, bahkan kami telah menjadi orang-orang yang menganiaya diri sendiri."*** [al-Anbiya 21:96-97]

Sehingga saat ini, makhluk Ya'juj dan Ma'juj masih gagal ditemui sekalipun dengan semua kemajuan canggih yang telah dicapai oleh akal manusia. Adakah dengan kegagalan ini kita akan membuat satu fokus sensasi yang baru di dalam akhbar atau majalah dengan tajuk "*Karut Marut al-Qur'an tentang Ya'juj dan Ma'juj*" demi melariskan jualan?

Sehingga saat ini, makhluk Ya'juj dan Ma'juj masih gagal ditemui. Adakah dengan kegagalan ini kita akan membuat satu fokus sensasi yang baru di dalam akhbar atau majalah dengan tajuk "*Karut Marut al-Qur'an tentang Ya'juj dan Ma'juj*?"

### **Kesimpulan:**

Kemusykilan dan penolakan ke atas peristiwa Isra' dan Mi'raj bukanlah sesuatu yang baru di dalam sejarah umat Islam. Ia sudah muncul sejak Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kembali daripadanya dan mengkhabarkan kepada kaumnya. Setelah itu ia tetap muncul di sana sini sehinggalah ke hari ini. Ini kerana akan sentiasa ada di kalangan umat Islam mereka yang mengunggulkan akal di atas wahyu. Mereka menggunakan akal untuk menilai peristiwa Isra' dan Mi'raj. Apa yang selari dengan logik akal mereka



terima, apa yang tidak selari mereka tolak atau ubah suai. Sayang sekali penolakan dan pengubah-suaian mereka amat lemah lagi rapuh, selari dengan kelemahan dan kerapuhan akal mereka sendiri.

Di sini sikap kita yang benar ialah meletakkan akal pada tempatnya. Kita memanfaatkan akal di tempat yang merupakan wilayahnya dan kita mendiamkan akal di tempat yang bukan merupakan wilayahnya. Peristiwa Isra' dan Mi'raj bukanlah wilayah akal. Justeru akal tidak memiliki peranan dalam menilai benar atau palsu peristiwa Isra' dan Mi'raj melainkan sekadar berfikir untuk mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya.

Hendaklah kita mencontohi sikap Abu Bakar al-Shiddiq *radhiallahu 'anh* di mana apabila beliau ditanya tentang peristiwa Isra' dan Mi'raj, beliau menjawab:

Ya, aku membenarkan baginda (Rasulullah), malah terhadap apa yang lebih jauh daripada itu. Aku membenarkan khabar langit (yang Rasulullah bawa). [*Fath al-Bari (tahqiq Fu'ad 'Abd al-Baqi)*, jld. 7, ms. 199]

**Sikap kita yang benar ialah meletakkan akal pada tempatnya. Kita memanfaatkan akal di tempat yang merupakan wilayahnya dan kita mendiamkan akal di tempat yang bukan merupakan wilayahnya.**

**Teringat zaman Italian Football.<sup>109</sup>**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Saya teringat zaman di bangku sekolah. Ketika itu pada setiap hari Ahad jam 4 hingga 5 petang ada siaran Italian Football di TV3. Selagi boleh memang saya tidak akan ketinggalan kerana memang amat berminat dengan sukan bolasepak. Ketika menonton orang main bola, saya juga bersemangat untuk bermain sama, seolah-olah saya sendiri yang sedang mengejar dan menendang bola pada saat itu. Sebaik sahaja siaran berakhir, saya terus ke padang berhampiran bermain sehinggalah kedengaran azan Maghrib.

Saya rasa apa yang saya alami juga dialami oleh orang-orang lain yang minat sukan bolasepak dan menonton siarannya di kaca televisyen, sama ada siaran langsung atau rakaman. Saya yakin hal yang sama juga berlaku kepada mereka yang meminati sukan lain. Siapa yang meminati tenis atau badminton ketika menonton siaran di televisyen akan bersemangat untuk turun ke gelanggang bermain. Siapa yang meminati golf ketika menonton di televisyen akan tak sabar-sabar menunggu hari cuti untuk bermain dengan rakan-rakan.

---

<sup>109</sup> Risalah ringkas ini saya tulis pada ketika akhbar-akhbar tempatan memberi tumpuan mukasurat pertama kepada pelbagai kes rogol, pencabulan seks (*sexual abuse*) dan sumbang mahram yang berlaku di Malaysia.

Siapa yang meminati lumba kereta Formula 1 ketika menonton siaran di televisyen akan bersemangat untuk berlumba di jalan-jalan awam dengan kereta Protonnya yang telah diubah suai dengan ekzos sebesar tin Milo.

Hal ini tidak terbatas kepada sukan yang ditonton di kaca televisyen sahaja. Seorang yang minat memasak, apabila menyelak-nyelak buku resepi masakan akan bersemangat untuk cuba memasak resepi baru yang sedang dilihatnya. Seorang anak muda yang sedang mengamati majalah fesyen terkini akan terbayang-bayang dirinya dalam pakaian serba canggih. Seorang eksekutif muda yang sedang membaca majalah perniagaan bulanan akan berangan-angan satu hari dia menjadi eksekutif yang berjaya dengan pejabat peribadi yang besar lagi indah dan kereta yang mewah.

Ringkasnya, jika seseorang itu minat sesuatu perkara lalu perkara itu pula dihidangkan di hadapannya, dia akan bersemangat dan teringin untuk melakukan atau mendapatkan perkara tersebut. Hanya terdapat satu perbezaan yang besar, orang itu akan mencari yang "sebenar" dan bukan sesuatu sekadar di kaca televisyen atau majalah.

**Ringkasnya, jika seseorang itu minat sesuatu perkara lalu perkara itu pula dihidangkan di hadapannya, dia akan bersemangat dan teringin untuk melakukan atau mendapatkannya. Hanya terdapat satu perbezaan yang besar, orang itu akan mencari yang "sebenar" dan bukan sesuatu sekadar di televisyen atau majalah.**

Sekarang ini boleh dikatakan hampir setiap hari akhbar-akhbar harian melaporkan kes rogol, pencabulan seks dan sumbang mahram. Kes-kes ini berlaku tanpa mengira umur, bangsa dan tempat kejadian. Dalam menghadapi krisis ini, beberapa pihak menyarankan agar pihak pemerintah menjatuhkan hukuman yang berat ke atas perogol sehingga ada yang mencadangkan hukuman kasi. Pada waktu yang sama pihak pemerintah pula menyarankan pihak media memberi liputan yang lebih luas supaya masyarakat lebih prihatin terhadap gejala

**Kita hanya memberi tumpuan kepada "selepas ia berlaku" dan tidak kepada "sebelum ia berlaku." Tumpuan kepada "sebelum ia berlaku" merujuk kepada mencari faktor yang menyebabkan seseorang itu ingin melakukan jenayah rogol.**

ini.

Akan tetapi pada pemerhatian saya, kedua-dua langkah yang disarankan, sama ada hukuman yang berat atau liputan yang luas, masih memiliki kekurangan yang besar. Kekurangan tersebut adalah – kita hanya memberi tumpuan kepada **"selepas ia berlaku"** dan tidak kepada **"sebelum ia**

**berlaku."** Tumpuan kepada "sebelum ia berlaku" merujuk kepada mencari faktor yang menyebabkan seseorang itu ingin melakukan jenayah rogol, pencabulan seks dan sumbang mahram. Apakah yang menyebabkan seseorang itu melakukannya?

Pada analisa saya, antara faktor yang menyebabkan seseorang itu melakukan perkara-perkara keji tersebut adalah pendedahan kepada pelbagai senario wanita yang menampakkan anggota badan sambil memperagakannya

dalam aksi yang panas lagi memberahikan. Perhatikan sahaja siaran-siaran Mtelevisyen, Channel V, Hitz televisyen. Demikian juga gambar-gambar dan iklan-iklan yang disiarkan dalam beberapa majalah dan tabloid tempatan seperti URtelevisyen, Jelita, Her World dan banyak lagi.

Cuba kaitkan senario ini dengan apa yang saya katakan di awal artikel ini. Jika seseorang itu meminat sesuatu perkara lalu perkara itu pula dihidangkan di hadapannya, dia akan bersemangat dan teringin untuk melakukan atau mendapatkan perkara tersebut. Hanya terdapat satu perbezaan yang besar, orang itu akan mencari yang "sebenar" dan bukannya sesuatu sekadar di televisyen atau majalah.

Tidak berlebihan jika saya katakan seorang lelaki yang menonton aksi-aksi wanita yang menampilkan anggota badan sambil memperagakannya dalam aksi yang panas lagi memberahikan akan terangsang untuk mendapatkan yang "sebenar" juga. Untuk mendapatkan yang "sebenar" ini, orang lelaki terbahagi kepada dua kategori, pertama adalah mereka yang "slow and easy" untuk mendapatkannya. Kedua adalah mereka yang "fast and rough" untuk mendapatkannya. Yang lazim mendapat liputan media adalah kes yang berlaku daripada kategori kedua. Kategori pertama jarang-jarang mendapat liputan media kerana kebijaksanaan orang lelaki tersebut dan kesedaran wanita yang menjadi mangsa bahawa pada asalnya dia sendiri yang "membuka" dirinya untuk menjadi mangsa kepada lelaki tersebut.

Oleh itu yang penting bukanlah sekadar laporan luas oleh media dan

hukuman berat. Akan tetapi yang penting adalah tindakan semua pihak untuk memantau faktor-faktor yang bakal mengakibatkan kes rogol, pencabulan seks dan sumbang mahram. Jika sebelum ini ada manhaj **"Cegah Sebelum Parah"**, maka manhaj yang seumpama harus juga diguna pakai untuk menghadapi kes rogol, pencabulan seks dan sumbang mahram di negara kita.

Antara tindakan pencegahan yang perlu diambil oleh semua pihak ialah memantau semua siaran televisyen, gambar dan iklan yang dikemukakan oleh

**Jika sebelum ini ada manhaj "Cegah Sebelum Parah", maka manhaj yang seumpama harus juga diguna pakai untuk menghadapi kes rogol, pencabulan seks dan sumbang mahram di negara kita.**

media elektronik dan cetak tempatan. Pencegahan ini tidaklah terhadap aksi-aksi bogel semata-mata tetapi juga meliputi aksi-aksi yang secara langsung atau tidak langsung memberahikan nafsu orang yang melihatnya. Selagi mana kita tidak memberi tumpuan kepada faktor penyebab, selagi itulah kita akan

menghadapi pelbagai kes jenayah rogol, pencabulan seks dan sumbang mahram di mana-mana sahaja.

**Kerukunan Antara Agama, Bukan Kesamaan Antara Agama.<sup>110</sup>**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Islam sebagai agama yang syumul mengakui kehadiran beberapa agama yang menjadi pilihan masing-masing penganutnya. Islam tidak memaksa manusia untuk memeluk agamanya sahaja tetapi membiarkannya terbuka kepada pilihan setiap individu. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan katakanlah: "Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya."*** [al-Kahf 18:29]

***Dan jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. Maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?*** [Yunus 10:99]

Yang dituntut oleh Islam adalah hendaknya setiap manusia yang telah

---

<sup>110</sup> Risalah ini diusahakan dalam rangka menjawab aliran *Islam Liberal* yang mendakwa semua agama adalah sama. Dakwaan seperti ini, yang juga dikenali sebagai fahaman *Fiqh Lintas Agama* sudah mula terbit di sana sini di Malaysia oleh beberapa penulis dan pemikir yang menyembah tamadun Barat. Risalah ini juga telah disiarkan dalam *Majalah i* edisi Ogos 2004.

dikurniakan Allah pendengaran, penglihatan dan hati merenung penciptaan dirinya serta alam sekitar agar dengan itu mereka sedar akan kewujudan Pencipta yang menciptakannya. Dengan kesedaran ini, hendaklah mereka kembali menyembah kepada Tuhan Pencipta yang sebenar iaitu Allah dan mengikuti agama yang benar iaitu Islam. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.***

***Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).*** [al-Baqarah 2:21-22]

### **Kerukunan Antara Agama**

Atas dasar ini, Islam menekankan kerukunan dan keadilan antara sesama agama. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi***



***menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*** [al-Maidah 5:08]

Selagi mana kaum daripada agama lain tidak menzalimi kita umat Islam, selagi itulah kita dituntut untuk berinteraksi dengan mereka secara adil. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menegaskan hal ini dalam ayat berikut:

***Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.***

***Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*** [al-Mumtahanah 60:8-9]

Sifat keadilan ini juga diwajibkan ke atas umat Islam apabila mereka melaksanakan Jihad Ofensif di bawah khalifah Islam yang sah, dimana tujuan jihad bukanlah memerangi orang kerana perbezaan agama mereka tetapi

memerangi halangan-halangan fizikal yang menghalang kebebasan beragama di bawah Dar al-Islam. [lebih lanjut rujuk buku penulis: *Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 1 & Buku 2* (Jahabersa, Johor Bahru 2003)]

### **Dua Syarat Penting**

Terdapat dua syarat penting yang perlu diperhatikan oleh umat Islam ketika mereka bersikap adil dalam kerukunan beragama.

**Pertama**, sikap kerukunan beragama tidak bererti menjadikan orang bukan Islam sebagai Wali di dalam urusan orang Islam, seperti menjadikan mereka sumber pergantungan ekonomi, perlindungan keselamatan dan pembela nasib. Sesiapa yang menjadikan orang bukan Islam Wali dengan membelakangkan sesama

umat Islam maka tersemat di dalam dirinya salah satu daripada ciri-ciri orang munafik. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Sampaikanlah khabar berita kepada orang-orang munafik: bahawa sesungguhnya disediakan untuk mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi Wali dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Tidaklah patut mereka (orang-orang munafik) mencari kekuatan dan kemuliaan di sisi***

**Sikap kerukunan beragama tidak bererti menjadikan orang bukan Islam sebagai Wali di dalam urusan orang Islam, seperti menjadikan mereka sumber pergantungan ekonomi, perlindungan keselamatan dan pembela nasib.**

**orang-orang kafir itu, kerana sesungguhnya kekuatan dan kemuliaan itu semuanya ialah milik Allah.** [al-Nisa' 4:138-139]

Wali bagi orang-orang Islam hanyalah Allah, Rasulullah dan sesama orang-orang yang beriman. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**Sesungguhnya Wali kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah). Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman itu Walinya (maka berjayalah dia) kerana sesungguhnya golongan Allah, itulah yang tetap menang.** [al-Maidah 5:55-56]

**Kedua**, sikap kerukunan beragama tidak bererti meninggalkan kewajipan berdakwah. Kita umat Islam tetap diwajibkan berdakwah kepada orang bukan Islam sehingga mereka kenal akan kebenaran Islam dan terhindar daripada diri mereka segala salah faham terhadap Islam. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**Serulah (dakwahlah) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.** [al-Nahl 16:125]

### Bukan Kesamaan Antara Agama

Di sisi Islam, ukuran benar atau tidak sesuatu agama tidak terletak kepada kebaikan-kebaikan yang diseru oleh agama tersebut tetapi bagaimana ia mengajar penganutnya untuk mentauhidkan Allah.

Sekalipun Islam mengakui kehadiran beberapa agama lain, ia tidak bererti Islam mengiktiraf dan menganggapnya benar. Di sisi Islam, ukuran benar atau tidak sesuatu agama tidak terletak kepada kebaikan-kebaikan yang diseru oleh agama tersebut tetapi bagaimana ia mengajar penganutnya untuk mentauhidkan Allah. Inilah asas dan pembeza terpenting antara

agama Islam dan agama-agama selain Islam. Asas tauhid ini dijelaskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

***Katakanlah: "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakan; Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya."*** [al-Ikhlâs 112:1-4]

Berdasarkan asas tauhid ini, Islam tidak mengiktiraf agama-agama yang lain, sama ada Yahudi, Nasrani dan agama-agama penyembahan berhala yang lain.

### **Pandangan Islam Terhadap Agama Yahudi:**

Terhadap agama Yahudi, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan orang-orang Yahudi berkata: "Uzair ialah anak Allah" dan orang-orang Nasrani berkata: "Al-Masih ialah anak Allah". Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, (iaitu) mereka menyamai perkataan orang-orang kafir dahulu; semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh berpaling dari kebenaran? [al-Taubah 9:30]***

Kaum Yahudi bukan sahaja menuduh Allah memiliki anak tetapi juga mengubah ajaran-ajaran yang ada di dalam kitab Taurat dengan tulisan tangan mereka. Hal ini diterangkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

***Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu. [al-Baqarah 2:79]***

Atas penyimpangan-penyimpangan ini, Islam tidak mengiktiraf Yahudi sebagai agama yang benar.

### **Pandangan Islam Terhadap Agama Nasrani (Kristian):**

Sebagaimana agama Yahudi, agama Kristian juga telah diselewengkan oleh para penganutnya. Penyelewengan yang paling besar ialah iktikad mereka terhadap konsep Trinity, iaitu tiga tuhan yang bersama iaitu God The Father, Jesus The Son and The Holy Spirit. Iktikad mereka ini ditolak oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam al-Qur'an:

***Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Maryam." Padahal Al-Masih sendiri berkata: "Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim."***

***Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan (Trinity)." Padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan itu, sudah tentu orang-orang yang kafir dari antara mereka akan dikenakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya. [al-Maidah 5:72-73]***

Selain itu para penganut agama Nasrani juga tidak terlepas daripada membuat pelbagai pertukaran di dalam kitab Injil mereka. [rujuk *Izhar al-Haq* oleh Syaikh Rahmatullah al-Hindi (1308H) (Dar al-Hadith, Kaherah 2001)]

Pertukaran ini masih dilakukan sehingga kini, bukan sahaja di negara-negara Barat tetapi juga di Indonesia. [rujuk *Dokumen Pemalsuan al-Kitab* oleh Molyadi Samuel (Victory Press, Jakarta 2002)] Bahkan di atas segala ini, mereka masih mencipta pelbagai doktrin baru yang bertentangan dengan kitab Injil yang telah mereka tukar tersebut. [rujuk *Christianity Through The Lens of Christian and Muslim Scholars, Book 1 & Book 2* oleh M. Amin Yaacob (Jahabersa, Johor Bahru 2004)].

Maka atas penyimpangan-peyimpangan ini, agama Nasrani tidak dianggap sebagai agama yang benar di sisi Islam.

#### **Pandangan Islam Terhadap Agama Berhala Yang Lain:**

Al-Qur'an al-Karim sebagai sebuah kitab yang lengkap telah juga membicarakan status agama-agama penyembah berhala, sama ada berhala tersebut terdiri daripada matahari, patung atau apa jua selain Allah. Terhadap penyembah tuhan matahari al-Qur'an menceritakan:

***(Burung Belatuk menerangkan kepada Nabi Sulaiman): "Aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya sujud kepada matahari dengan meninggalkan ibadat menyembah Allah, dan Syaitan pula memperelokkan pada pandangan mereka perbuatan (syirik) mereka, lalu menghalangi mereka dari jalan (yang benar); oleh itu mereka tidak beroleh petunjuk."*** [al-Naml 27:24]

Terhadap penyembahan patung ukiran, al-Qur'an menceritakan kisah Nabi

Ibrahim dan ayahnya yang menyembah patung buatan sendiri:

***Dan bacakanlah pula kepada mereka perihal Nabi Ibrahim. Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Apa yang kamu sembah?" Mereka menjawab: "Kami menyembah berhala-berhala, maka (kerana memuliakannya) kami berkekalan menyembahnya." Nabi Ibrahim bertanya: "Adakah berhala-berhala itu mendengar kamu semasa kamu menyerunya? Atau mereka dapat memberikan sesuatu yang ada manfaatnya kepada kamu ataupun menimpakan sesuatu bahaya?" Mereka menjawab: "(Tidak satupun!) Bahkan kami dapati datuk nenek kami berbuat demikian."***

***Nabi Ibrahim berkata: "Sudahkah kamu berfikir sehingga nampak gunanya benda-benda yang kamu sembah itu? - (Yang sekian lama disembah oleh) kamu dan datuk nenek kamu yang dahulu? (Aku bertanya demikian) kerana sesungguhnya berhala-berhala itu ialah musuhKu, (aku tidak menyembah) melainkan Allah Tuhan sekalian alam; Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dia-lah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku. [al-Syu'ara 26:69-78]***

Terhadap agama kepelbagaian tuhan yang dianggap oleh para penganutnya berada di langit dan di bumi al-Qur'an menceritakan:

***Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha Suci Allah, Tuhan yang***



**mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan.** [al-Anbiya' 21:22]

Terhadap para penganut agama-agama yang membuat berhala-berhala tersendiri sebagai sesuatu yang dapat merapat dan menyampaikan mereka kepada Tuhan, al-Qur'an menyebut:

***Dan orang-orang yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya."*** [al-Zumar 39:03]

***Maka sepatutnya mereka dibela oleh segala yang mereka sembah yang lain dari Allah sebagai penyembahan untuk mendekatkan diri (kepada Allah). (Tetapi tidak), bahkan segala yang mereka sembah itu telah hilang lenyap dari mereka. Dan demikianlah akibat penyelewengan mereka dan kepercayaan yang mereka telah ada-adakan.*** [al-Ahqaf 46:28]

Daripada ayat-ayat di atas, jelas kepada kita bahawa al-Qur'an membicarakan tentang agama-agama yang menyembah tuhan-tuhan selain Allah – tanpa mengira apa dan bagaimana tuhan-tuhan tersebut – **dengan nada yang negatif dan cela**. Ini tidak lain menunjukkan penolakan Islam terhadap kebenaran agama-agama tersebut.

Ayat-ayat di atas juga membatalkan hujah mereka yang jahil yang mengatakan kononnya "Masyarakat Arab 1400 tahun yang lalu tidak kenal agama Budha, Hindu, Shinto, Sikh, Tao dan pelbagai lagi. Seandainya agama-

agama ini dikenali oleh masyarakat Arab pada zaman tersebut, pasti al-Qur'an akan menyebut dan membenarkannya."

Yang benar al-Qur'an telah membicara perihal agama-agama tersebut. Bezanya al-Qur'an tidak membicarakannya berdasarkan nama tetapi berdasarkan

**Perbahasan al-Qur'an terhadap agama-agama penyembahan selain Allah akan sentiasa relevan pada semua zaman dan tempat. Ini penting mengingatkan bahawa agama penyembahan selain Allah yang dicipta oleh manusia sentiasa akan muncul di sana sini tanpa mengira zaman mahupun tempat.**

asas tauhid agama-agama tersebut. Pelbagai bentuk penyembahan kepada pelbagai bentuk tuhan selain Allah boleh dikaitkan secara analogi kepada agama Budha, Hindu, Tao dan ratusan lagi yang namanya tidak disebut oleh al-Qur'an. Yang penting bukanlah nama agama tetapi asas yang membentuk iktikad tauhid sesuatu agama. Dengan cara ini perbahasan al-

Qur'an terhadap agama-agama penyembahan selain Allah akan sentiasa relevan pada semua zaman dan tempat. Ini penting mengingatkan bahawa agama penyembahan selain Allah yang dicipta oleh manusia sentiasa akan muncul di sana sini tanpa mengira zaman mahupun tempat. Demikianlah antara kemukjizatan al-Qur'an al-Karim.

### **Perbezaan Antara Kerukunan dan Kesamaan Antara Agama**

Daripada kupasan di atas jelas kepada kita bahawa wujud perbezaan yang luas antara kerukunan beragama dan kesamaan agama. Kerukunan antara

agama adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam selagi mana diperhatikan syarat-syaratnya. Namun kesamaan antara agama, iaitu fahaman *Fiqh Lintas Agama* yang menjadi salah satu daripada manhaj utama aliran *Islam Liberal*, tidak dituntut oleh Islam, malah ia bertentangan dengan ajaran Islam itu sendiri.

### **Memintas *Fiqh Lintas Agama***

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Salah satu daripada dasar utama aliran *Islam Liberal* ialah fahaman bahawa semua agama adalah sama. Fahaman ini masyhur dikenali di sisi mereka sebagai *Fiqh Lintas Agama*, yang bermaksud kefahaman yang menghubungkan semua agama. Sebelum ini dalam risalah yang berjudul *Kerukunan Antara Agama, Bukan Kesamaan Antara Agama* penulis telah mengemukakan dalil-dalil al-Qur'an bahawa Islam tidak mengiktiraf semua agama sebagai sama. Yang diiktiraf oleh Islam hanyalah kehidupan aman damai di antara pemeluk-pemeluk agama yang berlainan.

Di dalam artikel ini penulis akan memintas, yakni menganalisa dan menjawab beberapa ayat al-Qur'an yang lazim dijadikan hujah oleh tokoh-tokoh *Islam Liberal* untuk membenarkan fahaman *Fiqh Lintas Agama* yang mereka bawa. Sebenarnya cara mereka berhujah tidak lain adalah mengungkap ayat-ayat al-Qur'an secara berpisah-pisah, asalkan sahaja ia membenarkan fahaman mereka. Ini adalah cara yang tidak benar kerana al-Qur'an adalah sebuah kitab yang perlu dirujuk secara keseluruhannya. Tidaklah ayat-ayatnya berdiri secara berpisah-pisah melainkan setiapnya saling melengkap antara satu sama lain. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda, maksudnya:

**"Sesungguhnya al-Qur'an tidaklah ia diturunkan dengan sebahagiannya mendustakan sebahagian yang lain, akan tetapi sebahagiannya membenarkan sebahagian yang lain."** [Hadis riwayat Ahmad, dinilai sahih oleh Syaikh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 6702]

Ayat paling masyhur yang mereka peralatkan ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Shabi'en, sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) Hari Akhirat serta beramal salih, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.** [al-Baqarah 2:62]

Senada dengan ayat di atas adalah:

**Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Shabi'un, dan orang-orang Nasrani - sesiapa sahaja di antara mereka yang beriman kepada Allah dan (beriman kepada) Hari Akhirat serta beramal salih, maka tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.** [al-Maidah 5:69]

Berdasarkan dua ayat ini tokoh-tokoh fahaman *Fiqh Lintas Agama* dari kalangan aliran *Islam Liberal* mendakwa semua penganut agama seperti kaum Yahudi, Nasrani (Kristian), Shabi'en dan Islam adalah sama dan benar. Dalam konteks yang lebih luas – tambah mereka – agama lain seperti Budha, Hindu dan sebagainya adalah juga sama lagi benar. Para penganutnya boleh dipanggil sebagai orang yang beriman dan mereka akan peroleh pahala atas setiap amal salih yang mereka kerjakan. Demikian hujah tokoh-tokoh *Islam Liberal* terhadap kedua-dua ayat di atas.

Sejauh manakah kebenaran hujah mereka? Marilah kita mengkaji secara mendalam kedua-dua ayat di atas. Ayat tersebut menyentuh tentang empat umat. Umat yang pertama adalah "orang-orang yang beriman" yang bermaksud umat Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Mereka disebut sebagai "mukminin (beriman)" kerana keimanan mereka yang besar lagi kuat. Lebih dari itu mereka juga beriman kepada seluruh para nabi yang terdahulu dan kepada hal-hal ghaib yang akan terjadi. Bagi mereka ganjaran pahala terhadap segala amal salih yang mereka kerjakan, tiada kebimbangan kepada mereka dalam kehidupan ukhrawi yang akan datang (Hari Akhirat) serta tiada kesedihan kepada mereka dalam kehidupan duniawi masa kini. Demikian terang al-Imam Ibn Katsir *rahimahullah* (774H) [Muhammad Nasib al-Rifa'iy - *Taysir al-'Aliy al-Qadir li Ikhtisar Tafsir Ibn Katsir* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh 1989), jld. 1, ms. 62]

Umat kedua adalah kaum Yahudi yang merupakan umat Nabi Musa *'alahissalam* manakala umat yang ketiga adalah kaum Nasrani yang merupakan

umat Nabi 'Isa 'alahissalam. Umat keempat adalah kaum Shabi'en. Para ahli tafsir memiliki beberapa pendapat tentang siapakah mereka. Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah (728H) menerangkan bahawa mereka adalah satu kaum yang pada awalnya menyembah pelbagai patung. Lalu kemudian sampai agama Nasrani di tengah-tengah mereka sehingga akhirnya mereka terbahagi kepada dua golongan, yang pertama adalah mereka yang berada di atas agama yang benar (*hanif*) serta mentauhidkan Allah manakala yang kedua adalah mereka yang syirik kepada-Nya. [*al-Radd 'ala al-Manthiqiyyin* (Dar al-Ma'refah, Beirut), ms. 288]

Menarik untuk diperhatikan bahawa dalam ayat 62 surah al-Baqarah mereka disebut sebagai kaum Shabi'en manakala dalam ayat 69 surah al-Maidah mereka disebut sebagai kaum Shabi'un. Perbezaan ini bukanlah kerana kesilapan tatabahasa al-Qur'an tetapi kerana *murhafatun lughawi*, iaitu perbezaan yang disengajakan guna menarik perhatian orang yang membaca dan mendengarnya. Demikian terang Syaikh Muhammad Mutawalliy al-Sya'rawi *rahimahullah* (1998) dalam kitab tafsirnya yang terkenal - *Tafsir al-Sya'rawi* [edisi terjemahan Indonesia dengan judul yang sama (Duta al-Azhar, Jakarta 2004), jld. 1, ms. 266]

Tujuan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menurunkan ayat 62 surah al-Baqarah dan ayat 69 surah al-Maidah dapat difahami dengan mengkaji ayat-ayat sebelumnya di mana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menerangkan sikap tercela umat-umat tersebut yang enggan beriman dan beramal dengan ajaran tulen yang

dibawa oleh nabi-nabi mereka. Namun di sebalik sikap yang tercela itu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan bahawa di kalangan mereka terdapat sebahagian yang tetap beriman dan beramal salih berdasarkan ajaran tulen yang dibawa oleh nabi masing-masing. Kepada mereka inilah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan berikan ganjaran pahala terhadap segala amal salih yang mereka kerjakan serta tiada kebimbangan kepada mereka dalam kehidupan ukhrawi mahupun kesedihan dalam kehidupan duniawi. Adapun pada masa setelah pengutusan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai Rasul Allah yang terakhir, tiada lagi pilihan kepada kaum-kaum ini kecuali mengikuti ajaran Islam yang dibawa oleh baginda. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*** [Ali 'Imran 3:19]

***Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada Hari Akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*** [Ali 'Imran 3:85]

Umat Yahudi, Nasrani dan Shabi'en tidak boleh dipanggil sebagai "orang yang beriman" kerana kedua-dua ayat di atas tidak memanggil mereka dengan gelaran sedemikian. Perhatikan terdapat pemisahan yang jelas antara permulaan ayat "***Sesungguhnya orang-orang yang beriman***" dengan yang sesudahnya: "***dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Shabi'en, dan orang-orang Nasrani***". Jelas bahawa ayat ini terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama adalah "orang-orang yang beriman" yang hanya khusus ditujukan kepada umat



Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Yang kedua adalah umat Yahudi, Nasrani dan Shabi'en, mereka disyaratkan kepada keimanan yang benar terhadap Allah dan Hari Akhirat serta beramal salih secara tulus sebagaimana yang diajar oleh nabi-nabi mereka. Hanya apabila syarat-syarat ini dipenuhi barulah mereka dapat dipanggil sebagai orang-orang yang beriman. Pada masa kerasulan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*, yakni ketika turunnya ayat 62 surah al-Baqarah dan ayat 69 surah al-Maidah, kebanyakan daripada mereka sudah memiliki iktikad yang menyeleweng manakala amalan mereka telah diubahsuai mengikut kehendak mereka sendiri. Oleh itu mereka tidak lagi dianggap sebagai orang yang beriman kecuali segelintir kecil yang memeluk Islam setelah jelas kepada mereka akan kerasulan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Timbul persoalan, kenapakah ayat 62 surah al-Baqarah dan ayat 69 surah al-Maidah hanya menyebut keimanan kepada Allah dan Hari Akhirat? Adakah memadai dengan dua keimanan ini sahaja? Pakar tafsir Indonesia masa kini, Syaikh Muhammad Quraish Shihab menerangkan sebabnya:

Pensyaratan beriman kepada Allah dan Hari Akhirat seperti bunyi ayat di atas bukan bererti hanya dua rukun iman itu sahaja yang dituntut daripada mereka, akan tetapi (kerana) kedua-duanya adalah istilah yang biasa digunakan oleh al-Qur'an dan Sunnah untuk makna iman yang benar dan mencakupi semua rukunnya.

Memang akan menjadi sangat panjang apabila semua objek keimanan disebut satu demi satu. Rasulullah s.a.w. dalam percakapan sehari-hariannya sering menyebut sekadar keimanan kepada Allah dan Hari Akhirat. Misalnya sabda baginda: **"Siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka hendaklah dia menghormati tetamunya."** Di ketika yang lain baginda bersabda: **"Siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka hendaklah dia mengucapkan kata-kata yang baik atau (jika tidak hendaklah dia) diam"** dan masih banyak yang seumpama. [*Tafsir al-Mishbah* (Lentera hati, Djuanda 2000) jld. 1, ms. 208]

Untuk memantapkan lagi kefahaman para pembaca, berikut ini penulis nukil tafsiran ayat 62 surah al-Baqarah daripada seorang tokoh ilmunan yang terkenal di Timur Tengah, iaitu Syaikh Sa'id Hawwa *rahimahullah* (1989M). Beliau sendiri di tempatnya telah terdedah kepada fahaman *Fiqh Lintas Agama*, sekalipun ia di sana tidak dipanggil dengan nama tersebut, manhajnya tetap sama juga, iaitu kesamaan antara agama. Justeru dalam mengupas tafsiran ayat di atas, beliau bukan sahaja menerangkan maksudnya yang sebenar tetapi juga menjawab serta menolak tafsiran "kesamaan antara agama" yang didirikan daripada ayat tersebut.

Syaikh Sa'id Hawwa dalam kitab tafsirnya *al-Asas fi al-Tafsir* (Dar al-Salam, Kaherah 1999), jld. 1, ms. 153-154 menulis:

Antara yang sedia dimaklumi adalah sesuatu umat tidak mungkin

seluruhnya terjebak ke dalam maksiat (derhaka kepada ajaran agama), pasti ada di antara mereka individu yang bersungguh-sungguh dalam ketaatan. Mereka tidak terpengaruh dengan pelbagai kekeliruan yang dilakukan oleh orang lain (daripada kaum mereka). Lalu bagaimanakah kedudukan mereka di tengah umat mereka? Bagaimana nasib mereka terhadap hukuman duniawi dan ukhrawi padahal mereka melaksanakan hak Allah? Ayat ini (al-Baqarah 2:62) menegaskan bahawa keutamaan Allah *'Azza wa Jalla* disempurnakan ke atas orang-orang seumpama mereka dalam setiap umat. Bagi mereka keselamatan daripada hukuman duniawi dan hukuman ukhrawi.

.....Wajib diketahui dengan jelas bahawa yang dimaksud dengan orang-orang yang disebutkan dalam ayat di atas (Yahudi, Nasrani dan Shabi'en) adalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada Hari Akhirat dengan keimanan yang benar serta melaksanakan agama Allah (sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah, inilah maksud firman-Nya): "**.....sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) Hari Akhirat serta beramal salih.....**"

Agar tidak terjadi kekeliruan pemahaman, saya tegaskan bahawa sekarang tidak ada lagi orang yang akan selamat, baik dari kalangan Yahudi, Nasrani, Shabi'en, Majusi ataupun yang lainnya kecuali apabila dia beriman kepada Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* atau jika belum sampai kepadanya dakwah

(tentang Islam, di mana urusan mereka diserahkan kepada Allah). Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim (Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, maksudnya): ***"Demi nyawaku yang berada di Tangan-Nya, tidaklah seorangpun dari umat ini yang mendengar (dakwah) saya, baik dari kalangan Yahudi mahupun Nasrani, kemudian dia tidak beriman dengan yang aku diutuskan dengannya (Islam) melainkan dia termasuk penduduk neraka."***

Berdasarkan ini, maka orang Yahudi yang dimaksud dalam ayat di atas adalah orang Yahudi yang hidup sebelum Nabi 'Isa 'alaihissalam yang tidak ikut mengerjakan maksiat, malah mereka bersungguh-sungguh dalam keimanan. Adapun orang Yahudi yang tidak beriman dengan Nabi 'Isa setelah baginda diutus maka dia tercela. Yang dimaksudkan dengan orang Nasrani (dalam ayat di atas) adalah orang Nasrani yang hidup sebelum kerasulan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* yang bersungguh-sungguh dengan keimanan mereka yang sah serta mengerjakan amal salih dan mereka tidak menyimpang karena mengikuti penyimpangan manusia (orang lain). Adapun setelah kerasulan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* maka seluruh orang Nasrani tercela apabila mereka tidak memeluk agama Islam (termasuk juga orang Yahudi kerana kedua-dua mereka, kaum Yahudi dan Nasrani adalah daripada kalangan Bani Israil). Demikianlah juga orang Shabi'en, mereka selamat sampai diutusnya Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* kerana (sebelum itu) mereka tidak ikut serta

mengerjakan kesesatan yang dilakukan oleh kaumnya. Adapun setelah kerasulan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* maka kesemua mereka yang tidak beriman akan tercela.

Ayat di atas dibuka (dimulai) dengan menyebutkan orang-orang yang beriman, yang dimaksud dengannya adalah umat Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* walaupun mereka datang paling akhir. Hal itu karena mereka beriman dengan seluruh nabi yang diutus sebelumnya dan pelbagai perkara ghaib yang akan datang. Keimanan seperti ini sudah menjadi ciri khusus umat ini.

Oleh itu sebagai kesimpulan perbahasan, ayat 62 surah al-Baqarah dan ayat 69 surah al-Maidah tidak berperanan menghukum semua agama sebagai benar, jauh sekali daripada memanggil setiap penganut agama sebagai "orang-orang yang beriman." Peranan kedua-dua ayat ini adalah untuk menerangkan bahawa di kalangan umat-umat terdahulu, sesiapa yang beriman secara benar kepada Allah dan beramal salih sebagaimana ajaran tulen yang dibawa oleh para nabi mereka, mereka akan diberi ganjaran oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Adapun pada masa setelah pengutusan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai Rasul Allah yang terakhir, tiada lagi pilihan kepada kaum-kaum ini kecuali mengikuti ajaran Islam yang dibawa oleh baginda.

Selain ayat 62 surah al-Baqarah dan ayat 69 surah al-Maidah, terdapat beberapa ayat lain yang juga diperalatkan oleh tokoh-tokoh *Islam Liberal* untuk menegakkan fahaman *Fiqh Lintas Agama*. Berikut akan dikemukakan ayat-ayat

tersebut diikuti dengan penjelasannya yang benar secara ringkas.

### **Surah al-Hajj 22:17**

***Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Shabi'en, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi, serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada Hari Kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.***

Berdasarkan ayat ini tokoh-tokoh *Islam Liberal* mendakwa bahawa semua orang, sama ada beragama atau tidak, adalah sama. Siapa yang benar akan diputuskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada Hari Kiamat kelak.

Penjelasan:

Ayat di atas tidak bermaksud kesamaan antara agama kerana pada ayat yang lain Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menetapkan bahawa:

***Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*** [Ali 'Imran 3:19]

Maksud sebenar ayat 17 surah al-Hajj di atas adalah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan bahawa semua umat akan dibawa kepada pengadilan-Nya pada Hari Kiamat kelak. Sesiapa yang beriman kepada agama-Nya yang dibawa

oleh para Rasul-Nya secara tulen akan mendapat ganjaran manakala sesiapa yang menentang atau mengubah suai maka dia akan mendapat hukuman. Adapun bagi kaum penyembah berhala seperti orang-orang Majusi dan Musyrik, jika telah sampai dakwah tauhid lalu mereka beriman kepadanya maka mereka akan memperoleh ganjaran Allah. Jika telah sampai dakwah tetapi mereka mengingkarinya maka mereka akan memperoleh hukuman. Jika **tidak sampai** dakwah maka kedudukan mereka terserah kepada rahmat dan keluasan ilmu Allah.

#### **Surah Ali `Imran 3:19**

***Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*** [Ali `Imran 3:19]

Tokoh-tokoh *Islam Liberal* menafsirkan ayat di atas bahawa kononnya "Islam" yang dimaksudkan adalah "penyerahan diri kepada tuhan" tanpa mengira apa agamanya dan siapa tuhannya. Justeru semua agama adalah benar selagi mana para penganutnya menyerah diri kepada tuhan masing-masing. Demikian kesimpulan mereka terhadap ayat di atas.

Penjelasan:

Tafsiran di atas terbukti salah jika kita mengkaji ayat ke 18 dan 19 secara lengkap. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya), bahawasanya***

***tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.***

***Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang yang diberikan Kitab (Yahudi dan Nasrani) tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisab-Nya. [Ali `Imran 3:18-19]***

Ayat 18 menetapkan keesaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai satu-satunya tuhan yang layak disembah, sekaligus membatalkan dakwaan tokoh-tokoh *Islam Liberal* bahawa semua tuhan adalah benar. Ayat 19 menerangkan tentang sikap Ahli Kitab, yakni kaum Yahudi dan Nasrani yang sengaja mengingkari kebenaran risalah Islam semata-mata kerana kedengkian sekalipun mereka tahu akan kebenarannya. Sikap kaum Yahudi dan Nasrani ini menyebabkan mereka dihukum sebagai orang yang "kufur ingkar" terhadap ayat-ayat Allah, sekaligus membatalkan dakwaan tokoh-tokoh *Islam Liberal* kononnya agama Yahudi dan Nasrani atau apa jua agama lain adalah benar.



Lebih dari itu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman dalam ayat yang lain:

***Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada Hari Akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*** [Ali `Imran 3:85]

Ayat ini secara jelas menerangkan semua agama adalah tidak sah di sisi Allah kecuali Islam. Tidak wujud apa-apa tafsiran kedua daripada ayat 85 surah Ali `Imran ini selain daripada di atas.

#### **Surah al-Baqarah 2:148**

***Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada Hari Kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.***

Daripada ayat ini, tokoh-tokoh *Islam Liberal* bukan sahaja mendakwa semua agama adalah benar tetapi kononnya al-Qur'an menganjurkan agar setiap penganut agama – apa jua agama mereka – berlumba-lumba untuk mengerjakan kebajikan. Amal kebajikan mereka akan diberi ganjaran pahala pada Hari Kiamat kelak.

Penjelasan:

Ayat 148 di atas yang bersifat umum telah diperincikan oleh ayat 177 daripada surah al-Baqarah yang sama:

***Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan Hari Akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi.....***

Orang yang tidak beriman kepada Allah tidak akan memperoleh ganjaran pahala, malah amal kebajikan mereka adalah sia-sia sahaja di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Firman Allah:

***Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah meyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah Amat segera hitungan hisab-Nya.***

[al-Nur 24:39]

### **Al-Quran tidak mengkafirkan orang bukan Islam.**

Tokoh-tokoh *Islam Liberal* mendakwa bahawa apabila berbicara dengan kaum Yahudi dan Nasrani, al-Qur'an tidak memanggil mereka "Wahai kaum kafir..." tetapi memanggil mereka "Wahai Ahli Kitab...". Demikian juga apabila berbicara dengan kaum penyembah berhala, al-Qur'an tidak memanggil mereka "Wahai kaum musyrik..." tetapi memanggil mereka "Wahai manusia...". Ini semua menunjukkan bahawa al-Qur'an tidak menghukum mereka kafir mahupun sebagai ahli neraka.

Penjelasan:

Memang benar bahawa apabila berbicara dengan kaum ahli kitab atau penyembah berhala, al-Qur'an memanggil mereka sebagai "Wahai Ahli Kitab..." dan "Wahai manusia...". Semua ini tidak lain adalah kaedah hikmah dalam berdakwah sebagaimana yang disebut dalam al-Qur'an:

***Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*** [al-Nahl 16:125] Jika kita memanggil orang yang ingin kita dakwah dengan gelaran yang bersifat negatif, pasti ia akan menggagalkan usaha dakwah kita sejak daripada saat yang awal.

Walaupun bagaimanapun dakwaan tokoh-tokoh *Islam Liberal* bahawa al-Qur'an tidak mengkafirkan kaum ahli kitab atau penyembah berhala adalah salah. Sila rujuk ayat berikut:

***Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang-orang musyrik, tidak akan terlepas (dari kepercayaan dan amalan masing-masing) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata.***

[al-Bayyinah 98:01]

Demikian juga dakwaan mereka bahawa kononnya al-Qur'an tidak menghukum kaum ahli kitab atau penyembah berhala dengan azab neraka. Sila rujuk ayat berikut:

***Sesungguhnya orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang musyrik itu akan ditempatkan di dalam neraka Jahannam, kekalah mereka di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk.***

[al-Bayyinah 98:06]

Demikian beberapa ayat yang lazim dikemukakan oleh tokoh-tokoh *Islam Liberal*. Tidak dinafikan bahawa masih terdapat beberapa ayat lain yang mereka pergunakan. Apa jua ayat yang digunakan, manhaj mereka tetap sama iaitu memperalatkan beberapa ayat yang sesuai dengan fahaman mereka sambil mengabaikan ratusan ayat lain yang bertentangan malah membatalkan fahaman mereka.

Sebenarnya fahaman *Fiqh Lintas Agama* hanya baru dari sudut nama

manakala dari sudut manhaj ia sudah wujud lama dahulu. Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, para tokoh musyrik Kota Makkah juga cuba untuk "menyamakan" antara agama nenek moyang mereka dengan agama Islam yang dibawa oleh baginda. Terhadap percubaan ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menurunkan ayat berikut:

***Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku."*** [al-Kafirun 109:1-6]

Ayat-ayat surah al-Kafirun ini adalah sesuai lagi tepat untuk semua tempat dan zaman, sama ada terhadap tokoh-tokoh musyrik Makkah di zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* atau kepada tokoh-tokoh *Islam Liberal* masa kini.

**Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

**Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu  
(Sebagaimana yang Diajar dan Dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.)**  
Jahabersa 1999 & 2002 & 2004

**Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak?**  
Jahabersa 1999 & 2002

**Marilah Kita Berselawat Ke Atas Rasulullah (s.a.w.)  
(Suatu Jemputan Ke Arah Berselawat Dengan Sebenar-benar Selawat dan  
Huraian Tentang Beberapa Salah Faham Dalam Bab Berselawat)**  
Jahabersa 1999 & 2002

**Marilah Mendirikan Sembahyang**  
Jahabersa 2000

**Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam**  
Edisi Pertama: Jahabersa 2000  
Edisi Baru: Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan**  
Jahabersa 2000, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Solat Tarawikh:  
Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**  
Jahabersa 2000

**20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya**  
Jahabersa 2002, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**  
Jahabersa 2002, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil**  
Jahabersa 2003, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah:  
73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari**  
Jahabersa 2003

**Apakah Jihad Di Jalan Allah ?**  
**Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad**  
Jahabersa 2003

**Apakah Jihad Di Jalan Allah ?**  
**Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya**  
Jahabersa 2004

**Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada *Syi'ah al-Rafidhah* dalam Persoalan Khalifah.**  
**Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.**  
Jahabersa 2004

**Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada *Syi'ah al-Rafidhah* dalam Persoalan Khalifah.**  
**Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.**  
Jahabersa 2004

**Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah**  
**Buku 1: Hadis Ahad, Azab Kubur, Aurat Wanita, Penurunan Nabi Isa, Modernisme dan Islam Liberal**  
Jahabersa 2004

**Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa  
(Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)**  
Jahabersa 2005

**Buku-buku yang disunting oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

**Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars**

**Part One: The History of Christianity, The Concept of Salvation, The Doctrine of the Trinity and Incarnation (al-Hulul wa al-Ittihad)**

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004)

**Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars**

**Part Two: The Doctrine Of The Original Sin And The Atonement, The Crucifixion And The Resurrection Of Jesus Christ, Jesus Was Sent Only To The Israelites, The Authenticity Of The Bible, Contradictions And Errors In The Biblical Text.**

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004)

**Koleksi Kertas Kerja Seminar "Ahli Sunnah Wal Jamaah Golongan Tauladan"**

(Jahabersa 2004)

**Biografi Tokoh Orientalis Menurut Kitab al-A'lam al-Zarikli.**

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

**Leo Africanos: Pengembara Muslim Yang Belum Dikenali Ramai.**

Oleh Dr. Pekka Masonen & Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

**Petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.**

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Azzahari bin Murad. (Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com))

**Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu *Ushul al-Fiqh***

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fadlan bin Mohd. Othman (Jahabersa 2004)

**Kaedah Memahami Nama-Nama Dan Sifat-Sifat Allah**

Oleh Abu Iqbal Mohd Yaakub bin Mohd Yunus al-Mandeeli (Jahabersa 2005)

**Keadilan Para Sahabat Di Sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah***

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2005)



**Hafiz Firdaus bin Abdullah** lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Berpegang kepada konsep "*Bukan siapa yang berkata tetapi apa yang dikatakan*", Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

*Alhamdulillah* sambutan yang baik daripada para pembaca menjadi pendorong kepada beliau untuk terus menulis topik-topik yang lebih penting dan besar. Sehingga kini Hafiz Firdaus telah menulis belasan buah buku bersama Penerbitan Jahabersa dengan sambutan yang luas di Malaysia dan negara-negara jiran.